

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II                      Bil. 59                      Hari Rabu                      6hb. November 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1997 (Ruangan 46)

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan 1997 (Ruangan 46)

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1).  
*Pengharaman Persidangan Asia Pasifik Kedua Timor Timur*  
*(APCET II)*  
- Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] (Ruangan 41)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat. (Ruangan 114)

# **DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

## **PENYATA RASMI PARLIMEN**

### **Penggal Yang Kedua**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)  
Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)



- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasar Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

*sd/dr/okt/96*

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 6hb. November, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA - JUMLAH  
MAJIKAN BERDAFTAR DAN KUTIPAN LEVI**

**1. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah kutipan levi pembangunan sumber manusia yang telah diterima oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan berapakah jumlah majikan yang telah berdaftar; dan
- (b) sejak Majlis Pembangunan Sumber Manusia dilancarkan apakah skim latihan yang telah dan akan diperkenalkan untuk manfaat majikan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali dengan soalan Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang dijadualkan untuk dijawab pada 3hb. Disember, 1996 kerana ianya adalah mengenai perkara yang sama dan berkaitan.

- (a) Semenjak Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ditubuhkan pada 1 Januari, 1993 hingga 31 Oktober, 1996, jumlah levi pembangunan sumber manusia yang telah dikutip ialah RM324.71 juta. Levi tersebut adalah dikutip daripada 5,348 majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia, terdiri daripada 4,339 majikan dari sektor perkilangan dan 1,009 lagi dari sektor perkhidmatan.

(b) Sehingga kini, sebanyak 11 skim telah diperkenalkan untuk memudahkan majikan mendapat geran latihan, iaitu:-

- (i) Skim Bantuan Latihan;
- (ii) Skim Program Latihan Yang Diluluskan;
- (iii) Skim Pelan Latihan Tahunan;
- (iv) Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan;
- (v) Skim Pembelian Alat Bantuan Latihan dan Mengadakan Bilik Latihan;
- (vi) Skim Perantisan;
- (vii) Skim Latihan Bersama;
- (viii) Skim Latihan Berkelompok;
- (ix) Skim Pinjaman Faedah Rendah;
- (x) Skim Latihan Jarak Jauh dan Latihan Terbuka; dan
- (xi) Skim Pembelian dan Membangunkan Perisian Komputer Bagi Latihan Berbantu Komputer.

Sehubungan itu, seramai 1,091,480 orang pekerja telah diluluskan mengikuti latihan semula dengan peruntukan kewangan sebanyak RM274.02 juta. Sebanyak RM3.28 juta pula diluluskan untuk pembelian alat bantuan latihan dan mengadakan bilik latihan. Jumlah-jumlah tersebut pada keseluruhannya merupakan 85.40% daripada jumlah levi yang telah dibayar oleh majikan.

Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah juga menerima maklum balas yang amat positif dan memberangsangkan daripada majikan-majikan tentang prestasi dan sikap pekerja-pekerja terhadap kerja dan syarikat masing-masing, setelah menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran. Di antaranya adalah produktiviti, kualiti barangan, prestasi kerja dan kepuasan pekerja telah meningkat

sekaligus membawa kepada pengurangan dalam kadar pusing ganti buruh dan juga kadar kerosakan peralatan. Berikutan itu, majikan lebih yakin terhadap latihan dan mereka kini mempergiatkan lagi aktiviti latihan kepada pekerja-pekerja menggunakan kemudahan kumpulan wang ini.

**Dato Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada latihan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah latihan itu ditumpukan juga di sektor perkhidmatan terutamanya dalam industri pelancongan?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang pada permulaannya tumpuannya adalah kepada sektor perkilangan tetapi kita telah pun mula memasuki bidang perkhidmatan (service) dan ianya belum lagi masuk ke peringkat pelancongan, tetapi insya-Allah, kita akan sampai ke bidang itu apabila soal-soal detail mengenai latihan yang perlu diberi itu semua telah diselesaikan.

## **UJIAN MEMBACA SURAH AL-QURAN BAGI PASANGAN BERKAHWIN - PELAKSANAAN**

2. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah ujian membaca satu surah Al-Quran sebagai syarat bagi membolehkan pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga itu akan dilaksanakan; dan
- (b) adakah pihak Pusat Islam memandang keperluan tersebut begitu penting sebagai syarat wajib tambahan bagi nikah kahwin. Tidakkah dengan pelaksanaan cadangan itu kelak akan membebankan pasangan yang ingin berkahwin, lebih-lebih lagi golongan saudara baru yang baru mengenali agama Islam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Membaca Al-Quran merupakan satu budaya yang perlu diamalkan oleh setiap umat Islam. Begitu juga bagi pasangan suami isteri, penghayatan ajaran Al-Quran akan membawa kesejahteraan dan keharmonian hidup



berkeluarga. Cadangan mensyaratkan ujian membaca satu surah Al-Quran selain daripada Surah Al-Fatihah bagi bakal pengantin yang akan mendirikan rumah tangga sesuai dilaksanakan apabila tiba masanya terutamanya bagi generasi yang melalui sistem pendidikan berdasarkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan sistem pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

(b) Pusat Islam berpendapat membaca Al-Quran merupakan perkara asas bagi kehidupan seorang Muslim. Sebelum mereka melangkah ke alam perkahwinan, terlebih dahulu perkara-perkara asas tersebut perlu disempurnakan. Kita yakin dengan terlaksana cadangan tersebut tidak akan membebankan mana-mana pihak. Bagi golongan saudara baru yang baru mengenali Islam, mungkin pengecualian khas akan diberikan.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengadakan peraturan sebegini. Hanya saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, adakah surah-surah tertentu ditentukan untuk dibaca sebab surah Al-Quran ada yang pendek, ada yang panjang. Jadi, kalau orang itu hafal surah yang tiga ayat sahaja, yang seratus ayat dia tidak mengerti, adakah ditentukan surah tertentu untuk dibacakan oleh seseorang yang hendak kahwin itu?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Dasar kita ialah kita lihat kepada peningkatan. Mula-mula kita kenakan yang pendek dahulu tetapi apabila masyarakat sudah mantap mengenai hal ini, kita pertingkatkan kepada yang panjang. Surah Al-Baqarah yang terpanjang mengambil lebih daripada tiga juzuk. Jadi, kita akan laksanakan mengikut peringkat-peringkat.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Pusat Islam bercadang mengenakan syarat-syarat membacakan satu surah Al-Quran kepada suami-suami yang ingin berpoligami?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Banyak faktor mesti difikirkan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama dari segi umur orang yang hendak berkahwin dan daripada hasratnya dan memikirkan juga unsur tuntutan pada hari ini supaya syarat-syarat poligami dan caranya diperketatkan sedikit supaya dikurangkan, maka soal baca Quran pun satu unsur mesti difikir ke arah yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

*[Soalan No. 3 - Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]*

*tidak hadir].*

#### **KEMUDAHAN BEKALAN ELEKTRIK/AIR DI SABAH - PERBELANJAAN**

4. **Tuan Paul Noutin [Penampang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) daripada RM45 juta untuk bekalan elektrik dan RM10.4 juta untuk bekalan air luar bandar yang diperuntukkan dalam Belanjawan 1996 bagi negeri Sabah, berapakah yang telah pun dibelanjakan oleh kementerian setakat ini; dan
- (b) nama kampung-kampung di kawasan Penampang yang telah dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan tersebut hasil daripada Belanjawan 1996 itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan RM 41.1 juta atau 91% dari RM45 juta peruntukan bekalan elektrik luar bandar tahun 1996 untuk negeri Sabah. Bagi bekalan air luar bandar pula, peruntukan tahun 1996 yang

diluluskan kepada negeri Sabah sebenarnya ialah RM15 juta. Bagi tempoh peruntukan itu, tujuh projek sedang dilaksanakan.

- (b) Kampung-kampung di kawasan Penampang yang tersenarai akan mendapat bekalan elektrik dan air bagi Belanjawan tahun 1996 adalah:

Bekalan Elektrik

- (i) Kg. Peropok, Kibunut
- (ii) Kg. Timpangoh Laut

Bekalan Air

- (i) Kg. Lembising Baru
- (ii) Kg. Nabangkung

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita merasa lega oleh kerana ada peruntukan yang begitu besar sekali untuk negeri Sabah tetapi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dua projek di kawasan saya yang menurut jawapan soalan saya pada 17hb. Julai 1996, dua kampung iaitu Kampung Telawat telah diperuntukkan sebanyak RM280 ribu yang telah diluluskan dalam tahun 1995 bagi maksud bekalan elektrik dan satu lagi yang diluluskan dalam tahun 1996 sebanyak RM370 ribu untuk Kampung Bongol dan dikatakan bahawa kedua-dua projek ini akan siap penghujung tahun 1996 tetapi kampung ini saya tahu dan saya selalu melawat, bahkan seminggu lalu pun saya sudah melawat, belum ada bukti bahawa pelaksanaan sudah dimulakan. Jadi, dapatkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa projek ini akan dapat dilaksanakan sebelum penghujung tahun ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana akhirnya Yang Berhormat tahu bahawa Barisan Nasional

memang memberi peruntukan besar kepada negeri Sabah. *[Tepuk]* Dan saya harap dengan itu Yang Berhormat akan menyokong Barisan Nasional.

Mengenai soalan tadi, itu adalah soalan terperinci dan Tuan Yang di-Pertua, saya perlu mengkaji dan saya akan memberitahu Yang Berhormat nanti.

**Tuan Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ialah berkaitan dengan peruntukan bagi bekalan elektrik ini di mana Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi peruntukan dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga mempunyai peruntukan sendiri. Saya ingin bertanya adakah penyelarasan yang lebih berkesan sedang dilaksanakan kerana seringkali ada peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi kapasiti stesen di peringkat LLS negeri Sabah tidak mencukupi. Jadi, seringkali ini timbul di mana ada peruntukan dan tiang berdiri tetapi kekapitinya pula tidak mencukupi untuk membekal tenaga tersebut kerana tidak ada penyelarasan yang cekap. Apakah tindakan Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menentukan apakah tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan apakah tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengenai elektrik di luar bandar. Jadi, bagi kementerian, bagi kerajaan pembahagian tanggungjawab itu jelas. Jadi, tidak timbullah masalah bercanggah tetapi mungkin ada timbul berlaku di peringkat bawah di mana mungkin atas desakan masyarakat setempat, kerajaan cuba hendak membekalkan elektrik kepada kawasan itu dan oleh kerana selepas itu mungkin dia tahu ada masalah. Oleh yang demikian, maka sekarang kita telah menubuhkan jawatankuasa seperti di Sabah LLS dengan Pejabat Pembangunan Negeri Sabah dan Pegawai Daerah untuk menentukan bahawa masalah di peringkat bawahan ini, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat

tidak berlaku dan kita berharap dengan bantuan maklumat dari Yang Berhormat masing-masing kita dapat mengelakkan masalah itu berlaku.

## **MASYARAKAT MADANI DI MALAYSIA - PENUBUHAN**

5. **Puan Rohani binti Haji Abdul Karim [Santubong]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah perancangan yang sedang dan akan diambil oleh kementerian di dalam membantu usaha kerajaan untuk menubuhkan masyarakat madani di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara perancangan yang sedang diambil oleh kementerian ini ialah dengan memantapkan institusi keluarga. Perancangan sedemikian adalah penting agar usaha-usaha untuk membudayakan ciri-ciri keperluan luhur masyarakat madani akan dapat dimantapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sememangnya sedang giat berusaha membantu kerajaan melalui program dan aktiviti iaitu dengan mengadakan dan melaksanakan program pencegahan, perlindungan dan pemulihan serta pembangunan manusia. Di samping mewujudkan budaya masyarakat penyayang di kalangan ahli-ahli masyarakat terhadap kumpulan sasar seperti kanak-kanak, remaja, juvana, wanita, orang cacat, orang papa, orang tua, keluarga dan komuniti, kementerian ini menggalakkan semua lapisan masyarakat sama ada individu, keluarga, masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan korporat sama-sama memikul tanggungjawab sosial terhadap ahli-ahlinya.

Dari segi pencegahan ke arah mengurangkan masalah sosial, kementerian ini mengadakan kempen-kempen kesedaran terhadap orang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak bagi memastikan kumpulan sasar mendapat pembelaan ke arah peningkatan potensi diri. Ini diadakan melalui Hari Kanak-Kanak Sedunia pada bulan Oktober, Hari Warga Tua pada lhb. Oktober dan Hari Orang Kurang Upaya pada 3hb. Disember setiap

tahun. Dalam aspek pemulihan pula, program dan aktiviti yang dijalankan menekankan kepada pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai murni, akhlak mulia bagi membolehkan mereka diintegrasikan dalam masyarakat sebagai warga negara yang berguna dan berwawasan. Dari segi program perlindungan di samping mengukuhkan unit-unit kekeluargaan, yang menjadi asas kesejahteraan masyarakat, Jabatan juga menentukan kumpulan sasar seperti kanak-kanak, warga tua serta orang papa diberikan perlindungan sementara supaya tidak hidup melarat dan terbiar. Pelbagai usaha telah diambil bagi mendapatkan keluarga ganti yang dapat menjamin perlindungan yang sempurna terhadap kumpulan sasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu kerajaan menubuhkan masyarakat madani di Malaysia, kementerian ini mengambil pendekatan promosi, penggalakan dan pembangunan ke arah pembentukan penduduk yang berkualiti. Memandangkan bahawa keluarga adalah unit asas dan terpenting dalam pembangunan seseorang insan, satu program pembangunan keluarga telah dilaksanakan untuk memperkukuhkan institusi keluarga. Antara aktiviti-aktiviti utama yang sedang dilaksanakan adalah kursus-kursus keibubapaan dan kaunseling kekeluargaan.

Menerusi aktiviti-aktiviti ini, nilai-nilai masyarakat madani seperti bermoral tinggi, adil, saksama dan saling menghormati dititikberatkan. Dalam menentukan penerapan nilai-nilai kekeluargaan yang lebih menyeluruh dan berkesan dan membantu ke arah mewujudkan masyarakat madani, kementerian sedang menggubal satu pelan tindakan keluarga kebangsaan untuk pelaksanaan pelbagai sektor. Program pembangunan keluarga yang sedia ada akan dipertingkatkan supaya lebih komprehensif dan mantap dalam usaha menangani masalah-masalah sosial masa kini dan yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga sentiasa mempertingkatkan program-program yang bertujuan untuk meletakkan wanita pada tempat yang sewajarnya, iaitu melalui pelbagai tindakan yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Semua program yang dirancang telah dirumus dalam pelan tindakan pembangunan wanita yang akan dilaksanakan sama ada oleh kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta serta pihak-pihak lain yang akan menggunakannya sebagai

garis panduan dalam mengendalikan program-program mengintegrasikan wanita dalam pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini juga sedang menjalankan pelbagai program khusus untuk mewujudkan masyarakat madani di kalangan masyarakat Orang Asli. Beberapa program yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asli sedang berjalan dan akan diteruskan. Ini termasuklah projek-projek menambah pendapatan, penubuhan koperasi, menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik serta melaksanakan program-program yang dapat menerap nilai positif di kalangan kumpulan sasaran ini.

Kementerian ini juga menekankan kepada program ke arah kemajuan diri, semangat gotong-royong, amalan gaya hidup yang sihat, peluang untuk menimba ilmu pengetahuan, kemudahan perumahan dan perubatan yang lebih baik. Dari segi latihan dan pembangunan tenaga manusia, kementerian ini sedang giat melaksanakan beberapa program-program latihan, termasuklah dalam bidang mekanik motor, mekanik kereta, kraftangan dan jahitan. Dengan adanya program-program yang dirangka, maka kementerian ini yakin masyarakat Orang Asli akan dapat memasuki dekad akan datang dengan gigih dan penuh yakin dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Mengikut perancangan akan datang, kementerian ini akan terus peka terhadap isu-isu sosial yang timbul dan akan meneruskan pelaksanaan program-program dengan lebih bersepadu lagi dalam mengadakan program dan aktiviti untuk semua kumpulan sasaran kementerian sebagai menyumbang ke arah pembentukan satu masyarakat madani.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu panjang lebar. Saya hendak bertanya adakah kementerian sekarang ini memberi pengiktirafan kepada warga tua? Contohnya, warga tua yang umur 55 tahun ke atas, sejauh mana pengiktirafan oleh

masyarakat memberi tambang kereta api, tambang kapal terbang separuh, tidur di hotel separuh harga, makan di restoran separuh harga dan sebagainya. Kalau itu belum lagi diiktiraf, barangkali inilah satu daripada kerja yang kena dibuat oleh kementerian Yang Berhormat.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, iaitu rupa-rupanya kalau umur sudah sampai 55 tahun ke atas, ertinya seseorang itu orang tua tidak berusaha lagi. Sebab kerajaan akan memberi segalanya, setengah pembayaran hotel dan lain-lain. Jadi, tujuan kerajaan, bagi pihak orang-orang tua, iaitu pertama kali mereka akan mencari jalan supaya bekerja mengikut apa yang kemampuan kepada diri sendiri. Jadi, kita tahu pada masa ini kebanyakan ataupun banyak orang-orang tua kalau lagi sihat memang dia dapat bekerja dalam macam-macam bidang. Jadi, oleh kerana itu, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi belum ada cadangan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri persoalan membabit soalan undang-undang. Adakah kementerian bercadang untuk membuat satu general review kepada semua undang-undang yang mendatangkan ketidakadilan kepada satu golongan masyarakat, sama ada wanita ataupun orang tua. Umpamanya, wanita kalau pencen, kalau dia hendak kahwin baru hilang pencen. Yang tua, kalau 55 tahun terlibat dalam accident, dia tak boleh dapat ganti rugi yang sebesar orang di bawah 55 tahun. Jadi, ini mendatangkan satu masalah ketidakadilan sosial berlaku. Adakah kementerian bercadang untuk membuat general review semua undang-undang Malaysia dikaji semula supaya keadilan sosial dan undang-undang itu dibuat secara serentak dan menyeluruh?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, memang bagi pihak Kementerian Perpaduan



Negara dan Pembangunan Masyarakat, mana-mana akta yang ada diskriminasi bukan hanya kepada wanita dan yang lain-lain di bawah bidang kuasa kementerian memang sedang dibuat.

## **MULTIMEDIA SUPER CORRIDOR (MSC) DALAM SEKTOR PERTAHANAN - PENGGUNAAN**

6. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rancangan kementerian beliau untuk menyesuaikan fungsi kementerian khususnya dalam sektor pertahanan, seperti mengadaptasikan kaedah-kaedah teknologi multimedia super koridor.

### **Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kaedah multimedia super koridor (MSC) adalah sebahagian daripada teknologi maklumat yang merupakan satu alat moden untuk digunakan oleh sesebuah organisasi seperti Kementerian Pertahanan. Dalam hal ini, Kementerian Pertahanan sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi multimedia ini dalam sektor pertahanan seperti juga yang dilaksanakan oleh lain-lain negara maju dalam dunia. Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan memang mempunyai rancangan untuk menyesuaikan fungsinya dengan sektor pertahanan dengan mengadaptasikan kaedah MSC ini.

Pada permulaan ini, Kementerian Pertahanan akan terlibat secara langsung dengan satu daripada aplikasi MSC, iaitu dengan izin, electronic government. Walau bagaimanapun, pada kemudian hari nanti kementerian akan terlibat juga dengan beberapa aplikasi MSC yang lain seperti dengan izin, Telemedicine, R&D Custor dan Multipurpose Scud. Secara khusus Kementerian Pertahanan telah pun memasang rangkaian telefon fibre optic, dengan izin, yang menghubungkan semua sektor di Wisma Pertahanan dan sedang melaksanakan peningkatan Local Area Network (LAN) dan perhubungan ke Jaring. Kemudahan LAN dan Jaring ini membolehkan hubungan secara elektronik dilakukan dengan lain-lain agensi dan pihak di dalam dan di luar MSC. Pada masa yang

sama kementerian ini sedang mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) di semua sektor dengan tumpuan dan penekanan diberikan kepada kaedah multimedia dan ke arah perkhidmatan paperless, dengan izin.

## **PELANCONGAN DALAM NEGERI - GALAKAN**

7. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah dan sejauh mana tindakan telah diambil untuk menggalakkan para pelancong dalam/luar negeri melancong di negara ini. Contohnya, mewujudkan pusat-pusat penjaja yang istimewa.

### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan**

**[Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengadakan pelbagai strategi di dalam mempromosikan Malaysia di luar negeri. Antara program penggalakan pelancongan adalah misi jualan seberang laut yang melibatkan 10 pasaran utama seperti Jepun, negara-negara ASEAN, Australia, Afrika Selatan, negara-negara Timur Tengah, China, Hong Kong dan Taiwan antaranya.

Di samping itu, LPPM juga mengambil bahagian dalam pameran-pameran pelancongan antarabangsa di pasaran-pasaran terpilih, seperti pameran di London, Berlin, Chicago, di samping pameran di negara-negara Asean. Selain daripada itu, LPPM juga mengadakan promosi galakan consumer, iaitu promosi makanan dan kebudayaan di 17 buah negara seperti China, Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan juga negara-negara Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pelancong melancong ke negara ini, kementerian telah menjalankan aktiviti pengiklanan melalui program berkaitan dengan media di seberang laut, program lawatan sambil belajar kepada agen-agen pelancongan luar negeri datang ke Malaysia dan juga menjadi host kepada beberapa wakil media

asing yang membuat liputan mengenai produk-produk negara ini dan juga mengadakan pengiklanan-pengiklanan aktiviti domestik seperti Pesta Flora, Pesta Malaysia, Karnival Membeli-belah, World International Tournament Golf Amateur, di samping mengiklankan 8 destinasi utama negara.

Untuk menarik pelancong tempatan melancong di dalam negeri, kementerian dengan kerja sama pengusaha-pengusaha pelancongan, menyediakan pakej-pakej pelancongan tempatan yang kompetitif dan menarik.

Menyentuh mengenai pusat penjaja istimewa, ia adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Walau bagaimanapun, kementerian ada melibatkan diri dalam Forum Jawatankuasa Penggalakan Pelancongan yang melibatkan kerajaan negeri.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pelancongan dalam negeri, kadang-kadang kita dapati untuk berbelanja melancong dalam negeri ini kosnya begitu tinggi - kos hotel, kos perjalanan. Macam kalau kita hendak pergi ke Pulau Langkawi, kadang-kadang kosnya begitu tinggi. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk meminta hotel-hotel atau tempat-tempat pelancongan ini memberi rebate ataupun potongan harga kepada pakej-pakej kekeluargaan yang ingin melancong di dalam negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, daripada pelancong-pelancong yang masuk ke Malaysia pada hari ini, pelancong dari negara manakah yang paling banyak sekali dan berapakah jumlahnya? Mungkin soalan ini khusus, tetapi saya ingat Setiausaha Parlimen boleh jawab. Berapa banyakkah kutipan yang kita dapat daripada kemasukan pelancong ke negara kita ini?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab dahulu tentang soalan dari manakah pelancong teramai sekali masuk ke negara kita. Selalunya, kalau diambil misalan, tetamu kita adalah tetamu daripada rumah-rumah yang berhampiran -

jiran-jiran tetangalah yang selalu datang. Macam itulah juga dengan jumlah kemasukan pelancong ini, ia adalah dari negara-negara jiran iaitu Singapura dan Thailand.

Jumlahnya - dari Singapura, lebih kurang 4 juta setahun dan saya tidak ada angka yang tepat mengenai pendapatan dari pelancong-pelancong yang datang dari negara-negara jiran ini. Walau bagaimanapun, saya boleh memberi tahu secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Yan.

Berkenaan dengan pakej pelancongan yang dikatakan mahal, ini saya rasa agak relatif. Ada orang mengatakan melancong ke Malaysia adalah salah satu tempat yang murah dan berpatutan, ada juga orang membandingkan dengan tempat-tempat yang lebih murah, mengatakan di sini mahal. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa menekankan kepada agensi-agensi pelancongan supaya mengenakan kos yang paling sederhana dan berpatutan, value for money, dengan izin. Daripada situ barulah kita dapat gambaran ataupun pelancong-pelancong yang datang ke sini dengan pandangan-pandangan mereka yang berpatutan dan baik.

**Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menjawab dengan terperinci. Walaupun pembinaan pusat-pusat penjaja adalah di luar bidang kuasa kementerian Yang Berhormat, bolehkah kementerian menggalakkan pihak Majlis Perbandaran di semua negeri untuk mengadakan lebih banyak pusat penjaja dibina kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai makanan yang istimewa dan kebudayaan yang baik untuk menarik para pelancong dari luar negeri untuk melancong ke negara kita.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, memangnya dalam Jawatankuasa Penggalakan Pelancongan ini, yang mana kerajaan negeri terlibat, kementerian memberi garis panduan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke sesuatu tempat atau ke sesebuah negeri itu dan salah satunya ialah tempat-

tempat makan, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi - tempat makanan terbuka, bukan sahaja khusus kepada restoran. Oleh yang demikian, kita lihat response daripada kerajaan negeri adalah baik dan memuaskan. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menggalakkan supaya permintaan dalam bidang ini memang banyak dan kalau boleh diperbanyakkan lagi tempat-tempat makan seperti Yang Berhormat cakapkan tadi.

### **PELUPUSAN SAMPAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN - LANGKAH MENGATASI**

**8. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan dengan masalah terdapat satu sahaja tapak pelupusan sampah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekarang bagi menampung lebih 3,000 tan sampah setiap hari, adakah pelan induk bagi mengatasi masalah sampah sarap ini, apabila tapak pelupusan sampah yang ada sekarang penuh dan melimpah dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pihak kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan tapak pelupusan sampah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kerajaan telah pun menutup dua tapak di Jinjang Utara dan Sungai Besi, seperti yang selalu dibangkitkan oleh wakil dari Kepong dan Seputeh. Tapak pelupusan sampah di Taman Beringin masih boleh menampung sampah untuk beberapa tahun lagi.

Di samping itu, Dewan Bandar Raya juga menghantar sampah ke Air Hitam di Negeri Selangor Darul Ehsan dan dalam jangka panjang, oleh kerana kekurangan tanah untuk sistem buang timbus (landfill) maka perlu digunakan sistem incinerator yang tidak menggunakan kawasan yang luas. Kerajaan telah mensyaratkan syarikat konsesi untuk melaksanakan sistem pelupusan sampah, yang termasuk tapak pelupusan baru (landfill), stesen perpindahan (transportation), kilang pembakar (incinerator) dan kilang kitaran semula (recycle).

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan di mana kawasan tapak pelupusan sampah

sarap di kawasan Seputeh? Setahu saya tidak ada tapak di Seputeh untuk membuang sampah sarap setakat ini. Maka soalan saya ialah, bilakah pihak kerajaan akan menimbang usaha atau projek incinerator dapat dibina untuk pelupusan sampah sarap? Setiap hari 3,000 tan sampah - itu bukan satu masalah yang kecil. Harap kerajaan dapat usahakan projek itu secepat mungkin.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat besok, saudara saya Yang Berhormat dari Seputeh kena baca *Hansard*. Bila saya kata buang di Seputeh? Saya kata, selalunya dibangkitkan oleh wakil dari Seputeh. Kalau hendak buang di Seputeh, boleh juga tunjukkan tempat. Saya tidak pernah kata buang di Seputeh, saya kata di buang di Jinjang Utara dan Sungai Besi dan sekarang ini di Taman Beringin.

Perkara kedua, berkenaan dengan incinerator, dalam konsesi perjanjian penswastaaan dengan syarikat yang diberi konsesi itu, salah satu syaratnya ialah untuk membina incinerator dalam jangka waktu yang singkat. Jadi, syarikat konsesi inilah yang akan membina incinerator ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya dari kawasan luar bandar. Selalunya kawasan-kawasan luar bandar ini menjadi tempat pembuangan sampah yang dipungut dari dalam bandar - DAP buat sampah, buang dalam kawasan saya. Jadi, saya hendak tanya Timbalan Menteri, di zaman sains dan teknologi ini, tidak adakah lagi alat atau pun mahal sangatkah alat yang hendak melupuskan sampah ini? Saya percaya di New York, di London - di bandar-bandar yang besar, mereka ini menggunakan satu alat untuk melupuskan, ia tidak dibuang di luar bandar tetapi kita dok buang di luar bandar. Di Alor Setar di buang di Jabi, kawasan luar bandar. Jadi, saya rasa takkan mahal sangat, sampai negara kita tidak boleh beli? Letak di tiap-tiap bandar yang besar-besar macam Alor Setar.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, bukan dasar kerajaan hendak membuang sampah di luar bandar, tetapi kebetulan bila kita gunakan 'land fill' ini, kawasan luar bandar sahajalah yang masih ada tempat untuk dibuatkan 'land fill', itu kebetulan sahaja, bukan dasar!

Memang teknologinya ialah untuk membakar sampah ini 'incinerator', tetapi kadang-kadang kita lihat 'incinerator' ini agak mahal juga. Dalam kajian kita di Dewan Bandaraya, kita dapati bahawa untuk memusnahkan atau membakar 600 tan sampah sehari ini, kita memerlukan satu 'incinerator' yang berharga RM260 juta. Jadi, memang mahallah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] tidak hadir]*

#### **PENCEMARAN ALAM SEKITAR - KEBERKESANAN TINDAKAN**

10. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapakah penguatkuasaan terhadap pencemar-pencemar alam sekitar seolah-olah seperti 'melepaskan batuk di tangga', memandangkan jumlah yang diambil tindakan kecil berbanding pencemaran yang berlaku.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat jika dikatakan bahawa tindakan penguatkuasa yang dikenakan terhadap pencemar-pencemar alam sekitar seperti 'melepaskan batuk di tangga' sahaja. Mengikut rekod Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tindakan tegas telah pun diambil terhadap pencemar-pencemar alam sekitar. Sebagai contoh, dalam tempoh tahun 1993 hingga bulan Oktober 1996, sebanyak 588 kes telah diambil tindakan mahkamah dan sebanyak 7,582 kes telah dikenakan kompaun kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Bilangan kes-kes mahkamah dan kompaun tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Kes Mahkamah</b>	<b>Bil. Kompaun</b>
1993	113	1,995
1994	162	1,205
1995	149	2,149
1996 hingga (Oktober)	164	2,233

Berdasarkan perangkaan di atas, adalah jelas bahawa kerajaan amat peka dan sentiasa memandang serius terhadap penguatkuasaan undang-undang alam sekitar. Dalam hubungan ini, sukacita saya maklumkan bahawa selain daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Pihak Berkuasa Tempatan juga terlibat sama di dalam aktiviti-aktiviti pengawalan alam sekitar di bawah bidang kuasa masing-masing.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kes pembuangan sisa toksid dibawah ke mahkamah, salah satu daripada faktor yang dibawa oleh pihak yang dituduh ialah oleh kerana tidak ada fasiliti untuk membuang sisa toksid, jadi, hukuman mahkamah menjadi ‘melepas batuk di tangga’ sahaja, kecil tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu infrastruktur oleh pihak kerajaan, membuat satu fasiliti seluruh negara, tidak kira di mana, di mana-mana ada sahaja ada industri mesti ada sisa toksid yang akan dibuang dan kita hendak buat di setiap tempat ada fasiliti pembuangan sisa toksid supaya benda ini dapat dibuang? Orang tidak boleh beralih lagi untuk mengatakan tidak ada tempat



hendak buang, sebab itu dibuangkan di tepi jalan. Jadi, soalan saya itu ada atau tidak persoalan ini dipertimbangkan dan bila hendak dibuat?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini telah terbina satu tempat buangan sisa-sisa toksid ini di Bukit Nanas, Negeri Sembilan yang berharga hampir RM400 juta dan telah memulakan operasinya dan di tempat-tempat lain itu akan diwujudkan seterusnya. Jadi, kalau hendak dikatakan tidak ada itu memang tidak betullah. Memanglah bagi mereka yang suka membuat kekotoran ini memanglah mereka cuba mencuri, tetapi sekarang ada tempatnya dan hukumannya di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang baru dipinda dendanya tinggi sebanyak RM500,000 sekarang, dahulu RM10,000 sahaja dan penjara lima tahun, kalau didapati salah kedua-duanya sekali itu beratlah, dahulu satu atau dua hari penjara sahaja.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kira kerajaanlah yang perlu bertanggungjawab di atas pencemaran alam sekitar ini. Apakah faktor yang utama, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan atau kementerian yang menyebabkan alam sekitar kita kotor. Apakah disebabkan kerana kilang-kilang atau industri atau disebabkan oleh kenderaan seperti bas, motor, teksi dan sebagainya?

Dan apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membataskan penggunaan kereta motor, hanya dibataskan "beberapa tahun yang tertentu" sebagaimana di negara-negara maju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat saudara saya. Kerajaan bukanlah yang menyebabkan pencemaran alam ini, kitalah manusia, kita kena differentiate, dengan izin. Kerajaan manusia, macam Ahli Yang Berhormat sendiri, anak beranak Ahli Yang Berhormat, pengikut-pengikut Ahli

Yang Berhormat, inilah benda-benda, unsur-unsur, anasir-anasir yang mencemarkan alam ini. *[Tepuk][Ketawa]*.

Jadi, memanglah apa jua yang dibuat oleh manusia ini ada dia punya elemen-elemen kekotorannya. Jadi, kita cubalah sebagai manusia yang bertanggungjawab, Yang Berhormat menyeru orang-orang Yang Berhormat, adik kakak Yang Berhormat, jaga ini semua. Kita pun begitu akan berbuat perkara yang sama juga.

### **PUKAT TUNDA - BILANGAN TANGKAPAN**

11. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan kes pukat tunda dan pukat rawa sorong yang haram yang telah ditangkap dalam tahun 1993 hingga Ogos 1996 dan bilangan lesen pukat tunda yang dikeluarkan dalam tahun 1993 hingga Ogos 1996; dan
- (b) apakah langkah kerajaan untuk memastikan agar bot dan peralatan yang dirampas disimpan dengan baik supaya apabila dilepaskan berdasarkan rayuan atau peraturan-peraturan undang-undang, bot dan peralatan tidak rosak di pangkalan dan bilangan nelayan asing yang menceroboh dalam tahun 1993 hingga Ogos 1996.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku**

**Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes pukat tunda haram yang telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dari tahun 1993 hingga Ogos 1996 adalah sebanyak 225 kes. Bagi peralatan pukat rawa sorong yang haram yang telah ditangkap dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 130 kes. Bilangan lesen pukat tunda yang dikeluarkan di seluruh negara dalam tempoh 1993 hingga Ogos 1996 ialah sebanyak 6,304.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan bahawa vesel-vesel yang dirampas dijaga dengan baik dan selamat. Vesel-vesel

yang dirampas dan menunggu keputusan mahkamah diletakkan di Pangkalan Tahanan Vesel Rampasan Jabatan Perikanan Malaysia. Jabatan Perikanan Malaysia menempatkan kakitangannya di Pangkalan Tahanan Vesel Rampasan 24 jam setiap hari bagi mengawasi kesemua vesel-vesel rampasan tersebut. Bagi vesel rampasan yang mengalami kebocoran pula, ianya akan dialihkan ke tempat yang lebih selamat supaya ianya tidak tenggelam. Semenjak tahun 1993 sehingga Ogos 1996 sebanyak 3,682 orang nelayan asing telah ditahan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pukut rawa surung yang diharamkan di negara kita. Walau bagaimanapun, pukut rawa surung ini masih lagi ada dan saya yakin bahawa kebanyakannya datang dari nelayan-nelayan Thailand dan sukar untuk diambil tindakan kerana kita dapati golongan ini selalunya main “acilut”. Bila nampak penguatkuasa kita, dia lari sebelah Siam sebab dekat sangat sempadan, antara Kuala Perlis dengan Wilayah Satun.

Jadi, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian supaya ada satu badan pakatan bersama antara Malaysia dan Thailand supaya tidak ada pihak yang melanggar kawasan Malaysia atau kawasan Thailand? Dengan cara ini, kita boleh mengelak dari salah sangka kepada kedua-dua buah negara.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, tangkapan yang dibuat dari semenjak 1993 hingga Ogos, 1996 adalah sebanyak 130 kes, banyak! Jadi, ini bermakna bahawa saya yakin dari masa ke semasa pihak nelayan asing yang bersempadan dengan Perlis akan merasai bimbang dengan tindakan-tindakan yang

kita ada. Tetapi, walau bagaimanapun, kita ada kerjasama dengan pihak Thailand, insya-Allah, kita akan memperkukuhkan lagi supaya apa yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita tunaikan dari masa ke semasa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kes kesalahan nelayan, adakah menjadi satu amalan di mana hasil tangkapan laut dilelong dan wang dimasukkan ke dalam akaun kerajaan.

**Beberapa ahli:** Lelonglah, pencemaran bahasa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Lelonglah! Dan bagaimanakah Kementerian Yang Berhormat boleh memastikan bahawa pegawai penguatkuasa tidak bersubahat dengan pedagang-pedagang untuk menekan turun harga lelong hasil tangkapan itu?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Memang menjadi dasar bahawa sesuatu tangkapan yang dibuat, maka untuk mengelakkan daripada hasil tangkapan itu menjadi busuk maka hasilnya terpaksa dilelong. Kementerian saya menerusi Jabatan Perikanan memang memberi jaminan bahawa harga lelongan yang dibuat itu adalah adil mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sehingga ini, tidak ada kes yang mengatakan pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Perikanan telah bersubahat dan kalau Yang Berhormat ada maklumat atau bukti-bukti, silalah laporkan kepada kita dan insya-Allah, tindakan tegas akan diambil.

### **AEROBRIDGE DI LAPANGAN TERBANG SANDAKAN DI SABAH - PEMASANGAN**

12. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada peruntukan telah diluluskan untuk memasang aerobridge untuk Lapangan Terbang Sandakan di Sabah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab

untuk melaksanakan dan membiayai pembinaan aerobridges di semua lapangan terbang domestik di negara ini termasuk Lapangan Terbang Sandakan terletak di bawah Malaysian Airport Berhad.

Pada ketika ini, MAB sedang mengenal pasti lapangan terbang-lapangan terbang domestik yang memerlukan perkhidmatan aerobridges berasaskan kepada jumlah pergerakan pesawat dan penumpang pada setiap hari. Dengan ini, pemasangan kemudahan di Lapangan Terbang Sandakan, hanya akan dapat dilaksanakan pada masa yang sesuai kerana lapangan terbang ini belum lagi mempunyai pergerakan kapal terbang yang cukup seperti yang diperlukan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui bahawa Lapangan Terbang Sandakan ini belum begitu digunakan. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bilakah Kerajaan Persekutuan meluluskan ataupun adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai satu lagi tempat masuk terus ke negeri Sabah ini, memandangkan kawasan Sandakan mundur tetapi popular dari segi tarikan pelancong memandangkan banyak tempat yang menarik seperti pemeliharaan Orang Utan di Sepilok, Pulau Selingan dan Gua Gemantong dan banyak lagi. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sama ada pertimbangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai pintu masuk terus ke negeri Sabah dari luar negeri? Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, belum ada lagi cadangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai pintu masuk kerana yang adapun belum cukup ramai orang masuk. *[Ketawa]*

#### **KWSP - JUMLAH WANG TERKUMPUL**

13. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dikumpulkan di bawah KWSP pada hujung tahun 1995; dan
- (b) berapakah wang KWSP yang dikeluarkan oleh pencarum-pencarum untuk tujuan membeli rumah dan bolehkah Kementerian Kewangan mempertimbangkan membenarkan sebahagian wang KWSP dikeluarkan untuk tujuan:
  - (i) bayaran rawatan perubatan; dan
  - (ii) belanja pendidikan tinggi untuk ahli-ahli keluarga pencarum.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah caruman terkumpul KWSP pada akhir tahun 1995 ialah RM97.54 bilion.
- (b) Bagi tujuan pembelian rumah, sejumlah RM1,224 juta telah dikeluarkan oleh pencarum dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, mulai daripada November 1994, KWSP telah melaksanakan skim pengeluaran kesihatan untuk rawatan perubatan. Skim ini membolehkan ahli mengeluarkan kesemua simpanan Akaun 3 iaitu 10% daripada jumlah simpanan ahli atau kos rawatan sebenar mengikut mana yang kurang untuk membiayai kos rawatan perubatan. Bagi penyakit kritikal yang dihadapi oleh ahli, isteri ataupun suami, anak, adik, abang, kakak atau ibu bapa ahli. Namun begitu, ahli tidak layak mengeluarkan simpanan di bawah skim ini jika kos rawatan perubatan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan pencarum mengeluarkan wang simpanan KWSP bagi tujuan pendidikan tinggi untuk ahli-ahli keluarga pencarum, oleh kerana pengeluaran ini akan menjejaskan jumlah simpanan sedangkan tujuan simpanan adalah untuk memberi keselesaan kepada ahli apabila mereka bersara kelak.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan KWSP ini adalah satu tabung yang begitu besar amaunya, mengapa setakat ini dividen yang dibayar oleh KWSP masih rendah dan bolehkah kita minta Tuan Pengurus Besar KWSP itu menjadi seorang “fund manager”, dengan izin, yang lebih berkesan. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pulangan untuk pelaburan KWSP itu bergantung kepada banyak faktor dan segala pelaburan itu adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Pelaburan dan semua telah menggunakan kebijaksanaan masing-masing dan pulangan yang telah kita berikan kepada ahli selama ini adalah baik berbanding dengan pulangan yang dapat diberikan kepada simpanan tetap oleh bank-bank tempatan.

#### **BURUH ASING - KAJIAN SEMULA DASAR PENGAMBILAN**

14. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah bentuk pengkajian semula terhadap dasar pengambilan buruh asing yang akan dibuat untuk menangani pelbagai masalah yang timbul, khususnya dari segi sosial.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar pengambilan pekerja asing adalah dikaji dari masa ke semasa secara berterusan bagi disesuaikan dengan keperluan negara. Pada masa ini, kerajaan telah pun membekukan pengambilan pekerja asing dari negara sumber. Walau bagaimanapun, majikan yang memerlukan pekerja asing dibenarkan menggaji pendatang asing yang ditahan di depoh imigresen sementara majikan yang mempunyai pekerja asing yang bekerja tanpa izin dari negara-negara yang diizinkan telahpun dibenarkan untuk didaftar sehingga 31hb. Disember 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang berhubung kait dengan masalah sosial yang disebabkan oleh pekerja asing ini telah pun dijawab dan diulang beberapa kali, jadi saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan jawapan sebelum itu bahawa dari segi sosial untuk mengelakkan masalah sosial yang timbul, kerajaan tidak akan menggalakkan kaum wanita Malaysia berkahwin dengan pendatang asing khususnya dari Bangladesh, kerana satu daripada syarat mereka datang ke Malaysia ialah mereka tidak boleh berkahwin dengan rakyat Malaysia. Adakah beliau akan mengarahkan bahawa semua permohonan untuk mendaftar perkahwinan tidak akan diluluskan, kerana sungguhpun begitu adalah dianggarkan kira-kira lebih daripada 10,000 wanita Malaysia sudah berkahwin dengan kaum Bangladesh?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kerajaan Malaysia memberi satu arahan kepada wanita kita tidak boleh berkahwin dengan sesiapa pun, saya rasa itu tidak betul dan bercanggah dengan pendirian menghormati hak asasi perseorangan. Tetapi kita telah mengingatkan mereka terlebih dahulu sebelum berkahwin, bahawa mereka datang untuk bekerja - kerja sahajalah, jangan berkahwin, kalau kahwin nanti wanita itu terpaksa ikut dia balik ke negaranya dan kalau tidak ikut akan menimbulkan bermacam-macam masalah. Jadi, eloklah kerajaan terus-terang terlebih awal daripada selepas berlaku baru diberitahu. Kebanyakkan mereka yang telah berkahwin ini, mereka tidak kahwin secara sah, mereka tidak pergi daftar dengan Pendaftar Pekahwinan - setahu saya, inilah yang menjadi masalah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak terfikir bahawa dengan syarat-syarat pengambilan pekerja asing di depot tahanan itu merupakan satu galakan kepada pekerja-pekerja asing untuk datang secara haram ke negara kita? Ada sungutan Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada setengah-setengah majikan yang datang ke tempat depot tahanan itu untuk mengambil pekerja-pekerja asing, mereka menyatakan peraturan terlalu ketat, sulit. Apakah kerajaan



tidak bercadang untuk mempermudah sedikit bagaimana cara untuk mendapatkan pekerja asing di tempat depot tahanan itu?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membenarkan majikan mengambil pekerja dari depot imigresen, ini merupakan salah satu cara untuk meringankan beban kerajaan dari segi perbelanjaan untuk menghantar mereka pulang, kalau sekiranya mereka itu cukup syarat, iaitu sesuai untuk bekerja, tidak ada masalah kesihatan dan mempunyai dokumen perjalanan, maka kita benarkan. Tetapi apabila hendak 'memutihkan' seseorang itu, kerajaan kena berhati-hati, tidak boleh mudah sangat membenarkan mereka keluar sebelum kita pastikan dokumen-dokumen mengesahkan kesihatan, mengesahkan negara asalnya juga mengesahkan mereka tidak ada rekod jenayah, itu terlebih dahulu kena pasti. Kalau kita mudah sangat beri mereka keluar, bukan sahaja kita tidak dapat menyelesaikan masalah, tetapi kita akan tambah masalah sosial. Inilah diantara sebab-sebabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 9 dan 15 hingga 35 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Pengharaman Persidangan Asia Pasifik Kedua Timor Timur  
(APCET II)**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Kota Melaka.

**3.34 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah pengharaman pihak kerajaan ke atas Persidangan Asia Pasifik Kedua Timor Timur (APCET II) daripada 8hb. hingga 12hb. November, 1996 di Kuala Lumpur yang berusaha mencari penyelesaian dan keamanan dalam konflik di antara Indonesia dan rakyat Timor Timur dan usul saya berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah pengharaman pihak kerajaan ke atas Persidangan Asia Pasifik Kedua Timor Timur daripada 8hb. hingga 12hb. November, 1996 di Kuala Lumpur yang berusaha mencari penyelesaian dan keamanan dalam konflik di antara Indonesia dan rakyat Timor Timur serta mendesak persidangan tersebut dibenarkan kerana ia adalah satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.”

Tuan Yang di-Pertua, pada 5hb. November, 1996 Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan keputusan Kabinet mengharamkan Persidangan APCET II ini kerana:

- (i) melibatkan isu yang cukup sensitif dan dikhuatiri menjejaskan hubungan di antara Malaysia dan Indonesia;
- (ii) Malaysia tidak mahu dijadikan pusat perbincangan masalah rakyat asing yang mungkin menimbulkan masalah ekonomi, sosial dan keselamatan; dan
- (iii) mengancam keselamatan negara dan juga keamanan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang diberikan tidak cukup menyakinkan. Ini adalah kerana Persidangan APCET II ini bertujuan membuka satu dialog mencapai satu penyelesaian aman yang mengakui hak rakyat Timor Timur menentukan masa depan sendiri. Dan menyatukan satu gerakan Asia bersepadu yang melihat perjuangan hak asasi manusia di sana sebagai perjuangan yang tidak boleh dipisahkan dengan perjuangan demokrasi dalam Indonesia dan keseluruhan benua Asia.

Saya tidak faham macam mana keselamatan negara terancam dan keamanan serantau terjejas kalau membenarkan Persidangan APCET II bila tidak ada demonstrasi yang dicadangkan. Apakah masalah ekonomi, sosial dan keselamatan yang akan timbul untuk satu dialog tertutup kepada peserta sahaja? Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Dasar negara tidak boleh diputuskan oleh negara asing. Macam mana Malaysia boleh berbangga dengan kedaulatan dan kebebasannya kalau dasar luar negeri kita ditentukan oleh negara asing? Oleh itu, berdasarkan prinsip kedaulatan negara tidak tercemar sudah mencukupi untuk menarik balik keputusan mengharamkan Persidangan APCET II ini.

Di samping itu, persidangan ini tidak harus diharamkan kerana akan memberikan gambaran bahawa Malaysia menyokong perbuatan yang mencabuli hak asasi manusia, demokrasi, prinsip dan keadilan serta disalah anggap bermain politik “talam dua muka”. Macam mana pemimpin negara kita dihormati di pentas antarabangsa sebagai berwibawa dan cakap serupa bikin bila kita melarang Pemenang Bersama Hadiah Nobel 1996, Jose Ramos Horta datang menyampaikan ucapan perdana dalam persidangan itu.

Tidak boleh dinafikan bahawa Timor Timur telah dicerobohi oleh negara Indonesia dalam akhir tahun 1975 yang kemudiannya menaklukinya. Malah Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan banyak usul dalam tahun 1975 mendesak negara Indonesia menarik balik tenteranya dan mengiktiraf kedaulatan Timor Timur dan hak rakyatnya menentukan masa depan. Malangnya negara Indonesia enggan menghormatinya.

Sejak 1975, banyak pembunuhan dan pencabulan hak asasi manusia dilakukan oleh tentera Indonesia seperti menyeksa rakyat Timor Timur dan merogol kaum wanita di sana. Sama seperti Bosnia, taktik yang digunakan oleh penganas Serb terhadap rakyat Bosnia Muslim digunakan oleh tentera Indonesia terhadap rakyat Timor Timur sebagai alat perang untuk memaksa Timor Timur menyerah diri. Mengapa negara kita boleh mengancam keganasan oleh penganas Serb di Bosnia, tetapi tidak pula oleh tentera Indonesia di Timor Timur?

Oleh yang demikian, masalah pengharaman Persidangan APCET II ini adalah perkara tertentu dan berkepentingan orang ramai demi menegakkan kedaulatan negara dan menunjukkan Malaysia konsisten dalam prinsip memperjuangkan hak asasi manusia, demokrasi dan keadilan. Perkara ini perlu disegerakan kerana Persidangan APCET II ini dijadualkan pada 8hb November, 1996. Majlis Dewan Rakyat harus ditangguhkan untuk menunjukkan prihatin negara terhadap penderitaan rakyat Timor Timur dan

memperjuangkan penyelesaian yang aman di antara rakyat Timor Timur dan Indonesia dalam konflik ini dengan membenarkan Persidangan APCET II diadakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Melaka pada 5hb. November, 1996 jam 1.35 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu ditentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Ucapan berkenaan dengan Timor Timur, telah pun pernah dibuat di dalam Dewan ini. Perkara sama ada, perbincangan untuk mengadakan persidangan ataupun sama ada kebenaran patut diberi atau tidak, boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja. Dan yang demikian, perkara ini tidaklah perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya menolak usul ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**  
**USUL**  
**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." *[5hb. November, 1996]*

**Tuan Yang di-Pertua:** AhliYang Berhormat dari Yan, sila sambung ucapan.

Yang Berhormat ada tiga belas minit lagi.

**3.42 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya bercakap pasal bonus, saya bercakap pasal subsidi kepada orang-orang kampung dan hari ini Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya, saya ingin pertamanya iaitu menyatakan apabila belanjawan dibentang ia adalah ibarat satu resepi, macam kita masak. Jadi, resepi ini, masakan ini kalau tukang masak itu pandai memasak mengikut resepi itu, maka eloklah resepi.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita banyak bergantung kepada pegawai kerajaan untuk memastikan belanjawan negara ini berjalan dan sampai ke sasarannya.

Sebab itulah kerajaan beri bonus kepada pegawai kerajaan, untuk dia bekerja kuat lagi dan insya-Allah kalau negara bertambah maju, rakyat bertambah bahagia, mereka mendoakan pegawai-pegawai kerajaan bagus berjaya. Maka insya-Allah, bonus ini mungkin ke depan-depan ini boleh tambah dua bulan, tiga bulan dan sebagainya.

Tetapi kita buat kerja bagi berjenis elok-elok supaya rakyat akan dapat nikmat daripada Belanjawan Negara yang begitu baik pada tahun ini. Jadi, saya harap sangatlah pada pegawai-pegawai kerajaan bekerjasama dengan tokoh-tokoh politik kerajaan. Hak Pembangkang ini, jangan kira sangat depa ini bercelaru. Supaya kita dapat menolong rakyat di luar bandar, rakyat di kampung mendapat nikmat daripada peruntukan yang diberikan. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang peruntukan yang diluluskan RM1.00 di Kuala Lumpur sampai di kampung, kadang-kadang lima kupang sahaja. Dia tيره ikut mana - wallahu-alam. Dia bocor, tidak sampai terus kemudian kadang-kadang duit ada projek tak boleh buat.

Jadi, di sini saya minta kerajaan buat perancangan yang tersusun dan teratur. Kalau ada masalah beritahu wakil rakyat. Wakil rakyat boleh bersuara di Parlimen. Jadi, inilah kita mahu kerja sama yang baik supaya rakyat di kampung mendapat nikmat daripada hasil kemerdekaan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pasal penswastaaan. Saya amat menyokong penswastaaan dan setakat hari ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dah kata, 401 syarikat atau projek telah diswastakan. Alhamdulillah, ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya. Hak yang berjaya, alhamdulillah. Hak tak berjaya, kadang-kadang bila diswastakan sesuatu, rakyat kena menanggung kesusahan. Rakyat kena bayar lebih dan sebagainya. Jadi hak ini saya kira tidak berjaya.

Jadi kalau boleh penswastaaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan meringankan beban kerajaan. Bila ringan beban kerajaan, bermakna ringan beban rakyat kerana kerajaan yang

dibentuk oleh rakyat. Tetapi kadang-kadang penswastaan ini menyusahkan dan menyulitkan rakyat. Jadi, apakah tindakan pihak kerajaan untuk memastikan penswastaan ini benar-benar memanfaatkan bukan sahaja syarikat yang diberi peluang untuk menswastakan tetapi orang ramai yang terlibat dalam penswastaan sesuatu itu.

Kita juga risau, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sudah mula menswastakan rancangan-rancangan tanah. Rancangan-rancangan tanah hak yang orang-orang marhaen duduk ada sepuluh relung, enam relung pun nak diswasta. Jadi, puak-puak kampung yang susah hendak ke mana? Saya hendak bangkit satu kes Kejora ini, Kejora sudah habis, sedangkan orang itu - orang kampung, yang mencari makan, tumpang sikit-sikit pun diswasta. Jadi, dia takut orang yang tak mahu swasta, yang hantar pergi kubur orang tak berani. Hak lain, hak boleh buat duit depa kira swastalah. Kubur seriau, takut bangkit hak duduk di bawah tu.

Jadi, saya haraplah, saya sokong penuh penswastaan memang bukanlah saya hendak pertikaikan, cukup bagus. Kita dapat pertumbuhan ekonomi yang baik sampai orang pun masuk melabur, peluang pekerjaan yang banyak, ringankan beban kerajaan dan sebagainya. Tetapi biarlah orang yang diberi nikmat dari penswastaan ini benar-benar bukan sahaja mengaut keuntungan yang banyak, kita beri pada orang sama. Bila Tuhan beri rezeki pada kita, macam saya kata, bukan untuk kita seorang, dia suruh beri kat orang sama. Duit yang lebih itu beri kat orang. Insya-Allah, ia akan bertambah lagi. Ini kalau kaut, macam pukut harimau, apa yang ada dikaut habis, orang lain sampai tidak boleh tumpang. Jadi tidak patut juga. Jadi, hak ini saya berharap sangat kepada kerajaan supaya pastikan penswastaan ini berjalan seperti dasar yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan negara kita. Depa mau orang-orang ini berjaya.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Penjelasan boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Boleh ke Yang di-Pertua?



**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk penjelasan sahaja.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya. Saya nak tumpang tanya adakah Yang Berhormat bersependapat dengan saya bahawa hasil daripada penswastaan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kerajaan harus meletakkan satu syarat kepada mereka yang berjaya mendapat projek penswastaan itu. Kerana setengah-setengah pihak, bila mereka mendapat projek penswastaan, mereka akan membawakan projek itu masuk ke dalam mana-mana public listed company. Kemudian orang itu dia akan jual projek penswastaan itu dan orang yang kuasai dalam public listed company itu pula, dia akan jual pula ekuiti dia. Dengan cara tidak langsung, orang-orang ini akan mendapat keuntungan secara sekelip mata, sedangkan orang ramai yang membeli saham tadi, akibat dari pengumuman tersebut mungkin akan menerima kerugian terutama minority shareholder. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cara saya ini, supaya kerajaan meletakkan satu syarat supaya orang yang mendapat penswastaan itu dikenakan, jangan beri mereka dok main macam itu - merosakkan kita, yang Berhormat setuju ke?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sat lagi nak sampai di situ lah *[Disampuk]* Tetapi baguslah, Jerlun ini pandangan macam saya juga. *[Ketawa]* Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah lulus dua, tiga dah dalam Dewan ini. Sudah lulus, sokong tak pernah bangkang pasal benda baik. Tapi akhir-akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saham hak bumiputera itupun hilang. Hak yang kita lulus dalam Dewan Rakyat dengan kuota bumiputera itu akhirnya dipusing-pusing, ghaib!

Jadi, hak ini pun, memang macam Yang Berhormat dari Jerlun kata, saya setujulah. Jadi pasal apa nak serah kepada orang lain, kalau kuota hak bumi maintain hak bumi. Inilah yang kita perlu harap supaya begitu juga syarikat ini - Security Commission pun kena teropong tengok. Syarikat ini bila memohon untuk di senaraikan

dalam BSKL, ekuiti bumiputera ada di situ. Tetapi bila dilulus, dia hilang hak ekuiti bumiputera. Jadi akhir-akhirnya, nak jadi apa?

Jadi, saya harap pegawai-pegawai yang diamanahkan, teropong elok-elok supaya benda-benda macam ini jangan berlaku.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap fasal Universiti Islam Antarabangsa - UIA. Universiti ini sudah lewat 3 tahun.....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Ada sedikit pertanyaan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau main bola, ada masa kecederaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada. Tidak ada.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak apalah. "Peng yu".

**Tuan Chang See Ten:** Kasi chancelah! Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan bahawa penswastan ada yang berjaya dan ada yang gagal. Saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat dari Yan tentang penswastan pembedaan kepada IWK, adakah dikatakan sudah berjaya atau gagal kerana selepas diluluskan di Dewan ini ia dilaksanakan sehingga terdapat banyak rungutan dari orang ramai dan kita bawa di Dewan ini sehingga kita runding dan bahaskan dalam Dewan ini dan mendapat perhatian Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri dan sekarang bayaran untuk bil-bil IWK pun telah diberhentikan buat sementara. Apa pandangan Yang Berhormat dari Yan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya saya pun sibuk macam menteri! *[Ketawa]* Fasal menteri yang mai ini, dua tiga orang sahaja dalam Dewan Rakyat ini. Sebab itu Wakil Rakyat duduk di tempat menteri.

Kelmarin, kita sudah dapat warning dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi, saya harap menteri-menteri mailah. Menteri yang dok ada, baguslah - Timbalan Menteri. Mana yang tak mai tu, kena 'mai' nanti. Tengok, saya kena jawab ni! *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila benda itu nampak tidak elok, kerajaan akan panggil balik. Jadi, IWK ini kerajaan panggil balik, berunding dengan IWK supaya sistem ini berjalan elok, supaya rakyat tidak mengalami masalah. Fasal di peringkat awal itu jadi masalah, Tuan Yang di-Pertua. Air yang keluar itu dikira - dia caj bil air dengan bil IWK sekali. Jadi, la ni, kerajaan sedang berunding. Jadi, ada yang tak betul itu, memang tugas Wakil Rakyat masuk dalam Dewan Rakyat, bising, beritahu yang ini tidak betul.

Jadi, Yang Berhormat dari Gelang Patah kena fahamlah yang itu, no? *[Ketawa]* Kalau saya ke hadapan ini, tak tahulah, saya bolehlah tolong. Setakat beri penjelasan, bolehlah. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, UIA sudah kebelakang.....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua....masa Tuan Yang di-Pertua! Ini orang kampung marah, saya tak boleh bercakap habis ini! *[Ketawa]* Ini dia, *[Sambil menunjukkan teks ucapan di tangan]* banyak ni!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tolonglah, “tan chek” ya! Jadi Tuan Yang di-Pertua, sudah kelewatan - sudah lewat tiga tahun! Fasal apa Tuan Yang di-Pertua? Kita dok percaya sangat kepada expatriate ataupun pakar-pakar dari luar negara!

Universiti Islam itu sudah ada empat negara yang dok mai sebagai pakarnya. Empat negara - mula-mula dari Arab; yang kedua dari British; Australia; dan Jerman. Ini dia ambil “Keling” Islam seorang lagi. Hendak buat universiti ini, bukan buat high risk building, macam twin tower - itu tak apalah, Tuan Yang di-Pertua. KLCC itu, yang ‘wiung-wiung’ di atas. Ini hendak buat bangunan universiti empat atau lima tingkat, yang dok ada berterabur dalam Malaysia ini pun banyak arkitek dan anak-anak cucu yang kita hantar pergi belajar ke luar negeri dahulu itu. Balik mai, dah jadi consultant yang berjaya. Kalau kita tidak percaya kepada anak buah kita ini, dok pergi kaut segala yang ada di luar negeri itu, kemudian bayar duit yang bukan-bukan kepada depa, akhirnya yang dok menanggung kerugian kitalah.

Ini, depa masuk, depa buli pula local companies kita. Syarikat-syarikat ini, saya hendak habak, kesian dekat depa ini. Ada empat atau lima syarikat Melayu bumiputera kita yang telah diberi kepercayaan untuk buat kerja. Arkiteknya macam Haizar Architect, Kitas, Abdullah Bakri, Syed Hussein Al-Jefri, Arkitek FAA, ADC Architech.....Arkitek Badruddin tak adalah Tuan Yang di-Pertua, fasal saya Wakil Rakyat. Tetapi, yang itu semua orang kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kerugian ini akan merugikan kerajaan lebih kurang RM250 juta. Saya bukan main-main ini!

Kemudian, budak-budak kita ini, depa paksa masuk dan duduk juga di sana, asrama yang.....

**Tuan Haji Hanafi bin Ramli:** Minta jalan sedikit, Yang Berhormat. Boleh? Sedikit, sekejap sahaja!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Yang Berhormat sudah tidak ada masa tu.

**Tuan Haji Hanafi bin Ramli:** Sekejap, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu minit sahaja lagi ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak beri peluang kawan-kawan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Hanafi bin Ramli:** Tidak, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bangkit baca itu, setuju tak dengan saya bahawa lampu ini tidak ada - yang itu Yang Berhormat kena angkat macam itu! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu susah hendak jawab! *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak apa Tuan Yang di-Pertua. Apabila Tuan Yang di-Pertua bersara, saya jadi Speaker, saya taruh balik di sini! *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita.....tang mana ini? Last sekali Tuan Yang di-Pertua, depa ambil dari Jerman ini, arkiteknya bernama Bodo Rosh. Nama pun dah bodoh, tak apalah. *[Ketawa]* Dia ini bukan pakar buat ini, dia pakar buat lain! Kemudian, yang 'Keling' Islam ini, namanya..... nanti sat..... saya pun kalut, cari tak jumpa Tuan Yang di-Pertua. Keling ini, tak apalah Tuan Yang di-Pertua, tetapi tadi yang saya habak, student ini pergi duduk di asrama yang tidak siap lagi atau yang siap sedikit,

kemudian tang itulah orang dok buat kerja, tang itulah student hendak masuk universiti belajar,dengan debu dan sebagainya.

Kemudian yang Bangladesh pula ramai dok tengok anak-anak dara kita belajar Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin, Yang Berhormat dari Kapar kata, yang Bangladesh ini orang mahu fasal senyum manis. Tetapi depa tak tahu di India, cara depa tinggalkan isteri depa, bila depa hendak berhijrah pergi ke negeri lain, depa cukur kepala isteri depa, biar botak! Dua tahun balik, rambut tumbuh, elok balik! Itu dia cara cemburu depa di sana! Saya cerita sedikit!

Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat gulung? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Amboi, tak aci, Tuan Yang di-Pertua.

Depa curi masa saya banyak!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang beri jalan kepada dia!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak beri, depa kecil hati Tuan Yang di-Pertua. Tak dan saya buka lagi Tuan Yang di-Pertua, suruh gulung dah! *[Ketawa]* Tak apa Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Haji Taslam Muhammad, dia ini pun consultant yang kita beri. Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Aziz ini, dia kena jagalah sama, dia jadi task force. Dia pula dok buli syarikat tempatan ini! Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan ini tolong check sedikit benda ini. Dato' Dr. Aziz ini, dia TKSU atau apa, dia head bahagian ini, dia pula hendak suruh tutup syarikat bumiputera ini, suruh berhenti dan buang. Ambil consultant luar negeri, 'Keling' ini, suruh jaga. 'Keling' ini, kelulusannya bukan bahagian arkitek Tuan Yang di-Pertua, dia bahagian lain, mai hendak buat kerja ini.

Jadi, yang ini saya harap tolong tengoklah Tuan Yang di-Pertua. Kemudian.....saya sedang gulung Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, BBC. Pagi tadi saya tengok TV3, dia

interview BBC. BBC adalah satu siaran yang baik untuk luar negara kita. Kita ada di Australia, di England dan di merata ceruk kita ada. Jadi, saya harap Kementerian Penerangan tolong bantu sedikit. Fasal saya dengar tadi, dia tukar nama apa, saya sudah terlupa. Jadi, saya sedang hendak breakfast pagi tadi, saya dengar dia kata, depa bekerja dengan sukarela sahaja.

Jadi, saya harap kerajaan berilah bantuan sedikit kepada BBC untuk menyiarkan suara-suara Malaysia ini di peringkat antarabangsa - seantero dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, ini sedikit lagi. Kalau saya tak sampaikan ini, nanti saya keluar, sat ni orang kampung marah saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak habak kepada Tuan Yang di-Pertua, tak beri pun tak patut. Sedikit lagi. Boleh tak Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, fasal tanah simpanan Melayu. Saya nak bercakap sedikit lagi. Baru-baru ini, saya naik kapal terbang. Apabila saya naik kapal terbang, saya tengok tanah di Rompin depa advertise hendak jual dan tanah ini tanah simpanan Melayu, jual di peringkat antarabangsa. *[Sambil menunjukkan iklan di dalam akhbar]* Jadi lama-lama, apalah hendak tinggal pada kita Tuan Yang di-Pertua?

Ini saya kutip surat khabar, saya naik kapal terbang Singapore Airlines Tuan Yang di-Pertua. Dia tulis, dia kata depa hendak jual tanah di Rompin. Saya harap Yang Berhormat Rompin tolong tengoklah benda ini.

Jadi, kita boleh bangunkan tanah simpanan Melayu ini. Sudah banyak korporat Melayu yang berjaya. Tolong bangunkan tanah-tanah Melayu ini. Bukan kita tidak boleh. Jadi, kita haraplah dengan adanya korporat-korporat Melayu yang berjaya ini, kita bangunkan balik tanah-tanah simpanan Melayu dan beri peluang kepada orang-orang Melayu mendapat nikmat pembangunan.

Saya harap Pengerusi UDA pun, dia tak ada, tak apalah, dia ikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. UDA pun jangan dok cari keuntungan sangat! Ini bila hendak untung, akhirnya matlamat penubuhan UDA itu sudah lari. Matlamat penubuhan UDA ialah untuk meletakkan bangsa Melayu dan bumiputera dalam bandar, tempat-

tempat yang besar untuk berniaga dan berusahaniaga. Tetapi hari ini, dia hendak kira untung sahaja. Bila hendak kira untung sahaja, akhirnya tidak ada apa.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, last sekali, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak kerana beri masa kepada saya. Last sekali, Tuan Yang di-Pertua, transfer of technology, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta bila kerajaan hendak beli sesuatu dari luar negara, Tuan Yang di-Pertua, jangan bayar habis-habis duit itu. Kadang-kadang mereka janji akan transfer itu, transfer ini, bila kita sudah bayar duit, apa pun mereka tidak transfer. Jadi, ini kita kena jaga. Kalau kita hendak transfer of technology daripada negara-negara asing, kita pastikan kita kontrol pembayaran kerana saya dapati banyak yang kerajaan beli ataupun yang kita labur dalam sesuatu di luar negara, janji hendak transfer of technology, bila kita selesai bayaran, tidak transfer pun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu cakap banyak kerana Tuan Yang di-Pertua beri peluang banyak kepada saya. Wakil rakyat dari Pokok Sena pun dia harap kalau boleh saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, beri dialah lepas ini [*Ketawa*].

Jadi, cuma last Tuan Yang di-Pertua, pasal poligami. Hal ini saya kena bercakap, kalau tidak Yang Berhormat dari Parit marah! Jadi, saya harap, saya minta pejabat - sebenarnya dia ini minta keadilan sahaja. Saya minta kalau boleh pejabat kadi pun, saya pun kasihan, kadang-kadang saya lihat di TV, anak lima, laki tinggal sampai hendak beri makan anak pun tidak ada! Kasihan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau boleh, ini cadangan saya, boleh tidak boleh pejabat agama, katalah sebelum suami itu hendak tinggalkan isterinya, beritahu terlebih dahulu “Hang boleh tinggal isteri hang, tetapi tiap-tiap bulan kena beri banyak ini, banyak ini!” Kemudian lepas itu baru keluar surat cerai dan sebagainya. Sekarang ini tidak ada, dia “nyong-nyong pi” macam itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya kawan ini kasihan, sudahlah janda, anak lima. Kita hendak bantu pun susahlah, depa dok marah! Jadi, kita hendak



buat macam mana? Serba salah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Serba salah orang lelaki ini sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, cukuplah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi, dengan itu saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Pilah.

**4.01 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Belanjawan negara bagi tahun 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat bersamaan 25hb. Oktober, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kerajaan kerana Belanjawan 1997 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini jelas mencerminkan bahawa Malaysia mempunyai penuh keyakinan untuk menyediakan landasan membina ekonomi tangkas bagi negara melangkah ke abad yang ke-21 akan datang dengan lebih gagah lagi. Belanjawan tersebut meletakkan Malaysia pada satu tahap yang begitu menyakinkan. Di samping itu, segala usaha diambil khususnya memastikan defisit imbalan pembayaran negara terus dapat dikurangkan. Sangat disanjung tinggi juga perhatian khusus kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia dan dunia bagi tujuan meningkatkan tahap kecekapan serta membangunkan pelbagai bentuk industri berteknologi tinggi masa depan sangat-sangat dialu-alukan.

Ini semua dapat dilakukan apabila wujudnya kerajaan yang stabil dan pertumbuhan ekonominya membangun begitu pesat. Sistem pemerintahan demokrasi unik ala Malaysia ini berjaya mewujudkan kerajaan yang baik dan progresif. Keadaan ini sungguh

mengkagumkan dunia luar khususnya negara-negara komanwel. Kerajaan Malaysia yang dipilih oleh rakyat terdiri daripada banyak suku kaum dan bangsa di mana kumpulan minoriti pun diberi peluang untuk sama-sama melibatkan diri menerajui kerajaan telah menghasilkan kejayaan. Ini juga membuktikan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi, telah berjaya menerajui kerajaan berlandaskan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Justeru itu, tanggungjawab bersepadu di antara Parlimen, Eksekutif dan Jabatan Kehakiman telah sama-sama menghasilkan kejayaan yang kita perolehi sekarang. Semua keadaan ini memberi kepercayaan kepada ramai pelabur asing datang ke Malaysia membuat pelaburan yang lebih banyak lagi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa untuk berbahas telah dihadkan ke hanya 20 minit sahaja, sungguhpun banyak perkara yang hendak saya sentuh, maka saya akan cuba mengemukakan beberapa tajuk yang difikirkan penting mengikut priority untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, ekoran apa yang telah saya nyatakan di atas tadi, izinkan saya menarik perhatian serius kepada semua ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang peranan dan fungsi badan kehakiman kita sekarang ini yang juga memainkan peranan penting kepada kerajaan kerana ia melambangkan badan keadilan kepada rakyat dan kepercayaan dunia luar untuk membuat pelaburan. Setiap peraturan dan undang-undang dibuat oleh Parlimen, hendaklah dipatuhi serta dihormati dan ditafsirkan mengikut prinsip-prinsip keadilan yang sebenarnya.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian serius Dewan yang mulia ini tentang satu perkembangan baru dari segi prinsip guna pakai (precedent) perundangan ekoran daripada satu keputusan kehakiman yang dibuat oleh Federal Court of Malaya pada tanggal 5hb. Februari, 1996 yang baru lalu. Suka saya

tegaskan di sini bahawa saya tidak sekali-kali mempersoalkan keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah yang berkenaan. Tetapi, ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu keadaan “dilema” dan kurang menyenangkan dari segi keadilan yang wajar kita semua dipertanggungjawabkan sebagai penggubal undang-undang di negara ini. Suatu keputusan mahkamah itu tetap akan kita hormati. Apa yang perlu kita semua persoalkan sama ada segala implikasi dan permasalahan kepada rakyat dan negara keseluruhannya. Sekiranya terdapat sesuatu permasalahan atau kelemahan, apakah caranya yang perlu dilakukan untuk mengatasinya?

Tuan Yang di-Pertua, kes yang saya maksudkan ini ialah satu kes rayuan jenayah No. 05-237-92 bernama Arulpragasam a/l Sandaraju mlw. Pendakwaraya yang telah didengar oleh kuorum seramai 7 orang hakim terkanan Mahkamah Federal dan juga dihadiri bersama oleh Yang Berhormat dari Jelutong yang mewakili sebagai peguambela kepada perayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, appellant dalam ke sini telah dituduh di bawah seksyen 39B (I)(a) Akta Dadah Merbahaya Tahun 1952. Dalam perbicaraan lebih awal yang didengar oleh seorang hakim, beliau telah didapati bersalah atau sabit kerana kesalahan sebagai pengedar sebanyak 1,396.7 gm. kanabis. Orang yang dituduh telah dijatuhkan hukuman mati mandatori. Seterusnya orang yang kena tuduh melalui peguamnya telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Federal dengan mempersoalkan banyak isu perundangan khususnya dari segi fakta kes dan juga dari segi prosedur yang mereka mendakwa ada berlakunya kesilapan yang dilakukan oleh hakim yang mendengar.

Isu pokok yang dipersoalkan dari segi undang-undangnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan pemakaian dan pentafsiran seksyen 180 Kanun Acara Jenayah

(CPC) yang mana isu "*prima facie*" dan isu "beyond reasonable doubt", dengan izin, setelah dibangkitkan dan dipertimbangkan oleh Mahkamah Rayuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, alasan penting dalam kes rayuan ini ialah berkaitan dengan pertimbangan pihak hakim yang menghakimkan kes tersebut di peringkat awal yang mana beliau membuat keputusan berpandukan kepada prinsip kes Haw Tua Tau, Raganathan dan Munusamy apabila memanggil pihak tertuduh membuat pembelaan itu berasaskan kepada seksyen 180 Kanun Acara Jenayah dan berprinsipkan "*prima facie*".

Tuan Yang di-Pertua, rayuan ini khas diadakan untuk mempertimbangkan keadaan tanggungjawab (Burden of proof) dan peringkat tahap membuktikan (Standard of Proof) mengikut seksyen 180 Kanun Acara Jenayah yang mana sekarang ini telah menimbulkan banyak masalah dari segi tafsiran. Ekoran dari keputusan kes Khoo Hi Chiang mlw. Pendakwa Raya (1994) I MLJ 265 dan kes Tan Boon Kean mlw. Pendakwa Raya (1995) 3 MLJ 514.

Tuan Yang di-Pertua, isu penting yang dipertimbangkan dalam rayuan ini ialah, dengan izin, "What is a case, which if unrebutted would warrant a conviction? Is it a beyond reasonable doubt case or *prima facie* case"? Itulah yang dipersoalkan dan isu penting yang dipertikaikan ini ialah dalam Mahkamah Rayuan seperti yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengolah dan menimbangkan secara terperinci mengikut pertimbangan undang-undang, banyak panduan kes-kes dan prinsip perundangan telah diolah dan dikaji dalam kes ini yang berkisar dalam persoalan dan tafsiran seksyen 180 *Prima Facie* dan beyond reasonable doubt.

Akhirnya, Mahkamah Federal yang berkuasa dan paling berpengaruh itu telah membuat satu keputusan secara undi suara; 4:3 iaitu 4 menyokong, dan 3 menentang. Maka keputusan telah dibuat bahawa konsep atau prinsip 'beyond reasonable doubt' digunakan sewaktu pihak pendakwa menutup kesnya sebelum pihak hakim membuat

keputusan sama ada memanggil orang yang tertuduh ataupun membuat pembelaan ataupun sebaliknya, dan tidak lagi mengikut prinsip *prima facie*.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, dengan keputusan tersebut apakah implikasi dan effeknya kepada sistem perundangan yang ada di negara kita sekarang ini? Pertama, pada hemat saya dengan wujudnya keputusan tersebut, maka mengikut prinsip, dengan izin, “Stare Decisis”, sepatutnya dipatuhi oleh semua pihak badan penghakiman. Justeru itu, telah diketahui bahawa ada lebih kurang 400 kes, termasuk kes-kes jenayah yang berat melibatkan rompakan bersenjata, bunuh, pengedaran dadah di bawah seksyen 39(b) dan lain-lain yang mana jika prinsip “beyond reasonable doubt” ini digunakan, maka besar kemungkinan kes-kes ini akan senang sahaja lepas daripada tuduhan ini.

Kedua, keputusan tersebut dianggap mempunyai dua haluan. Yang pertama, membebaskan tugas yang berat kepada pihak pendakwa dan mahkamah untuk menimbang dan mengambil kira secara total keseluruhan bukti-bukti dan keterangan semasa di peringkat pendakwa raya menutup kesnya. Di samping itu, bab kedua yang perlu difikirkan secara objektif ialah sama ada pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan tuduhan ke atas orang kena tuduh tanpa menimbulkan apa-apa keraguan atau, dengan izin, beyond reasonable doubt, di peringkat awal perbicaraan semasa pendakwa menutup kes. Ini bermakna bahawa keputusan tersebut telah mengubah beban untuk membuktikan burden of proof, dengan izin, di bawah seksyen 180 Kanun Acara Jenayah daripada kes *prima facie* kepada kes “beyond reasonable doubt”.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini juga akan menghapuskan sistem dua peringkat, ‘two tier stage’ kepada perbicaraan kes-kes jenayah mengikut Seksyen 180 dan 183 Kanun Acara Jenayah oleh seorang hakim sahaja, yakni telah lari jauh daripada sistem penghakiman, dengan izin, ‘Adverserial Justice System’ yang mana telah begitu lama dan berjaya kita praktikkan selama ini sehingga membawa Malaysia kepada segala

kejayaan yang ada pada hari ini. Seksyen 180 telah pun ditafsirkan oleh Mahkamah-mahkamah Tinggi sebagai keperluan test *prima facie* semenjak kes P. R vs. Goo Kian (1939) MLJ 291, Mah Kok Cheong vs. R. (1953) MLJ 46, dan baru-baru ini kes Pavone vs. P.P. Pendakwa Raya tahun (1984) 1 MLJ 77, Munusamy vs. P.P. 1987 1 MLJ 492, dan akhir sekali kes Junaidi bin Abdullah vs. P. P. (1993) 3 MLJ 217. Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, adakah prinsip tersebut dianggap sebagai positif dan progresif ataupun sebaliknya kepada negara kita sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengemukakan dan menimbangkan serba ringkas kes tersebut, izinkan saya dengan rendah diri melalui Dewan yang mulia ini mencadangkan seperti berikut:

- (i) kerajaan perlu membuat satu kajian terperinci agar sekiranya mana-mana seksyen khususnya seksyen 180 Kanun Acara Jenayah ataupun CPC itu telah menimbulkan banyak permasalahan dari segi praktik dan tafsirannya, maka sangatlah wajar sesuatu pindaan dibuat. Setiap pindaan dibuat bukanlah bertujuan negatif ataupun menyusahkan mana-mana pihak, malah ianya untuk kebaikan dan keadilan sejagat.
- (ii) mengesyorkan agar kerajaan mewujudkan semula Kementerian Undang-undang dan Penghakiman di negara ini. Kedudukan seorang Peguam Negara duduk dalam Kabinet dan seterusnya hadir dalam Parlimen ini bagi menjawab segala permasalahan perundangan negara mungkin wajar juga diberi pertimbangan serius sebagai alternatifnya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan pandangan ini kerana dalam proses negara kita semasa mengejar pembangunan sosial, ekonomi yang begitu

membanggakan, kita hendaklah juga sistem undang-undang yang kita amalkan ini maju seiring dengan kemajuan yang ada di seluruh dunia.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada tajuk lain, saya menyokong penuh terhadap Belanjawan 1997 dari segi pertambahan banyak peruntukan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, untuk menolong mereka yang miskin dan kurang bernasib baik, khususnya ramai di luar bandar. Dalam hal ini, izinkan saya menyarankan supaya kementerian berkenaan dapat menimbangkan agar pemberian bantuan bulanan kepada mereka yang berhak menerimanya dinaikkan ke satu tahap yang munasabah untuk seseorang itu hidup. Sekarang ini didapati di kawasan saya, di kawasan Kuala Pilah, ada penerima yang menerima bantuan sebanyak RM30.00, RM50.00 dan RM70.00 sebulan. Kalaulah dengan pemberian RM30.00 dan RM50.00 sebulan ini, apakah yang boleh dibeli oleh penerima ini sekarang untuk bekalan selama 30 hari? Angka ini saya fikir mungkin tidak realistik dan perlu dinaikkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kerja Raya yang telah diperuntukkan RM1.081 bilion, saya mohon agar diberi priority kepada mewujudkan satu jalan raya yang berbentuk lebuh raya menghubungi Bandar Seremban dengan Bandar Kuala Pilah. Jalan Federal yang ada sekarang ini melalui Bukit Putus yang berliku-liku itu amat tidak sesuai lagi untuk menampung begitu banyak kenderaan menggunakan jalan tersebut ke destinasi kawasan Negeri Sembilan (Timur), jalan ke Pantai Timur melalui Bandar Mu'azam, Pahang, termasuk juga daerah Jempol dan Tampin. Bagaimanakah kita hendak membawa pembangunan ke kawasan tersebut jika sekiranya ekses jalan yang ada tidak baik dan memerlukan perhubungan yang baik.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya berharap pihak kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dapat memberi priority untuk melaksanakan projek tersebut semasa Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kewangan dan jabatan berkaitan di peringkat negeri dan daerah. Adalah disarankan supaya mengurangkan terlalu banyak sikap birokratik yang mana terdapat sama ada peruntukan kewangan dari kementerian turun lewat ke negeri dan seterusnya ke peringkat daerah. Ataupun disebabkan pihak-pihak pelaksanaan projek lambat melaksanakan kerja.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab berkenaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pengangkutan, izinkan saya menyarankan tentang masalah kesesakan kemudahan lalu lintas orang ramai di persekitaran Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ini. Dengan keadaan sekarang ini, saya berpendapat bahawa pihak yang berkuasa perlu mengkaji dan merancang secara teliti, di antaranya; mengkaji secara menyeluruh agar kelicinan perjalanan trafik bertambah baik dengan cara mengurangkan terlalu banyaknya sekatan lampu isyarat ataupun traffic light, seperti contoh yang terdapat di sepanjang Jalan Raja Laut. Traffic light dan bulatan sudah dianggap “obsolete” sekarang ini, yang mana dalam keadaan sekarang mungkin perlu diwujudkan banyak jalan - lintasan berbentuk yang lebih sophisticated, seperti terdapat di bandar-bandar besar di dunia. Sekatan lampu isyarat ini menambahkan kesesakan lalu lintas.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak berkuasa menimbangkan untuk membina banyak lagi jejambat berbentuk lorong yang bertutup di atas paras jalan sepertimana banyak terdapat di bandar-bandar raya besar seperti Hong Kong, Tokyo dan lain. Sebagai contohnya, satu bentuk lorong bertutup di atas permukaan jalan lalu lintas orang ramai menghubungi Stesyen baru LRT di Jalan Raja Laut ke Bangunan Pertama Kompleks dan Pernas Sogo sangat perlu diadakan. Ini akan memerlukan kemudahan



perjalanan yang selamat dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan tersebut. Sekian, dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Santubong.

**4.20 ptg.**

**Puan Rohani binti Abdul Karim [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong Usul Belanjawan untuk tahun 1997 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Walaupun jumlah peruntukan pada tahun 1997 telah berkurangan sebanyak 1.2% jika dibandingkan dengan peruntukan pada tahun ini, tetapi agenda Belanjawan tetap penting di mana kali ini adalah berasaskan kepada reformasi masyarakat dan budaya yang menjadi pra-syarat untuk membawa kita menghadapi cabaran dalam abad ke-21.

Saya sangat kagum atas Belanjawan yang begitu realistik dan prihatin terhadap keperluan rakyat yang berbilang kaum, agama, umur, peringkat ekonomi dan gender. Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan yang telah memberi satu bulan bonus kepada kakitangan kerajaan. Kita berharap pula agar mereka akan bekerja dengan lebih kuat serta menambahkan produktiviti dan kualiti di jabatan masing-masing.

Saya juga cukup hormat dan kagum atas saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang menggalakkan kami wakil rakyat untuk membuat teguran yang akan membolehkan beliau membaiki keadaan di jabatan dari segi perbelanjaan dan produktiviti, khasnya di peringkat pelaksanaan dan di akar umbi. Memang kami kerap mendapat maklumbalas dan dengan adanya saranan ini kita akan memainkan peranan untuk membantu dengan lebih aktif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak membuat beberapa perhatian mengenai Kementerian Kesihatan yang diperuntukkan RM868,400,000 - perbelanjaan mengurus

dan RM578,538,000 - perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1997. Selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya telah membuat pemerhatian semasa berada di hospital iaitu bertujuan untuk mengkritik secara membangun. Saya perhatikan bahawa jururawat yang diberi latihan selama 3 tahun tidak menggunakan latihan dengan sepenuhnya. Mereka dikehendaki menjalankan banyak kerja lain seperti menjadi kerani, pegawai perubatan atau pembantu perubatan. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga seperti yang saya sebutkan tadi atau tidak ada langsung - seperti kerani di wad-wad.

Pada masa sekarang, saya difahamkan bahawa terdapat lebih ramai doktor yang menjalani tugas di wad berbanding dengan beberapa tahun yang lalu. Sekarang ini didapati pelbagai peringkat pegawai perubatan seperti, dengan izin, housemen, pegawai perubatan, pendaftar (registrar) dan pakar. Ini bermakna banyak penyiasatan (investigation) dibuat, lebih borang perlu disediakan atau diisi, banyak lagi specimen diambil, perlu pula dihantar ke makmal dan sebagainya. Bebanan bertambah oleh kerana ramai pegawai yang hendak membuat pelbagai penyiasatan. Jururawat pula perlu menjalani latihan untuk menggunakan peralatan perubatan yang baru dan canggih.

Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan, yang menunjukkan bahawa jururawat telah dibebankan dengan kerja non-nursing dan memberi kurang perhatian kepada kehendak atau melayan pesakit yang mana adalah client terpenting bagi mana-mana hospital yang tidak mengenal pangkat atau darjat. Sebab itulah, kebanyakan yang mampu pergi ke hospital swasta yang mengenakan pembayaran yang berlipat ganda. Tetapi berapa ramai yang mampu?

Saya pun hanya pergi ke hospital kerajaan yang saya sangat yakini oleh kerana kemudahan yang, dengan izin, long established, tetapi keadaan ini juga telah memungkinkan jururawat berpindah ke hospital swasta. Sebuah kajian telah dijalankan di

Hospital Kuching di wad perubatan lelaki (male medical ward) di mana 24 jenis non-nursing task telah dikenal pasti dan daripada kerja-kerja tersebut yang top-field, dengan izin, adalah membuat laporan kemasukan - 64.9%, cumulative percentage of total time, dengan izin, merekod keluaran (discharged) pesakit - 59.1%; memeriksa pesakit semasa rawatan doktor - 23.5%; mengambil specimen darah daripada pesakit yang sepatutnya dijalankan oleh pegawai-pegawai perubatan - 37.3% dan dengan izin, giving intravenous drugs, juga yang sepatutnya dikerjakan oleh pegawai perubatan iaitu 52.1% dan banyak lagi.

Masa ini sepatutnya diberi kepada pesakit, iaitu menjalankan kerja kejururawatan seperti melayan pesakit, memandikan pesakit yang tidak boleh bangun, menyuapkan makanan dan minuman untuk pesakit yang tidak berdaya, memberi ubat dan sebagainya, tetapi sekarang, kerja ini telah diambil alih dengan tidak rasminya oleh saudara-mara pesakit. Masalah yang dihadapi oleh pihak jururawat adalah sama ada melayan pesakit atau mengambil hati supervisor yang membuat laporan SSB mereka. Mestilah mereka akan menjalankan lebih kerja non-nursing yang akan diambil perhatian oleh supervisors, oleh kerana pesakit, dengan izin, will come and go. Mungkin pihak JPA dan kementerian mengkaji semula penggunaan SSB di hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sarankan di sini agar pihak JPA dan Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh pihak jururawat dan pesakit. Saya sarankan agar jawatan perkeranian diwujudkan di wad-wad untuk mengambilalih kerja-kerja perkeranian dan menjawab telefon bagi pihak jururawat, jururawat menghadapi banyak tekanan dan banyak kali yang menjadi mangsa ialah pesakit yang kena tengking. Ini tidak sengaja, tetapi mereka adalah manusia biasa. Saya pernah membawa hal ini dalam ucapan di Dewan yang mulia ini tetapi masih belum lagi dijalankan sepenuhnya. Sekarang dua atau tiga wad yang ada pegawai perkeranian, tetapi

tidak lama selapas itu, diambil balik oleh jabatan pentadbiran hospital pula oleh kerana menghadapi kekurangan kakitangan. Janganlah sampai pesakit terpaksa membuat complaint, dengan izin, menggunakan media massa (mass media). Ini akan mencemar imej hospital secara umum. Itu pun sudah terjadi. Pada masa itu supervisor bertindak, tetapi hanya untuk pada masa itu sahaja, selepas itu balik kepada keadaan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, dari kementerian yang sama, saya ingin mengetahui tentang program, dengan izin, baby friendly hospital. Saya amat mengalu-alukan program ini yang mana akan memberikan lebih keselesaan kepada ibu-ibu untuk menyusukan bayi-bayi mereka serta galakan untuk amalan penyusuan ibu. Saya juga telah difahamkan bahawa kumpulan sokongan, dengan izin, support group, telah diwujudkan bagi memberi lebih galakan kepada kempen ini.

Saya menyarankan agar pihak kementerian memberi sokongan kewangan dan kemudahan bagi memberi kesinambungan kepada kempen atau program, dengan izin, baby friendly. Saya juga sarankan agar program dan kempen ini dijalankan bukan sahaja di hospital dan klinik kerajaan, tetapi juga di hospital dan klinik swasta. Saya ingin tahu, setakat manakah kempen ini telah dijalankan di seluruh negara dan bagaimana sambutan kepada kempen ini? Adakah kementerian menggunakan cara yang lebih meluas untuk menyebarkan berita tentang program ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya ingin menyarankan agar program kebudayaan dan kesenian dipanjangkan sehingga ke peringkat daerah dan disediakan kemudahan untuk latihan serta kegiatan yang berunsurkan kebudayaan dan kesenian. Kementerian sepatutnya mengambil langkah untuk memastikan bahawa setiap sekolah rendah dan menengah mewujudkan kumpulan kesenian dan kebudayaan. Langkah ini akan memastikan bahawa kita sentiasa memupuk anak-anak kita dengan kebudayaan dan kesenian.

Budaya lama seperti nyanyian, tarian, kerja tangan, pakaian, masakan dan permainan tradisi tidak hilang ditelan zaman dan menjadi satu kebanggaan kita semua. Saya juga menyarankan kementerian untuk menubuhkan institut kesenian bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di setiap negeri. Adalah amat sukar bagi peserta untuk ke Kuala Lumpur mendapatkan latihan dengan banyak masalah yang dihadapi seperti tempat tinggal dan perbelanjaan lain. Oleh yang demikian, yang berminat tidak dapat latihan tetapi hanyalah yang mampu dan yang tidak mempunyai minat yang mendapat latihan dan akhirnya latihan hilang begitu sahaja.

Saya juga menyarankan kepada kementerian, agar dapat merekodkan serta mendokumentasikan semua kebudayaan dan kesenian lama daripada semua kaum di Malaysia. Saya takut perkara ini kalau tidak diambil perhatian akan menyukarkan kementerian mendapat maklumat yang tepat khasnya dari orang-orang tua yang mahir dalam sesuatu bidang.

Seperti di Sarawak, saya amat risau, kalau satu kemahiran lama seperti tenunan budaya Melayu iaitu membuat tudung kepala bernama 'keringkam' akan pupus khasnya di peringkat muda. Saya sedang merancangkan kegiatan untuk menyemaikan minat orang-orang muda untuk mempertahankan budaya dan tradisi yang lama ini, ini adalah secara *ad-hoc*. Tetapi pihak kementerian sepatutnya membantu dengan mengadakan program yang berpanjangan dan berterusan bagi memastikan budaya dan kesenian kita dipertahankan.

Saya juga ingin menyarankan tentang pertunjukan kesenian seperti teater dan operas serta plays disebarikan secara meluas di seluruh negara dan bukan hanya di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya di bandar besar di negeri-negeri lain. Pencinta seni memang ramai di seluruh negara dan bukan hanya di Kuala Lumpur.

Saya sarankan agar kementerian membuat lebih banyak lagi teater dan pentas terbuka serta kemudahan lain di semua negeri. Ini memudahkan pencinta seni mengembangkan bakat mereka dan boleh diambil oleh kementerian untuk pengganti atau

sokongan kepada penari-penari atau pelakon-pelakon yang ada sekarang. Saya difahamkan bahawa kementerian membuat banyak aktiviti pertunjukan di MATIC, tetapi bagaimana penyebaran tentang pertunjukan ini? Masa dulu-dulu Ahli Parlimen pernah juga dijemput untuk menyaksikan pertunjukan dan dengan ilham tersebut kita boleh menggalakkan pementasan secara kecilan di kawasan. Jikalau ada program demikian, dapatkah kementerian membantu dari segi kewangan dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan pertanian di negara kita. Kementerian Pertanian telah diperuntukkan satu jumlah yang begitu besar, jumlah ini adalah besar dan saya harap ianya akan mencapai pembangunan pertanian yang cemerlang serta memberi manfaat yang secukupnya kepada petani di seluruh negara.

Saya ingin membangkitkan satu perkara yang sangat penting tetapi yang tidak mendapat banyak perhatian umum, sebab kita ambil sikap, dengan izin, take for granted. Perkara ini adalah mengenai keadaan keselamatan pemakanan di negara kita, dengan izin, food security. Sekarang ini kita hanya mempunyai keupayaan pengeluaran beras sebanyak 65% dan lainnya kita import dari negara-negara lain seperti Thailand, China, Vietnam dan Amerika Syarikat. Adakah kita yakin dengan bekalan tersebut? Bahkan ada disebut bahawa seluruh dunia akan menghadapi kekurangan bekalan beras.

Oleh yang demikian, kita tidak dapat bergantung kepada bekalan ini semata-mata. Perkara ini harus dibendung dan dirancang dari awal. Kita boleh berperang jikalau tidak cukup beras.

Saya ingin menyarankan kementerian agar meneroka negeri-negeri lain untuk dijadikan jelapang padi seperti negeri-negeri di utara Semenanjung. Kenapa tidak beralih ke Sabah dan Sarawak? Banyak tanah yang luas dan rata masih kedapatan di Sabah dan

Sarawak. Kita juga harus tukar kaedah penanaman padi kepada yang berasaskan jenis estet dan menggunakan jentera sebab mungkin kita menghadapi kekurangan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kegelisahan di kalangan petani, khasnya penanam padi yang terdengar bahawa kementerian sedang mengkaji sama ada hendak meneruskan subsidi baja atau tidak. Saya menyarankan agar pihak kementerian membuat bancian semula dan meneruskan subsidi kepada petani yang 'genuine', yang betul-betul dan menyetepikan yang telah menyalahgunakan subsidi baja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mendapat penjelasan mengenai baru-baru ini ada ura-ura yang mengatakan bahawa ada orang yang telah membuat pendaftaran ahli untuk menubuhkan UMNO di Sarawak. Perkara ini telah menimbulkan banyak spekulasi yang tidak sihat dan kita takut akan menimbulkan satu keresahan yang kalau tidak dibendung akan melarat. Jadi, saya pohonlah nanti daripada menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan mengenai ura-ura atau rumours yang telah disebut-sebutkan tadi. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Wangsa Maju.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**4.36 ptg.**

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Nampaknya ada ahli-ahli yang lain yang masih berdiri dan tunjuk minat mereka.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Mungkin mereka ingin minta laluan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya jamin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang. Tetapi sedia maklumlah, setiap blok itu saya akan cuba hendak memberi peluang yang sama! Sabarlah ya!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Selepas Kuala Pilah, Santubong, selepas Santubong di sinilah pula!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena, ada peluang itu!

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana memberi saya kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1997 serta Anggaran Pembangunan 1997.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan sekali lagi yang merupakan satu pendekatan yang sungguh baik dan komprehensif, khususnya lebih-lebih lagi kerana menekankan kali ini soal-soal berkaitan dengan agenda sosial, selain daripada masalah pengurusan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu biarlah saya menumpukan kepada soal pengurusan ekonomi dan kedudukan makro ekonomi negara kita. Dalam hal ini, ucapan tahniah saya memang berasaskan kepada prestasi yang telah ditunjukkan oleh negara kita hasil Belanjawan 1996 dan masih dapat mempertahankan pertumbuhan yang dijangkakan akan berupa 8% tahun hadapan tanpa membawa kepada masalah bagi nilai harga dan CPI, dengan izin, pada paras tahun lepas.

Dua masalah yang sudah dibangkit-bangkitkan ialah soal inflasi dan soal defisit akaun semasa negara yang pada tahun ini menjadi masalah oleh kerana kemelesetan eksport elektronik. Bagaimanapun, dalam Belanjawan 1997, langkah-langkah yang diambil tentu sekali akan memberi kita keyakinan baru bahawa dengan kenaikan ekonomi dunia maka masalah ini dapat kita cuba bendung.



Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana dapat meneruskan dasar jimat cermat. Fiscal di mana surplus ataupun kelebihan perbelanjaan kerajaan bagi tahun kelimanya dapat dicapai.

Dengan cara ini, dengan cara perbelanjaan yang berjimat cermat, dengan cara kita menggalakkan melalui pelbagai insentif untuk pelaburan dan penabungan dan juga untuk eksport dan galakan-galakan kepada pelbagai bidang termasuk 'tourism' ataupun pelancongan, maka tentu sekali jugalah kedudukan ekonomi akan terus mantap dan memungkinkan negara kita atau ekonomi kita diurus dengan cara mencapai pendaratan yang selamat, ataupun dengan izin, "soft landing". Bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa kekhuatiran, kebimbangan berkaitan dengan kedudukan semasa dan ramalan-ramalan yang mungkin dibuat, oleh kerana saya selepas berhenti daripada MIER tidak berkesempatan menimbulkan perkara-perkara yang sebegini secara umum, oleh kerana kita BBC.

Namun demikian, berkaitan dengan ini saya ingin mencadangkan bahawa dalam belanjawan ataupun dalam dialog prabelanjawan, pihak-pihak daripada Ahli Yang Berhormat Dewan harus dijemput sebagai satu kumpulan ataupun perwakilannya untuk bersama-sama dalam prebudget dialogue yang diadakan itu yang semakin diperbesarkan dengan keahlian-keahlian golongan-golongan yang berkepentingan yang lain. Malah dari ucapan-ucapan rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan, ramai yang lebih prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh konsituensi mereka di daerah-daerah masing-masing yang perlu dan mungkin dapat disampaikan sewaktu penyediaan belanjawan dan bukan selepas ianya dibentang, walaupun sangat baik adanya taklimat bagi kita Ahli-ahli Dewan Parlimen untuk perdebatan di sini. Cadangan Ini bukan merupakan satu kritikan tetapi sebenarnya satu cadangan yang mungkin pihak kementerian dapat diambil perhatian.

Namun demikian, ada tiga perkara yang mungkin membimbangkan pihak-pihak yang tertentu berkaitan dengan kedudukan, keutuhan dan kemantapan pertumbuhan ekonomi dalam masa jangka pendek, mungkin juga dalam jangka masa panjang.

Pertamanya ialah berkaitan dengan inflasi aset ataupun “asset inflation” berbentuk pasaran hartanah yang kita lihat, dengar dan kita tahu semakin meningkat harga-harga tanah dan dan rancaknya jualan-jualan rumah mewah dan sebagainya. Perkara ini bukan sahaja menyentuh masalah rumah kos rendah bagi kaum yang termiskin dan golongan yang berpendapatan rendah tetapi juga menjadi satu ancaman kepada kedudukan ekonomi kita. Kita tidak sebenarnya menjangkakan bahawa kos keruntuhan pasaran hartanah pada tahun 1984 akan berulang.

Namun demikian, kita sudah pun sampai dalam putaran “building cycle” negara kepada satu tahap yang sudah pun menunjukkan bahawa pembinaan ataupun pembinaan serta perumahan dan lain-lain bidang...

**Dato’ Haji Hanafi bin Ramli:** *[Bangun]* Minta jalan Yang Berhormat, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jerlun minta jalan.

**Dato’ Dr. Kamal bin Salleh:** Saya hendak habiskan ucapan sedikit lagi, lepas itu boleh pass. Bahawa tidak mungkin berulangnya keruntuhan pasaran hartanah ini tetapi dengan kedapatan kemuncak kepada putaran “building cycle” sekarang ini sudah pun ditunda sekian lama, kemungkinan ada unsur yang akan mengancam dan dengan itu ada pihak yang menanya sama ada, dengan izin, “the bubbles will burst”.

**Dato’ Haji Hanafi bin Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Jerlun.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa harga tanah di Bukit Damansara, RM220.00 sekaki persegi pada ketika ini sudah memuncak ataupun akan naik lagi ataupun ini akibatnya yang akan menyentuh soal resensi ataupun “inflation”, Yang Berhormat maksudkan?

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Terima kasih kepada rakan saya, sebenarnya manamana harga pun tidak boleh terus naik dan naik lagi, ia akan jatuh pada satu masa. Jadi, ini menunjukkan kadar yang tinggi seperti di Bukit Damansara itu adalah satu daripada kawasan-kawasan yang memang ada “pressure” yang mungkin mencetuskan keadaan asset deflation.

Tetapi ada analisa menyatakan kita harus berwaspada tentang perkara ini, walaupun kemungkinannya tidak sama dengan tahun 1984, oleh kerana kali ini, syarikat-syarikat hartanah dalam negara kita ini lebih mahir, lebih berupaya dari segi kewangan dan pembiayaan masing-masing dan mempunyai strategi yang boleh mengurangkan risiko dalam soal spekulasi tanah ini. Bagaimanapun, ini satu perkara yang harus pihak kementerian dan lain-lain pihak yang bertanggungjawab perhatikan.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah ....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut kerana hendak jawab perkara tadi ini. Yang Berhormat mengatakan tadi mengenai dengan tahap “building cycle” yang ditunda. Apa maksudnya, boleh Yang Berhormat tolong perbesarakan, ditunda oleh faktor apa?

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Biar saya jelaskan, dalam kajian di MIER dulu, kita ada mengkaji bahawa Malaysia mempunyai “building cycle” jangka masanya panjang

lebih kurang 8 tahun hingga 12 tahun. Dalam pada period itu, ianya naik memuncak dan kemudiannya turun dan jatuh hampir 12 tahun. Jadi, kalau kita kata tahun 1984 terdapat dengan izin, “collapse in property market” membawa kepada masalah kepada sektor pembinaan dan kemudiannya membawa kepada kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985, maka campur 12 tahun, maka sepatutnya sudah sampai masanya “in this building cycle”, kepada tahap menurun. Jadi, kita ini telah dapat meneruskan perkembangan dan menundakan “collapse” ini, oleh kerana kita telah menguruskan kewangan, dari segi pinjaman dan sebagainya, supaya tidak membawa kepada inflasi ataupun kepada “credit extension” dan sebagainya yang boleh membawa kepada tercetusnya inflasi.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, maksudnya Yang Berhormat menyatakan di sini bahawa tundaan ini disebabkan oleh permintaan yang lebih? Ya, profesor ekonomi di depan dia geleng kepala, agaknya ..*[Ketawa]*

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Nanti dalam ucapan dia, dia boleh jawab. Orang ekonomi kadang-kadang tidak bersetuju di antara satu sama lain. Bagaimanapun, memang permintaan merupakan satu faktor tetapi soal-soal “supply side” juga membawa kepada masalah ini. Jadi, dalam hal....

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Penjelasan Yang Berhormat, lagi sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jerlun bangun.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Ini ada ‘injury time’kah?

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Berminat, Yang Berhormat, terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah setengah-setengah syarikat “paid up” kapitalnya RM2.00 kemudiannya dia minta satu konsesi dan kemudian dia dapat konsesi tanah, kemudian syarikat ini dapat, bila dapat dia hendak kena bayar, dia pinjam bank sekian

amaun, kemudiannya dari situ dia cuba “develop”kan. Ini juga adakah di antara unsur-unsur yang boleh menumbangkan ekonomi property kita?

**Dato’ Dr. Kamal bin Salleh:** Proses-proses yang macam inilah yang membawa kepada tumbangnya ekonomi atau pasaran hartanah kerana inilah yang dikatakan spekulasi. Kerana dia mengambil nilai conversion satu, kemudian lepas itu dijual pada harga pasaran selepas conversion untuk membayar balik pinjaman asal.

**Dato’ Haji Hanafi bin Ramli:** Yang Berhormat, bersetujukah dengan pendapat saya bahawa sekarang inilah banyak praktis yang berlaku dalam negara kita ini, sebahagian besarnya begitu?

**Dato’ Dr. Kamal bin Salleh:** Saya sungguh bersetujulah. Jadi, dalam hal ini bila sahaja ditunda, bukan sahaja kerana pengurusan kewangan dan kredit tetapi juga oleh kerana kita dapat meneruskan permintaan dari segi infrastruktur pembangunan dan sebagainya. Jadi, itu sebabnya “delay in building cycle collapse” or “down cycle” berlaku.

Perkara kedua yang merungsingkan setengah pihak, saya ingin mengutarakan di sini dalam soal.....

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** Saya bukannya pakar dalam bidang ekonomi seperti Dato’ Timbalan Menteri dan bekas profesor, tetapi saya hendak bertanya sedikit. Saya juga tertarik dengan Jerlun ya, semenjak dua tiga minggu ini macam ada satu kebangkitan baru *[Ketawa]*. Tidak tahu apa formula, ada akar Jerlun ke apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Rompin, hendak soal siapa ini?

**Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Saya pandang aje, bukan soal dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan dari siapa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya kalau pusing belakang, terus bagi belakang kepada Tuan Yang di-Pertua, jadi saya pusing sedikitlah terus nampak ke Jerlun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya ingat Yang Berhormat hendak minta penjelasan dari Jerlun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak, saya hendak minta penjelasan dari Wangsa Maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kalau Wangsa Maju, boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita banyak agensi-agensi yang boleh mengawal, kalau dia hendak “reverse property” atau beli atau jual kepada “public vehicle”, kita ada suruhanjaya sekuriti, kita ada Bank Negara boleh mengawal cara dari segi memberikan nilai pada harta. Adakah kerajaan patut sekarang ini cuba mengawal dari segi harga kalau kita memandangkan unjuran Yang Berhormat mengatakan bahawa kemungkinan perkara ini akan berlaku? Mengapa tidak kita kawal daripada sekarang dan mengapa kita hanya tunggu? Kita boleh tunggu dan katakan melonjak lebih ke hadapan “bubble burst” nanti? Mengapa tidak kita kawal supaya tidak ada ‘burst’ yang tersendiri? Ini saya minta maaf, saya bukan pakar tetapi hanya hendak minta pandangan profesor sedikit.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Fasal pandangan tentang kerancakan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerlun itu, macam ekonomi juga, kalau kita ada by-pass, lajulah trafik berjalan.

Mengenai soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Rompin, sememangnya ini harus difikirkan oleh kerajaan. Walaupun ada SC dan sebagainya, tetapi apabila melibatkan hartanah, syarikat-syarikat awam perlu mendapat kelulusan daripada Foreign Investment Committee (FIC), dengan izin. Jadi ini adalah satu cara untuk mengawalinya, bagaimanapun yang melibatkan spekulasi dalam hartanah sekarang ini bukan melibatkan public company, tetapi individu dan private. Akhir-akhir ini apabila kelulusan diberi

untuk conversion, development order dikeluarkan, nilai itu semakin naik, kemudian dijual dan dijaja merata-rata oleh individu ini, akhirnya barulah di'reverse'kan ke dalam public company. Ini yang memberi pengiktirafan kepada nilai tersebut dan ianya terus meningkat. Jadi, patutlah dikawal proses urusniaga harta tanah seperti ini.

Bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Rompin kalau kita kata, kita harus kawal harga harta tanah kerana sistem pasaran yang kita maksudkan selepas kita sudah meliberalisasikan begitu banyak bidang-bidang ekonomi, jangan pula kita regulate pula satu daripada bahagian sektor yang penting dalam negara kita ini. Jadi, biarlah pasaran hartanah berjalan dengan baik, tetapi diawasi oleh pihak berkuasa supaya spekulasi dan asset inflation ini tidak berleluasa. Tambahan lagi apabila kita berada di tahap yang sungguh mencemaskan dari segi building cycle .

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah soal yang juga merupakan satu ancaman kepada kestabilan ekonomi dan kemantapannya itu apa yang dikatakan, dengan izin, the wage gap. Mengikut data yang dikeluarkan oleh menteri, kadar produktiviti meningkat 3.9% pada tahun ini dan kadar upah sebaliknya meningkat pada kadar 8%. Bermakna bahawa jurang gaji atau 'the wage gap' ialah lebih kurang 4% setahun. Ini lebih tepat lagi kita panggil jurang produktiviti. Ia berkembang sebanyak 4% setahun. Jadi, mana-mana jurang gaji ataupun jurang produktiviti ini akan membawa kepada inflasi, iaitu tekanan kepada harga yang umum. Dengan demikian maka urusan ekonomi kita yang cukup baik melalui dasar kewangan, kawalan kredit dan sebagainya tiba-tiba kita terlajak dalam soal mengawas pengembangan kadar upah ini.

Sebenarnya apa yang patut dibuat dan yang saya lihat dalam Belanjawan ini, dan juga dalam Rancangan Malaysia Ketujuh cadangan yang menumpukan perhatian kepada produktiviti supaya jurang upah ini tidak begitu membesar. Kalau sekarang ini kadarnya besar, pada kadar 4% setahun dalam masa 2 tahun ia menjadi 8%, walaupun tidak ada

perubahan-perubahan lain, kalau ia masih lagi berterusan, sebab ia accumulative, ia bukan satu tahun - satu tahun sahaja. Ini juga merupakan satu ancaman oleh kerana ia akan menekan soal kedudukan harga, lebih-lebih lagi oleh kerana pertumbuhan kita begitu pesat, lebih 8% buat kali ke-9 tahun hadapan.

Ketiga, yang juga membimbangkan setengah pihak dan semalam Dr. Zainal Aznam, Timbalan Ketua Pengarah ISIS dilaporkan membangkitkan tentang masalah kadar tabungan (saving rate) yang sekarang pada kadar disebutkan dalam Treasury Report 38%. Sebenarnya ini memang tinggi daripada keadaan masa kita menghadapi kemelesetan pada tahun 1985 dan inilah satu perkara yang sungguh membanggakan. Malah inilah yang membolehkan kita terus melabur dengan begitu tinggi dari sumber-sumber dalam negeri atas dasar tabungan kita ini. Bagaimanapun, kadar pelaburan kita lebih tinggi daripada kadar tabungan dan inilah yang dikatakan “the resource gap” yang memerlukan kita, oleh kerana pelaburan pada 42% dari pendapatan negara, bergantung kepada import modal asing. Dalam keadaan di mana persaingan untuk merebut free capital ini, dengan izin, dengan negara-negara jiran dan oleh negara-negara maju sendiri yang banyaknya dalam proses meng‘industrialize’ semula, dengan izin, “in the process of reindustrialization”, termasuk di United States. Dengan persaingan itu akan mengurangkan pengaliran modal ini ke dalam negara kita.

Kita harus memperingati soal pengurusan ekonomi juga, kalau tidak dapat ditampung jurang sumber ini, maka kita perlu mengurangkan kadar pelaburan kita. Jika kadar pelaburan ini kita kurangkan bermakna kita harus menerima hakikat pertumbuhan itu kadarnya harus lebih rendah daripada 8%. Malah ada pihak mengatakan sepatutnya bagi tahun 1997, kadarnya haruslah lebih kurang 7.5% dan bukan 8%. Maka dengan demikian, kita boleh menguruskan dan memungkinkkan “soft landing yang kita harap-



harapkan dalam Belanjawan ini. Jadi, itulah perkara yang bersabit dengan urusan ekonomi makro.

Saya hanya ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu berkaitan dengan sektor penyelidikan dan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini telah diberi beberapa peruntukan dalam Belanjawan bagi tahun ini yang meneruskan usaha daripada tahun lepas. Jadi, saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian yang sudi atau yang .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat .....

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** .... telah meneruskan usaha ini, kerana ini adalah satu daripada punca kita untuk meningkatkan produktiviti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun, tetapi sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Sedikit sahaja, selepas itu saya jawab 'ya' atau 'tidak' sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, dengan ringkas sahajalah. Saving investment gap, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah 6.3% of GNP. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya saving gap ini dibiarkan begitu sahaja, dengan itu tabungan yang bertambah, bukannya ini cukup untuk pelaburan kita sendiri?

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Sebenarnya banyak cara boleh dibuat. Kita boleh terus menggalakkan pelaburan asing masuk ke dalam negara kita dan ini sedang kita buat. Kita tidak akan cuba cutoff di sini, kerana ini adalah satu sumber yang penting.

Yang keduanya, kita boleh kurangkan pertumbuhan kita juga dengan cara mengurangkan kadar pertumbuhan supaya dapat di'align'kan dengan kadar tabungan.

Yang ketiganya, boleh kita tingkatkan kadar tabungan. Di Singapura kadar tabungan itu ditingkatkan ke 41% melalui CPF. Ini adalah sumber kita yang terbesar dari segi tabungan dalam negeri. Walaupun compulsory savings ia masih juga saving, jadi itulah cara-cara yang mungkin untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai R&D ini ada sedikit sahaja. Ada dua perkara berkaitan dengan R&D ini, iaitu:

Pertama, masalah yang berkaitan dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam R&D. Kerajaan tahu bahawa kita sekarang ini bergantung kepada sumbangan pihak awam sebanyak 80% melalui berbagai-bagai peruntukan kepada institusi-institusi pendidikan awam dan hanya 20% sahaja daripada pihak swasta. Dan tujuan kita mencontohi bagi negara-negara maju ialah untuk menggalakkan 80% atau mungkin dekat dengan 80% sumbagan daripada swasta. Maka sumbangan atau peruntukan untuk tahun lepas yang membolehkan sindiket-sindiket Penyelidikan dan Pembangunan (R&D Syndicate) adalah satu perkara yang sekarang menjadi masalah, oleh kerana masalah interpretasi. Apabila ini dipindahkan kepada IRD ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri, kita harapkan ianya juga akan memberikan satu mekanisme yang lebih telus dan transparent supaya kita dapat betul-betul mengasingkan antara “genuine research syndicate”, dengan izin, dan yang hanya menjadikan R&D Syndicate sebagai satu saluran lagi bagi pelaburan kewangan mereka. Ini yang menjadi masalah, tetapi bagi yang genuine itu harus kita berikan peluang yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak lagi perkara yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan sektor-sektor tertentu. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya akan timbulkan dalam peringkat Jawatankuasa nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**5.49 ptg.**

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang, untuk hendak ucap tahniah, takut rugi masa sahaja, orang lain kena ucap juga.

Pertama, sekali saya tidak puas hati tentang masa yang ditetapkan kepada Ahli-ahli Parlimen berucap. Sepatutnya kalau hendak tetapkan masa 20 minit mula daripada hari pertama, selepas Ketua Pembangkang seorang setengah jam. Ini 20 minit, saya hendak cakap hari ini kisah 'asing' sahaja. Kisah pendatang asing; pekerja asing; restoran asing; pelacur asing; warga asing; task force yang menjaga pekerja asing; agensi pekerja asing; kedutaan asing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Semuanya asing!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Itu semua - Benggali Singh sahaja tidak ada. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak telah membangkitkan perkara-perkara pekerja asing dan pendatang asing ini memang kita akui bahawa negara kita maju makmur, kita memerlukan pekerja asing. Tetapi yang kita bimbangkan adalah tentang bilangan pendatang asing. Yang ini saya hendak beritahulah pihak kementerian, pendatang asing datang ke negara kita sampai sejuta ini amat membimbangkan. Kita boleh ibaratkan macam kita tanam pokok bunga, kita tidak buat pagar rumah kita. Kambing masuk lepas itu kita tangkap kambing tambat dekat pokok bunga - sekarang ini jadi macam itulah.

Pendatang asing dia tahu, dia kata "Jangan pergi ikut imigresen sahaja, mai belah ikut hutan, ikut Cuping, ikut Perlis." Hari ini saya hendak beritahu pada reporter, bahawa ada di negara jiran kita ada kem, kem pendatang asing daripada Bangladesh berkumpul di situ dan di "smuggle" masuk ke dalam Malaysia. Ini minta Kementerian Dalam Negeri, tolong siasat. Lepas orang-orang ini tahu kata negara kita ini macam ini. Jangan masuk ikut pintu sahaja, masuk ikut lautan tidak apa.

Lepas itu bila masuk, ada pula kedutaan, saya tidak mahu sebut di sini sebab ia menimbulkan masalah kita. Tapi kedutaan di negara kita yang jual pasport negara dia dengan berharga RM154.00. Jadi, saya nak minta Kementerian Dalam Negeri ini, kalau tidak mahu jaga ikut pagar tu, ikut keliling boarder, pergi jaga di kedutaan ini. Sebab sebelum dia masuk kedutaan, dia tidak ada pasport. Bila dia keluar dia ada pasport.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tuan bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya tidak ada masa Tuan. Tolong sikit. Sat ni kalau masa saya habis, saya beri peluang. Saya ada banyak kisah asing termasuk Yang Berhormat pun kira kalau tanya saya banyak saya anggap sebagai pendatang asing. *[Ketawa]*

Lepas itu, Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan di sini supaya kita gunalah tentera dan PPH ini. Saya dengar Yang Berhormat dari Larut itu kata, tentera kita mati kerana dok cuci, gilap kasut, jatuh kapal terbang buruk, pencennya bersara, gunakan tenaga tentera ini untuk kepong keliling, tentera laut ada, tentera udara ada "round"lah, tak kan tak nampak bot-bot pendatang asing ini. Tentera navy ada, askar kita-kem ikut tepi boarder tu - tangkap. Selain daripada itu, Fieldforce kita pun ada buat apa? Ini kita dok bagi, dok bising jangan masuk pendatang asing tetapi kita tidak pagar rumah kita. Pagar dulu, bila pagar ini, bila tangkap nak tibai pun tak apalah. Ini kita tidak buat pagar - tibai, sakit kawan yang dok tibai itu. Kalau kena seorang dalam hutan, satu juta orang, nak pergi gaji siapa yang nak rotan ini. *[Ketawa]* Satu juta dekat enam juta rotan nak beri.

Yang ini, saya harap jaga pagar kita, jaga jangan bagi masuk dulu. Tadi sebelum daripada pagar tu, saya nak minta Kementerian Dalam Negeri ini jaga dua kedutaan ini -

satu kedutaan penting kalau tak tahu tanya saya di luar. Dalam ini saya tidak mahu sebut wartawan pun minta tanya kementerian ada kedutaan kalau nak siar ada kedutaan yang jual dia punya pasport sendiri.

Jadi, ini saya dapat laporan daripada orang asing, dia kata kenapa bila dia dapat anak tiga, baru nak hambat dia keluar - bini dia orang Malaysia. Jadi, saya tanya mana awak dapat, dia kata ada kedutaan dia dok jual - dok jual pasport ini. Jadi minta perhatian perkara-perkara ini. Lagi satu tentang restoran asing, sekarang berapa banyak tomyam, dia orang tidak ada Tom Jones sahaja. *[Ketawa]* tomyam merata ceruk, tauke dia orang asing, kuli pun orang asing. Macam mana benda ini boleh berlaku? Orang-orang kita tidak buat boleh tomyam ke?

Jadi, saya minta pihak yang berkenaan ini supaya mengambil tindakan sedikit tentang restoran-restoran asing. Lepas itu daripada Task Force ini saya ingin tahu, Task Force ini ada lagi atau tidak? Ada gaji tidak orang lama tu. Saya bercakap dalam persidangan yang lalu tentang Task Force ini. Kita sekarang ini ada pendatang asing, pekerja asing yang banyak dan kita tidak ada orang yang nak jaga mereka ini. Setengahnya tidak ada permit, tidak ada apa tindakan berlaku. Baru ini, saya dengar 2,600 di KLIA tidak ada permit. Lepas itu baru nak buat permit. Tidak ada orang yang nak bertanggungjawab. Dulu kita ada agensi pekerja asing, jadi oleh sebab ada kaitan dengan Task Force ini macam mana agensi pekerja asing ini dimansuhkan?

Jadi, sekarang saya nak tahu siapa yang bertanggungjawab tentang pekerja asing ini. Pendatang asing bila dia datang, bila dia dah dapat pasport dia bekerja, lepas itu dia - majikan tu bila dia lari atau dia melakukan sesuatu kesalahan siapa yang akan bertanggungjawab?

Saya mencadangkan supaya agensi pekerja-pekerja asing ini diwujudkan semula - bagi tanggungjawab, kalau dia buat salah kita denda dia. Ini kita ambil duit RM100,000

bubuh sebagai bank deposit lepas itu kita mansuh akaun dia. Dia nak ambil duit pun tidak boleh, dia takut nak ambil duit sat ini orang hapus permit dia. Buat kerja pun tidak boleh.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri ini, wujudkan agensi pekerja asing ini, nak sayang apa kalau dia nak jadi jutawan pun bukan orang lain, orang kita. Ini dok gaduh jadi jutawan, saya percaya agensi pekerja asing ini tidak boleh nak jadi jutawan - boleh senang sahajalah. Jadi, ini kita dok dengki, sekarang ini agensi pekerja asing kita mansuhkan, kita biar orang asing datang. Orang daripada Bangladesh, Indonesia dia datang, dia pula pergi "deal" dengan majikan. Adakah ini patut?

Orang kita, kita tidak beri peluang, kita beri orang ini pula dan dia ini bukan ada lesen. Jadi, saya nak mintalah Kementerian Dalam Negeri ini supaya perkara-perkara ini kita ambil tindakan. Kita melaksanakan dengan baik supaya orang kita pun senang. Orang dia pun senang. Cukup masa dia balik. Tentang dia nak kahwin lepas itu kita wujudkan syarat tertentu. Ini macam saudara kita saya kata tadi, orang kita nak kahwin kena tandatangan binilah, macam-macam. Bangladesh kahwin tidak siapa tandatangan pun. *[Ketawa]* Dan dia balik bukan dia nak cukur kepala. *[Ketawa]* Orang kita susah nak kahwin, saya tahu banyak menteri ini TSTT - teringin sangat tapi takut. *[Ketawa]* Banyak teringin, susah tapi Bangladesh senang. Ini kita mesti adakan syarat-syarat kita, berani adakan cara-cara tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedutaan asing ini saya haraplah supaya pihak kementerian, polis, imigresen cuba kepung tengok kedutaan ini. Sebab nak tangkap pun sebelum dia masuk, dah dia masuk kedutaan dia bayar duit dia keluar dia ada passport. Ini kita nak beri amaranlah kepada mereka, sebab dia tahu negara kita memang macam ini. Orang-orang boleh masuk ikut perenggan, ikut boarder dengan cara haram dan dia datang ke kedutaan, orang-orang di kedutaan itu cari makan. Dia jual passport dia ni.

Ini kita tahu perkara-perkara ini wujud dan saya harap pihak kementerian ini akan mengambil tindakan. Jadi, saya cadangkan tadi tolong sikit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sorrylah tidak ada kaitan dengan penyakit kulit langsung. *[Ketawa]* Tidak kaitan dengan penyakit kulit, saya pun tidak sebut kisah sakit, dia doktor penyakit kulit. Saya ada dua, tiga perkara lagi.

Habis tentang pendatang asing *[Ketawa]* minta sorry ya kawan, saya nak cakap kisah lagi satu perkara yang saya percaya. Baru lima minit kan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada masa lagi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Habis dah kisah pendatang asing ini, saya minta pihak-pihak reporter tolong bukan "highlight" saya tak apa, "highlight" benda-benda ini supaya semua orang bimbang sangat ini.

Lagi satu perkara saya hendak bangkit tentang Kementerian Pendidikan, sahabat-sahabat saya dari kementerian, menteri, timbalan menteri tu sahabat baik tu saya nak bagi nasihat sedikit. Sebab kita nak menuju wawasan ini sama ada nak mewujudkan masyarakat yang liberal, kita nak mewujudkan masyarakat yang saintifik, masyarakat yang demokratik, masyarakat yang maju, masyarakat apa-apa pun kita terpaksa letakkan bebanan ini kepada guru. Saya percaya kalau guru-guru tidak mainkan peranan ini kita tak usah dok mimpilah, kita tidak akan sampai ke wawasan sebab guru-guru ini di sekolah mempunyai satu peranan yang berada di kilang pengeluaran masyarakat masa depan.

Jadi, apa yang berlaku sekarang ini, guru-guru mempunyai suatu perkara yang membuat mereka frustrated. Kalau zaman saya dahulu, guru-guru ini top priority. Pada siapa yang hendak pergi meminang ini, guru-guru nombor satu! PTD pun depa tak berapa faham lagi masa itu. Cikgu, dia berilah anaknya. Nombor dua askar, fasal isteri askar ada gaji. Sekarang, guru dok last! Pi habaklah, cikgu meminang anaknya..... "Cikgu...!". Nombor satu businessman, sebab dia boleh jaga PTD, businessman ini dia boleh jaga pegawai. Pegawai boleh hantar guru ke merata ceruk! Jadi, prioritynya nombor satu ialah

businessman. Sebab itu kadang-kadang anak-anak orang ini, dia menikah dengan driver. Dia bawa BMW, dia kata dia businessman. Beri anak, berkenan pada driver.

Sekarang ini, guru duduk di tingkat yang ketiga sebab masalah gaji, masalah pertukaran dan masalah SSB. Saya hendak beritahulah ini, banyak kali sudah bercakap. Gaji SSB ini memang bagus, datang dari pemikiran Perdana Menteri, kata tak bagus pun seriau juga! *[Ketawa]* Datang daripada Perdana Menteri, memang bagus!

Tetapi apa yang saya hendak kata, profesion guru ini yang tak sesuai dalam SSB ini sebab dalam SSB, daripada 100 orang, 5 orang - dua orang dapat gaji melintang dan tiga orang dapat gaji menegak. Yang lain semua melintang! *[Ketawa]* Dalam masyarakat guru, kalau 100 orang guru, hendak buang 2 orang, hendak tahan gaji 3 orang, cukup senang. Daripada 100 orang, saya ulang, hendak buang 2 orang yang teruk sangat itu, hendak tahan gaji 3 orang, cukup senang. Tetapi hendak beri 2 orang gaji melintang dan 3 orang gaji menegak, memang susah sebab guru 95% bagus. Kalau tak bagus, lingkup semua yang dok ada di sini - semua guru punya kerja! Ini semua yang dok ada ini!

Sebab sekarang ini, keadaan gaji SSB ini saya tengok, misalnya di Kuala Lumpur ada 73 Pengetua. Daripada 73 orang ini, dikira 100 orang, 2 orang dapat gaji melintang, 71 lagi melintang sebab dok fikir, “Hai, aku ini tak buat kerjakah, yang dua itu dapat bagus setara mana?” Jadi, kalau yang dapat pula, “Aku dapat dah, takkan nak dapat tiap-tiap tahun!” Dia tak buat kerja juga! Jadi, lebih baik saya mengharap profesion guru ini kena satukan ataupun tubuhkan Suruhanjaya Perguruan - macam dahulu Suruhanjaya Aziz, melihat supaya guru ini tidak termasuk dalam golongan frustrated group.

Sekarang guru ini sebagai satu perjawatan untuk batu loncatan. Dia masuk jadi guru, selepas itu, bila ada peluang lain, dia lompat pergi ke lain. Sekarang hendak jadi guru sandaran atau temporary teacher cukup tidak ada. Sebab macam mana hendak jadi



guru sementara atau guru sandaran, dia dok mengajar, dia dapat RM580 di Kuala Lumpur ini. Dia mengajar di Bukit Bintang sebagai guru temporary, RM580. Dia lompat, dia menyeberang pergi ke sebelah, dia jadi cashier, dia dapat RM850. Tidak ada guru sandaran di dalam Kuala Lumpur ini. Di kampung-kampung, bolehlah!

Jadi, saya harap jawatan perguruan ini dikaji semula. Saya percaya menteri telah menubuhkan satu jawatankuasa. Tetapi saya harap SSB ini - bukan saya tidak sokong SSB, tetapi SSB ini tidak sesuai untuk profesion guru. Untuk orang lain, saya tak tahulah! Tetapi untuk guru ini memang macam-macam depa kata. “Susah-susah, blah!” - SSB juga! SSB - “Siapa Sempat Bodek”, dia dapat! Jadi, susah! Lagi apa? *[Disampuk]* Ha, “Siapa Sayang-sayang Bos”, dia dapat juga. Jadi, susah!

Bila saya bercakap dengan Pengetua, interview ini, saya buat homework Tuan Yang di-Pertua, bukan main-main. Saya pergi interview dua orang Pengetua, dia kata, “Allah, cukup susah, Yang Berhormat. Bila saya hendak cadangkan guru itu melintang...” *[Disampuk]* Isteri saya bukan guru besar, isteri saya besar sahaja, tetapi bukan guru besar! *[Ketawa]* Besar sahaja! Isteri saya besar, tetapi bukan guru besar, ini Pengetua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi temuramah seorang Pengetua. Saya kata, “Macam mana dengan pendapat cikgu tentang SSB?” Dia kata, “Cukup susah. Saya sebagai Pengetua hendak pilih, guru semua bagus-bagus, bila saya pilih seorang guru dapat melintang, yang lain teriak. Depa ingat depa tak buat kerjakah?” Jadi, benda-benda ini berlaku di sekolah-sekolah.

Selepas itu ada pula Pengetua, dia beri kuasa kepada Timbalan. Timbalan itu pula, manusia, dia berat sebelah. Dia pilih siapa jack dia, siapa yang mengajar anaknya dengan bagus, siapa yang selalu duduk dekat. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap guru ini hendaklah diberi perhatian.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya baru bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya baru bercakap 5 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Pendidikan ini mengkaji benar-benar supaya jawatan guru ini balik kepada suatu jawatan atau profesion yang disanjung tinggi. Kalau dahulu, guru ini orang bubuh nama sekolah. Sekarang ini pokok nak mampus pun depa tak bubuh nama guru. Dahulu orang bubuh nama sekolah, Sekolah Iskandar di Alor Setar itu, nama bapa Perdana Menteri kita, punya sayang. Nama Aminudin Baki - Sekolah Aminudin Baki. Sekarang ini....Allah! *[Disampuk]* Tidak ada dah yang itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap kementerian ini tolonglah.

Lagi satu perkara, saya hendak bercakap kisah Kementerian Penerangan ini. Kementerian Penerangan untuk Tuan Yang di-Pertua yang baru. Tadi dia tak ada, nanti dia dengar saya bercakap, nanti dia balik, makan tak lalu, susah juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan yang saya hendak bangkitkan ini, saya hendak tanya Kementerian Penerangan ini yang Perdana Menteri suruh belajar bahasa Inggeris ini, suruh sekolah-sekolah mengajar kanak-kanak berbahasa Inggeris, suruh masyarakat kita belajar bahasa Inggeris ini, adakah untuk kita menuntut ilmu, baca buku-buku bahasa Inggeris yang ada ilmu ataupun hendak menyanjungkan bangsa Inggeris itu? Yang ini saya hendak tanya Kementerian Penerangan.

Kalau hendak sanjung bangsa Inggeris itu, kita belajar bahasa Inggeris ataupun kita belajar bahasa Inggeris untuk kegunaan atau untuk alat kita mencari ilmu untuk kemajuan bangsa kita. Ini Kementerian Penerangan dalam drama-drama yang diluluskan

- misalnya drama yang anak-anak kita dok tonton itu, setiap drama menunjukkan bahawa masyarakat yang berjaya itu bercakap bahasa Inggeris di rumah.

Ini saya bangkitkan selalu sebab selagi dia tidak perbetulkan, saya akan bangkitkan berkali-kali. *[Disampuk]* Dia panggil ‘mama’, ‘papa’ sampai bapanya itu papa habis! *[Ketawa]* Kita tidak mahu! Kita tidak mahu masyarakat kita diberitahu bahawa bahasa Inggeris itu adalah satu bahasa yang agung, datang daripada satu bangsa yang agung. Kita tidak mahu macam itu. Kita hendak habak kepada anak kita, “Kamu menuntut bahasa Inggeris, kamu hendak menuntut bahasa Arab atau bahasa Jerman untuk kepentingan kamu menuntut ilmu di dunia ini. Bukan untuk lain”.

Jadi, tengok drama-drama ini. Minta Tuan Yang di-Pertua balik, check dan tengok drama-drama ini. Setiap kali drama mesti ada bahasa Inggeris. Dahulu, gambar Hindustan mestilah ada. Dahulu, gambar Hindustan bercakap bahasa Inggeris, la ni, dia pun sudah tidak ada dalam lagu-lagu. Cuba tengok drama-drama Jepun, mana ada? Satu patah perkataan pun tidak ada! “Okay” pun tidak ada! Karaoke, ada. Itu bahasa Jepun. Tetapi “okay” itu tidak ada dalam bahasa Jepun. Semua bahasa Jepun! Kenapa bangsanya boleh maju?

Yang ini kita hendak minta Kementerian Penerangan - tidak ada seorang pun di sini. Saya harap pegawai-pegawai ada, tolong sampaikan pada Tok Mat, selagi dia tidak perbetulkan perkara ini, kita akan bangkitkan.

Lagi satu, saya minta wakil-wakil rakyat ini berilah parabola yang besar sedikit. Kalau orang lain 2 kaki, beri pada wakil-wakil rakyat ini parabola yang berukuran 4 kaki supaya kita dapat tolong lihat benda-benda yang tidak elok, kita boleh tolong censor. Tidak begitukah? Kita tolong sensor! Ini kita pun kecil macam orang lain juga! Kita pun kena bayar hasil macam itu. Berilah kepada wakil rakyat free! Saya bukan hendak menuntut free! Sebab kita hendak tolong kalau ada perkara yang tak elok.

Misalnya dahulu, saya tengok satu drama atau kartun Jepun....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Gulung dah? Yang last sekali. Satu drama Jepun yang, bila anak saya semua tiap-tiap petang, petang Jumaatkah petang Sabtu, berkumpul di depan televisyen. Saya tanya apa? “Oh, gambar kartun, best ayah”. Saya pun tumpang. Betullah saya pun seronok tengok gambar kartun sebab gambar kartun tidak pernah mati dan tidak pernah risau. Tengok gambar lain kita hendak kena fikir. Tengok gambar kartun ini dia kena tindih steamroll pun berkeping pun dia bangkit elok semula! *[Ketawa]* Saya pun suka tengok gambar kartun. Anak saya tengok, saya pun tumpang tengok. Tengok, tengok.... “hero dari neraka”. Hero datang dari neraka. Saya kata apa ini? Saya datang beritahu Menteri Penerangan dia perbetulkan. Jadi, kita dapat memainkan peranan kita.

Kita tahu pegawai-pegawai sensor itu setengahnya yang pencen. Cuba tuan-tuan fikir, kalau dulu dia hendak sensor filem, kena gambar yang seronok yang kita seronok, tidak apa. Kena gambar Hindu, kena gambar Cina hak fesyen-fesyen lama itu, dia larat hendak tengok? Dia lena depan televisyen. Dia jaga-jaga “yes”. Dia tengok-tengok gambar macam mana, dia pun terlina juga, kita pun terlina depan televisyen, bila terlina, jaga-jaga tidak akan dia hendak tengok lagi sekali, dia tulis “okay”. Lepas itu bila anak-anak kita tengok, teruk!

Jadi, saya mintalah supaya.....tadi minta apa, parabola bukan!*[Ketawa]* Ha, ini Setiausaha Parlimen sudah datang *[memandang kepada Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]* tolong sampai kepada Dato’ Mohamad Rahmat perkara-perkara ini. Pertama sekali dari segi drama, tanya Tok Mat itu bahasa Inggeris ini sebagai bahasa alat atau bahasa untuk mengagungkan bangsa Inggeris.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gulung.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ada satu perkara lagi saya hendak cakap. Satu perkara lagi kesah.....hendak gulung dah, Tuan Yang di-Pertua, hendak gulung.

Jadi, lagi satu tentang Kementerian Luar Bandar. Dia buat PPRT - rumah orang-orang miskin. Dalam kawasan saya dia buat dua, tiga kelompok. Dia buat rumah-rumah PPRT, lepas itu dia ambillah orang miskin pergi duduk di situ. Pergi duduk di sebelah Jabi nu! Kawasan saya nama Jabi, di situ mereka longgok sampah, di situ jugalah mereka buat rumah PPRT.

Orang-orang ini miskin, dulu kalau mereka duduk di pekan, tumpang di rumah orangkah, di belakang-belakang rumah orang, mereka boleh juga, sama ada jual cendolkah, minta sedekahkah. Tetapi, pergi bubuh mereka dalam hutan itu, mereka hendak datang ke pekan hendak minta sedekah ataupun mereka hendak datang jual cendol setakat tambang RM4, RM5. Kalau hendak buat rumah PPRT di luar bandar itu, kena buat sekali dengan kilang IKS. Buat sekali ataupun buat kilang dulu baru buat rumah PPRT. Ini buat rumah PPRT dalam hutan itu, puak-puak itu hendak makan apa? *[Ketawa]* Suruh mereka itu tanam sayur, baru hendak tanam, sebelum tanam itu hendak makan apa? Lepas itu beri RM40 sebulan, beri RM40 sebulan pun kadang-kadang setahun dia berhenti. Saya biasa tanya pegawai kebajikan, yang berhenti dia ini kaya sangatkah? Dia kata “berhentilah, bagi giliran orang lain pula”. Yang kawan ini, dok harap RM40 pergi terus.

Jadi, saya mintalah kalau hendak buat rumah PPRT di luar bandar itu buat sekali dengan kilang Industri Kecil dan Sederhana ini supaya orang-orang itu dapat bekerja mendapat pendapatan. Tidak gaduhlah hendak datang balik ke bandar ataupun menolak cadangan kita hendak beri dia rumah PPRT, dia kata “ Tidak payahlah Yang Berhormat, kalau kami pergi ke situ mampus terus” *[Ketawa]* Sudahlah tua, hendak naik bas pun tidak boleh, pergi duduk berulang balik lagi kacau, dia kata. Jadi, saya minta Kementerian Luar Bandar ini hendak buat PPRT buat kilang Industri Kecil dan Sederhana dahulu ataupun sekali dengan hendak hantar orang-orang susah ini.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya.....

**Beberapa Ahli:** *[Banguni]*

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini berdiri apa ini, tidak habis lagi ini. Baru hendak gulung sudah berdiri! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan. *[Ketawa]* Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap ya. Kita ada usul.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT 5.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam”.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi dipuuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997**

**DAN**

**USUL**

## **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997**

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.

**5.26 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Belanjawan 1997 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 25hb. Oktober yang lepas telah menimbulkan banyak pandangan menarik daripada pelbagai lapisan masyarakat tempatan. Bermulalah laporan media massa, komen daripada pakar-pakar analisis sehinggalah perbualan orang ramai di kedai kopi. Semua pihak masing-masing telah menyuarakan pandangan mereka terhadap segala dasar, isu dan pendekatan dalam Belanjawan ini.

Adalah mustahil dan tidak mungkin Belanjawan kita mendapat sokongan seratus peratus kerana memang terdapat pandangan dan anggapan sebilangan rakyat atau golongan tertentu yang berbeza dengan cadangan kita. Ini adalah kenyataan yang tidak dapat kita elakkan. Namun, tradisi Barisan Nasional yang sentiasa dan tetap dengan dasar membina rakyat akan terus memperjuangkan. Apa yang pasti ialah segala dasar dan perancangan kerajaan itu tidak lain tidak bukan untuk memastikan setiap rakyat Malaysia dan generasi akan datang terus menikmati suasana aman dan pembangunan ekonomi negara yang pesat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita perlulah sentiasa berwaspada terhadap tohmahan-tohmahan dan seterusnya membanteras tingkah laku sesuatu

golongan yang cuba menghalang dasar pembangunan kita yang memanfaatkan rakyat jelata termasuk juga percubaan setengah-setengah pelampau agama yang menyebarkan ajaran yang terpesong dari ajaran asal dalam negara ini. Oleh kerana Malaysia memerlukan satu suasana yang aman, damai dan toleransi serta semangat saling memahami antara satu sama lain untuk menghadapi segala cabaran dan untuk menghadapi sasaran Wawasan 2020.

Mulai 1hb. Januari tahun depan, Amerika Syarikat akan menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) yang diberi kepada Malaysia. Ini kemungkinan menimbulkan sedikit sebanyak tekanan kepada sektor-sektor tempatan yang telah menikmati kemudahan sistem tersebut selama ini. Meskipun kerajaan sebelum ini telah memberi jaminan bahawa Malaysia bersedia menghadapi perubahan ini dan tidak akan menagih simpati daripada Amerika Syarikat bagi melanjutkan tempoh pemberian sistem berkenaan tetapi saya berpendapat bahawa kerajaan perlu menjelaskan segala langkah strategi dan kaedah yang bakal dilaksanakan bagi menghadapi perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan kerajaan untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi tidak boleh dipertikaikan lagi. Malaysia akan terus maju meskipun sistem GSP ditarik balik. Apa yang saya ingin sampaikan adalah untuk memastikan kerajaan memberi perhatian kelak bagi mengharungi perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pasti kita sebagai rakyat Malaysia pasti bangga kerana Malaysia tidak lagi dicap sebagai negara lemah yang memerlukan pertolongan seperti pemberian GSP semata-mata untuk bersaing di pasaran Amerika Syarikat. Dasar ekonomi negara yang terbuka atau pendekatan liberal yang diamalkan oleh kerajaan dalam menguruskan perkara-perkara berkaitan ekonomi telah menyakinkan para usahawan tempatan dan luar negara untuk terus melabur secara besar-besaran di negara ini.

Walau bagaimanapun, sebagai negara yang semakin mendapat tempat di kalangan pelabur asing kita harus menangani tindakan segelintir orang yang cuba menyalurkan



maklumat kurang tepat mengenai Malaysia. Motif golongan ini yang cuba hendak me'negative' kan usaha-usaha kerajaan kita demi menghalang pertumbuhan ekonomi perlu diawasi. Di samping segala rintangan dan niat buruk mereka mesti dibanteraskan sama sekali. Sementara para usahawan tanah air mencapai kejayaan dalam sektor ekonomi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut menggalak dan menyokong mereka untuk menyangkal karehah ekonomi globalisasi menerusi rombongan usahawan ke luar negeri agar mengeratkan hubungan persahabatan dua hala dari segi ekonomi. Tujuannya adalah semata-mata untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi Malaysia dalam pasaran antarabangsa. Kini terbukti beberapa orang usahawan tanah air telah memasuki Vietnam, Laos, Kambodia, China, Hong Kong dan sebagainya.

Berhubung dengan pelaburan ini juga apa yang dikesali sekali ialah terdapat setengah-setengah pihak yang seolah-olah mempertikaikan dasar kerajaan ini. Bahkan mereka memetik pandangan penulis Barat yang menghubungkan pelaburan Malaysia keturunan Cina di luar negeri dengan isu oversea Chinese.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan oversea Chinese ini kerana ada beza banyak dengan rakyat Malaysia keturunan Cina. Kerana rakyat Malaysia keturunan Cina ialah warganegara Malaysia tidak ada kaitan langsung dengan apa yang dikatakan 'oversea Chinese' di negara-negara lain. Sebenarnya pelaburan tempatan di luar negeri adalah bertujuan membawa balik keuntungan ke Malaysia. Pemikiran dan tindakan semulia ini tidak patut disifatkan seperti yang dituduh itu. Seperti pelabur-pelabur ke negara India, Indonesia dan lain-lain lagi, usahawan Malaysia yang keturunan Cina sentiasa berusaha gigih demi mengukuhkan hubungan perdagangan negara. Saya amat kagum dengan pandangan dan pendirian para pemimpin kerajaan kita yang tidak mudah terpengaruh oleh laporan-laporan dan gaya penulis Barat yang bermatlamat menjejas serta meruntuhkan

kegiatan ekonomi negara kita dalam konteks perebutan peluang-peluang ekonomi sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kerajaan untuk mengorak langkah ke arah negara perindustrian, banyak kawasan tanah pertanian atau paddy field diteroka untuk menjadikan projek perumahan atau perindustrian. Perasaan bimbang pasti timbul berikutan ini. Kekurangan makanan asas pertanian mengakibatkan harga semakin meningkat di pasaran tempatan. Masalah kekurangan bekalan makanan telah menjadi isu sedunia. Isu ini telah dibentangkan dalam Persidangan IPU di Beijing baru-baru ini. Kekurangan bekalan makanan yang dihadapi oleh 800 juta penduduk dunia. Negara kita kini turut merasai masalah itu, di mana terpaksa mengimport lebih kurang 350,000 hingga 400,000 tan beras daripada negara Vietnam dan Thailand bagi menampung keperluan pasaran tempatan.

Sehubungan ini, dalam proses masalah ini saya berpendapat supaya kerajaan mengarahkan semua kerajaan negeri mewartakan tanah pertanian atau paddy field bagi meminimumkan pertukaran tanah pertanian atau paddy field ke projek seperti perumahan dan industri, di samping mempertingkatkan penalti moden pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan rumah di negara ini merupakan cabaran pembangunan negara kita. Cadangan menubuhkan syarikat perumahan negara dengan dana sebanyak RM1 bilion merupakan satu langkah bijak dan rasional kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak perumahan kos rendah dan sederhana. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan berita baik yang dapat membantu sektor swasta dalam projek pembinaan rumah kos sederhana dan rendah. Adalah dialu-alukan sekiranya kaedah pelaksanaan dan matlamat penubuhan syarikat ini serta peranan yang akan dimainkan diberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Ini cadangan kerajaan yang tepat dan bernas semasa pelaksanaan. Adakah syarikat ini di bawah jagaan atau nasihat

daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri, dan juga sama ada kajian khas untuk menghubungkan maklumat keperluan rumah individu dan keluarga akan dijalankan. Dengan adanya maklumat pusat, penyelenggaraan dan pewujudan satu sistem rangkaian seboleh-bolehnya 'on line' yang merangkumi maklumat setiap negeri akan dapat proses untuk melegakan masalah perumahan.

Maklumat akhir setiap penduduk mampu dan berpeluang memiliki rumah. Saya yakin penubuhan Syarikat Perumahan Negara dengan Tabung Perumahan Kos Rendah dan projek perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, usaha KWSP dan Program Perumahan Kakitangan Awam mencapai matlamat akhir akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1997 kerajaan telah menetapkan bahawa setiap sumbangan derma yang diberikan kepada pertunjukan kebudayaan akan memberi pelepasan cukai. Tindakan itu bertujuan untuk menggalakkan rakyat negara ini mengadakan lebih banyak lagi kegiatan pertunjukan amal dan seterusnya mewujudkan satu masyarakat yang sihat. Walau bagaimanapun, bagi proses membina insan berdisiplin dan memperkukuhkan pegangan sivik di kalangan pelajar melalui pendidikan sekolah dan asuhan keluarga, sumbangan orang ramai kepada pembangunan sekolah perlulah diberi kedudukan sama dalam usaha membina semangat para belia kita. Oleh kerana itu, saya mencadangkan bahawa kerajaan mempertimbangkan pemberian pelepasan cukai kepada penyumbangan ke sekolah sebagaimana yang dinikmati oleh penderma dalam pertunjukan kebudayaan.

Sumbangan kepada pihak sekolah, umpama sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah menengah swasta perlulah digalakkan melalui insentif pelepasan cukai ini. Sungguhpun sesetengah penyumbang dan pembayar cukai diberi kemudahan ini, tetapi ini perlu diusahakan oleh pihak yang tertentu. Kadang-kadang mereka gagal

sebagaimana yang dihadapi oleh Kolej Selatan, iaitu Southern College. Secara perbandingan, sumbangan kepada projek-projek kebudayaan mempunyai matlamat yang sama dengan sekolah. Sekolah adalah tunggak pendidikan negara. Maka kemudahan pelepasan cukai untuk penderma-penderma kepada sekolah perlu diberi pengecualian cukai pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Pokok Sena, di mana saya tidak akan pertikaikan prerogative Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pembahagian masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Belanjawan di Dewan ini. Di dalam Peraturan Dewan 35(7) ini, tetapi saya mintalah beri peluang lebih banyak lagi seperti setengah jam bagi setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berpeluang untuk menyuarakan masalah-masalah tempatan, masalah-masalah dasar untuk menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen di Dewan ini, kerana terdapat juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah kerusi ini dapat juga dua setengah jam bagi beliau untuk menyuarakan masalah-masalah atau memberi tohmahan-tohmahan kepada kerajaan. Tetapi sepatutnya ada rasional supaya berikan masa sekurang-kurangnya setengah jam setiap Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada Ketua Pembangkang.

Jadi, dengan demikian saya harap, Tuan Yang di-Pertua, pada masa akan datang rasional pembahagian masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat patut ditimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Libaran.  
**5.39 ptg.**

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan di atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 1997. Saya bagi pihak pengundi dan rakyat di kawasan Libaran turut mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berjaya mencatatkan pertumbuhan keluaran kasar dalam negara sebanyak 8.2% pada tahun 1996 dan mampu mengekalkan kadar inflasi pada paras 36%. Saya yakin pertumbuhan

ekonomi yang begitu cergas adalah hasil daripada kestabilan politik negara di bawah pimpinan yang cemerlang serta berkat sokongan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan untuk anggota tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, kakitangan Imigresen, Kastam, Penjara dan rumah-rumah untuk guru.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap soal rumah-rumah untuk guru, saya merayu agar pihak kerajaan turut memberi perhatian terhadap pembinaan rumah-rumah guru di kawasan Parlimen saya iaitu Libaran. Tinjauan saya mendapati masalah ini masih menghantui kebanyakan guru-guru yang pada hemat saya mempunyai iltizam yang tinggi untuk mengangkat martabat pelajar serta penduduk di kawasan Libaran. Dengan gaji yang buat masa sekarang ini masih belum boleh dibanggakan, saya dapati guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah di Libaran terpaksa menyewa rumah-rumah, selain daripada terpaksa menanggung ibu bapa yang jauh serta perbelanjaan adik-adik.

Dalam pada itu pula, rumah yang mereka sewa ada kalanya jauh pula dari sekolah dan dengan itu mereka terpaksa pula berbelanja untuk tambang. Kalau di kawasan saya keadaannya sudah begini, tidak tahulah saya bagaimana pula keadaan guru-guru yang mengajar di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar dan juga di lain-lain kawasan pedalaman.

Saya juga mendengar cerita-cerita bahawa ada guru-guru bujang yang baru keluar dari maktab perguruan terpaksa berkerja seperti menjual burger dan bekerja di stesen-stesen minyak untuk menampung kos kehidupan yang tinggi. Memandangkan keadaan ini, maka wajarlah pihak kerajaan memberikan perhatian tentang permasalahan perumahan ini, bukan sahaja bagi guru-guru di luar bandar, tetapi juga guru-guru yang mengajar di bandar-bandar besar.

Kita tidak harus membiarkan keadaan yang menghimpit ini menghantui fikiran guru-guru yang mana menjadi harapan kita semua untuk mendidik anak-anak kita di masa depan sebagai pemimpin kita. Jika masalah mereka ini tidak diatasi, saya percaya tumpuan mereka kepada kerjaya mereka akan pudar dan padam. Ia akan kita lihat kepada prestasi anak-anak kita. Tetapi setakat hari ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada guru-guru kita yang masih komited dan melaksanakan tanggungjawab yang diberi tanpa mengira kesusahan yang mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya berbicara tentang guru dan pendidikan, ingin juga saya minta Kementerian Pendidikan memberi sedikit perhatian kepada kemudahan asas bagi sekolah-sekolah di kawasan saya. Banyak lagi masalah yang menghantui penduduk Libaran yang perlu diberi perhatian dalam Belanjawan kali ini. Ada sekolah-sekolah di kawasan saya yang masih belum ada bekalan elektrik, kemudahan asas yang terpenting. Tanpa elektrik, macam manalah sekolah-sekolah ini hendak mengajar komputer. Tidak usahlah bercakap fasal Internet atau multimedia, hendak buat experiment sains pun tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada yang mampu membeli komputer, ke manalah hendak dijolok plugnya? Pengundi kawasan ini telah berbudi, iaitu memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu. Oleh itu adalah amat wajar setiap permasalahan yang disebutkan tadi diberi tindakan dalam Belanjawan 1997. Bak kata pepatah "*Orang Berbudi, Kita Berbahasa*" - kalau tidak boleh beri sedikit, banyak pun Alhamdulillah. Keadaan mereka ini perlu diambil perhatian segera.

Saya mencadangkan agar pegawai-pegawai tinggi Kementerian Pendidikan, janganlah hanya berbincang atau bermesyuarat memikirkan keadaan sekolah-sekolah yang maju sahaja, tetapi haruslah jenguk-jenguk nasib mereka di pedalaman Sabah dan Sarawak. Saya berharap, pegawai-pegawai tinggi kementerian tersebut dapat meluangkan

masa untuk berkunjung ke kawasan-kawasan pedalaman, iaitu untuk memahami keadaan sebenar. Apabila pulang, rangkakanlah program untuk membantu mereka. Antara cadangan yang saya fikir wajar diambil tindakan ialah mengambil pelajar-pelajar ini dan ditempatkan di sekolah asrama khas bagi penduduk-penduduk pedalaman. Saya penuh yakin, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mampu menangani perkara ini. Jika perlu, bentangkanlah perkara ini pada mesyuarat Kabinet agar Kabinet dapat membuat keputusan berhubung dengannya.

Saya juga ingin mencadangkan agar pegawai-pegawai tinggi kerajaan janganlah membuang banyak masa di padang golf apabila melawat kawasan-kawasan dan apabila melawat negeri-negeri. Mereka haruslah menumpukan perhatian kepada masalah luar bandar kerana kita sama-sama ingin mengangkat martabat rakyat luar bandar yang telah banyak berjasa kepada kerajaan Barisan Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada tajuk kesihatan pula, kita dok laung-laungkan "*Rakyat Sihat, Negara Maju*". Tanpa kesihatan yang baik, sudah pastinya kerja tidak jadi. Dalam semangat slogan ini jugalah saya menyampaikan rayuan daripada pengundi kawasan saya yang kebanyakan mereka terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan. Harapan kami adalah agar pusat kesihatan besar dibina di kawasan Libaran. Jika boleh, pembinaan ini dilaksanakan di Sungai Batang atau di Gonggong. Tempat yang saya sebut ini, untuk pengetahuan semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini, adalah tempat tertumpunya kebanyakan penduduk masyarakat bumiputera Libaran. Memandangkan kepada fakta inilah, maka eloklah jika peruntukan dapat disalurkan agar pusat kesihatan awam ini dibina ditempat yang disebut.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sementara saya minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Libaran boleh rehatkan suara, tarik nafas dan pulihkan semangat. Saya ingin bertanya sedikit kepada Libaran. Saya tertarik tadi, Yang Berhormat - bahawa perlu untuk kita hendak bekerja keras, melaksanakan tugas kita, kita perlu ada kesihatan yang baik. Saya mengucapkan syabas. Apa pula ingatan dan nasihat Yang Berhormat kepada kita - wakil rakyat ini? Macam malam ini sampai 8.45 malam, adakah wakil rakyat perlu juga menjaga kesihatan masing-masing untuk melaksanakan tugas kita? Bagaimana pandangan Yang Berhormat Libaran - dari "Negeri Bawah Bayu". Mungkin ada petua-petua baru. Macam di Kelantan ada tongkat ali, mungkin di Sabah ada petua-petua atau khasiat makanan-makanan yang tertentu yang boleh diperkenalkan kepada kita.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Terima kasih sahabat saya. Semestinya kesihatan mesti sihat, baru kita dapat menjalankan tanggungjawab kita dengan baik. Petua itu, saya fikir Yang Berhormat lebih arif, kerana Yang Berhormat pun berasal dari Rompin, banyak akar-akar kayu yang boleh digunakan untuk menguatkan badan Yang Berhormat agar lebih comel lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan kali ini, nampaknya kerajaan begitu prihatin terhadap tanggungjawab sosial. Memang tepatlah pada masa kerajaan menumpukan perhatian pada masalah ini, kerana dalam arus pembangunan yang pesat, pelbagai masalah sosial akan lahir. Perkara ini dapat di lihat di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain dan lain-lain lagi. Masalah ini pada hemat saya timbul dari kurangnya perhatian ibu-bapa terhadap anak-anak mereka kerana mereka sibuk mencari wang untuk menampung kos kehidupan yang tinggi.



Bagi yang berada dalam sektor korporat pula, mereka ini sicut merebut peluang perniagaan yang ada agar tidak ketinggalan dalam arus ekonomi yang sedang meningkat. Jadi, hasil dari kealpaan mereka ini yang ditanggung oleh badan sukarela bagi memulihkan keadaan anak-anak mereka yang menjadi penagih dadah, bohsian dan bohsia. Namun begitu, saya berharap, dalam soal mengagihkan peruntukan kepada pertubuhan NGO, kerajaan haruslah adil dan menyeluruh dan tidak hanya untuk diberikan kepada beberapa pertubuhan sahaja. Pertubuhan NGO di peringkat daerah dan negeri harus diberikan perhatian kerana peranan mereka dalam soal ini sama sahaja dan tidak boleh dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah yang membabitkan remaja semakin membimbangkan. Dari perangkaan Ibu Pejabat Polis, sehingga bulan Jun tahun ini, sebanyak 999 kes jenayah membabitkan remaja. Antaranya ada 226 kes mencuri kenderaan, lain-lain kecurian - 176 kes, pecah rumah waktu malam - 175 kes, curi dalam bangunan - 145 kes, mendatangkan kecederaan - 86 kes, pecah rumah siang hari - 72 kes, rogol - 43 kes dan samun - 29 kes.

Kes jenayah yang membabitkan anak remaja kita juga membimbangkan. Saya difahamkan dari sumber yang sama, sejak Januari hingga Jun tahun ini sebanyak 204 kes gadis bawah umur yang terbabit dalam pelacuran. Manakala seramai 505 remaja dikesan penagih dadah dari Januari sehingga Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu, pembabitkan remaja kita dalam kencana maksiat kian menjadi-jadi, walaupun tangkapan dan serbuan ke atas kelab malam, pusat hiburan, dangdut dan karaoke serta rumah urut sering dijalankan oleh pihak berkuasa.

Semenjak Januari sehingga Jun 1996, pihak berkuasa pula telah berjaya menyelamatkan 106 gadis di bawah umur yang bekerja sebagai GRO di 31 buah pusat hiburan, 80 orang Melayu, 48 Cina dan lain-lain 9.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, kita tidak boleh menyalahkan pembangunan, mencari kesalahan dan menuding jari kepada pihak tertentu memang mudah. Apatah lagi

kita mahu terus berada di tahap pembangunan yang rendah semata-mata kononnya untuk membendung keruntuhan akhlak di kalangan muda-mudi dan rakyat keseluruhannya.

Dalam arena Internet dan parabola, gejala negatif boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk dalam rumah dan pejabat. Bak kata pepatah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, setiap individu harus bertanggungjawab ke atas dirinya iaitu bertanggungjawab censor diri sendiri daripada gejala berkenaan.

Oleh itu, kita harus mempunyai pelbagai program yang boleh membimbing dan mendidik masyarakat kita khususnya muda-mudi dari terjebak ke kencana yang saya nyatakan tadi. Program ini bukan sahaja dapat mendidik mereka menjadi warga yang berguna kepada agama, bangsa dan negara tetapi dapat censorkan diri mereka sendiri dari dipengaruhi oleh wabak budaya kuning.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM62 juta untuk Program Rakan Muda. Namun begitu, pelaksanaan Program Rakan Muda di masa lalu harus dikaji semula bagi mengenal pasti kelemahan yang wujud agar ia lebih berkesan. Kekurangan pegawai adalah antara faktor yang saya rasa salah satu kelemahan pelaksanaan program ini. Pegawai Belia di peringkat negeri yang melaksanakan program di masa lalu, harus dinilai semula prestasi mereka. Adakah mereka begitu berupaya melaksanakan program ini?

Saya difahamkan ada di antara pegawai terbabit menjalankan program ini sekadar 'melepas batuk di tangga'. Dalam kehairahan melaksanakan Program Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan tidak harus melupakan tanggungjawabnya terhadap pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat cawangan, daerah dan kawasan. Peruntukan yang mencukupi harus diberikan kepada pertubuhan ini. Dalam soal ini kita tidak boleh pilih bulu, apa lagi bersikap prejudis, kekuatan kaum belia terletak di sini, di cawangan

dan di daerah mereka bersatu. Jika kita gagal membendung dan membantu mereka pada peringkat ini, jangan kita salahkan bumi kalau kita tidak pandai menari.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus kembali kepada asal tanpa menafikan kemajuan. Muda-mudi Islam termasuk pelajar harus dijinakkan dengan masjid sejak awal lagi. Bagi tujuan inilah, saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, agar masjid difaedahkan untuk mendidik pelajar kita. Program mengimarahkan masjid melalui study group, dengan izin, di samping menyediakan masjid dengan kelengkapan termasuk komputer dan gelanggang takraw, pingpong dan sebagainya sudah pasti dapat menarik muda mudi mendampingi masjid. Bila tiba waktunya, mereka akan bersembahyang, bila tiba waktu bermain, mereka akan bermain dan bila tiba waktu belajar, mereka akan belajar.

Selain kita berjaya melahirkan pelajar yang berjaya, berilmu dan beramal, kita juga akan dapat melahirkan semangat setia kawan dan menjalinkan rasa tanggungjawab di kalangan mereka. Jika boleh dan mampu, saya cadangkan agar kerajaan memberi peruntukan khas bagi menjalankan program ini agar ia dapat dilaksanakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan bahawa jumlah pengeluaran padi negara pada masa depan, yang akan datang daripada 8 kawasan jelapang padi. Berdasarkan keputusan ini, Kementerian Pertanian Malaysia telah membuat keputusan untuk memberi peruntukan khasnya kepada projek-projek pengairan dalam kawasan jelapang padi melalui dasar pengairan, memandangkan negeri Sabah tidak mempunyai kawasan jelapang padi, semua projek pengairan yang baru telah ditolak dan hanya projek sambungan yang diluluskan.

Oleh yang demikian, ceiling Rancangan Malaysia Ketujuh bagi program pengairan yang berjumlah RM25 juta telah dikurangkan kepada RM16 juta. Implikasi pengurangan ceiling terhadap pesawah padi di negeri Sabah yang berjumlah lebih daripada 30,000

orang, sangat besar kerana mereka bergantung sepenuhnya kepada penanaman padi untuk menyara hidup mereka.

Para pesawah padi di negeri ini merupakan golongan yang miskin dan mereka menanam padi secara berkelompok, dengan ketidakadaan kemudahan pengairan, para pesawah tidak dapat mengerjakan sawah-sawah padi mereka sepenuhnya, ini tentu sekali akan menjejaskan pendapatan mereka. Selama ini negeri Sabah telah diberi pertimbangan khas dalam perkara ini untuk melaksanakan projek-projek pengairan yang membantu para pesawah untuk menanam padi bagi keperluan sara hidup. Ini adalah salah satu cara untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, Sabah begitu juga Sarawak tidak mempunyai kawasan jelapang padi. Sabah hanya mempunyai kawasan-kawasan penanaman padi tradisional, di mana kawasan-kawasan penanaman padi yang terutama terletak di daerah Kota Belud - 10,000 hektar, Kota Merudu - 7,000 hektar, Papar - 6,000 hektar, Tuaran - 5,000 hektar, Keningau - 5,000 hektar dan Tambunan - 4,000 hektar. Negeri Sabah mempunyai sejumlah 55,000 hektar tanah padi.

Saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan menjadikan Sabah sebagai kes khas memandangkan Sabah tidak mempunyai kawasan jelapang padi, hanya kawasan penanaman padi tradisional sahaja. Ceiling asal berjumlah RM25 juta yang telah diluluskan untuk rancangan pengairan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh hendaklah dikekalkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun Yang Berhormat.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Ya, sila!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ingin minta penjelasan dari Libaran sedikit, saya ucapkan bagus dan syabas kepada cadangan bernas Libaran tentang penanaman padi. Saya hendak bertanya sedikit, saya masih ingat, Sabah ini dahulu diterajui oleh PBS selama sepuluh tahun. Apakah usaha PBS ini semasa sepuluh tahun dia merdeka kalau masih banyak lagi perkara-perkara yang belum dibela, belum dibangunkan lagi? Saya minta sedikit pandangan Libaran tentang perkara ini.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Rompin. PBS ini hanya membangkang sahaja kerjanya, apabila kita beri dia jadi kerajaan, dia bukan naikkan ekonomi rakyat, dia naikkan ekonomi dia sendiri sahaja! Ini masalah dia! Yang banyak di kawasan Tuaran sana - nampak, seluas 4,000 hektar yang perlu diselesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung! *[Ketawa]*

**Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan menubuh dana pendidikan tinggi yang bernilai RM100 juta sebagai langkah awal persediaan pengkorporatan universiti tempatan. Namun begitu, sejauh manakah dana ini dapat melaksanakan tanggungjawab sosialnya? Kalau hendak dibandingkan dengan Gunung Kinabalu pun akan licin kalau selalu dicangkul. Ini pula dana pendidikan tinggi yang bernilai RM100 juta. Rakyat semakin hari semakin bertambah. Dalam soal ini, kita tidak boleh membiarkan kerajaan sahaja yang memainkan peranan.

Saya menyarankan agar pihak korporat turut memainkan peranan ini. Sehubungan dengan itu, saya cadangkan agar setiap negeri dan daerah mempunyai satu tabung atau badan kebajikan pendidikan. Melalui tabung atau badan kebajikan pendidikan ini, anak-anak tempatan yang berjaya dan pihak korporat yang telah mengecapi nikmat dari dasar terbuka kerajaan hendaklah menghulurkan sumbangan. Wang tabung ini dapatlah digunakan untuk tujuan membantu pelajar yang tidak berkemampuan meneruskan pengajian mereka. Dalam soal ini, sekali lagi saya sarankan agar syarikat yang mengambil bahagian diberi insentif, sementara itu badan-badan kebajikan pendidikan atau tabung berkenaan akan menikmati faedah-faedah pengecualian cukai di mana orang-

orang perseorangan atau sektor swasta atau korporat yang menghulurkan sumbangan akan dikecualikan daripada cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memberi pengecualian cukai kepada penyanyi, pemuzik, penggubah lagu, penulis lirik yang buat persembahan yang diiktiraf sebagai budaya nasional dan di luar tugas rasmi.

Namun begitu, insentif ini rasanya belum mencukupi lagi kerana ianya tidak mencakupi kaum kerabat ahli filem termasuk penulis skrip, produser, pengarah dan sebagainya. Golongan karyawan ini masih lagi terpaksa bersaing dengan satu budaya yang boleh menghakis kedudukan golongan ini. Apa tidaknya, Tuan Yang di-Pertua, slot-slot drama RTM masih lagi dimonopoli oleh satu pihak sahaja iaitu HVD.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Ya, sekejap. Golongan karyawan ini tidak langsung boleh menampung mencari rezeki. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tenom.

**6.01 ptg.**

**Tuan Radin Malleh [Tenom]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. dari Rompin yang "marahkan anak sindir menantu" tadi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang ini. Kita telah mengikuti perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Belanjawan 1997. Boleh dikatakan bahawa ramai di antara mereka memuji kerajaan dengan kejayaan ekonomi negara ini.

Namun demikian, di tengah-tengah pujian ini, rata-rata kita saksikan bahawa ramai kalau tidak kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat telah meluahkan pendapat dan hakikat yang sebenarnya. Mereka telah membawa ke pengetahuan kerajaan kewujudan

pengangguran dan juga kadar kemiskinan yang tinggi terutama sekali di kalangan masyarakat di desa dan di luar bandar. Terdapat juga jurang yang makin melebar di antara mereka yang berada dan tidak berada.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga mengeluarkan perasaan tidak puas hati dan kesangsian tentang pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti yang dirangka-rancangan oleh kerajaan melalui Rancangan Malaysia yang dijalankan dalam tempoh 5 tahun - 5 tahun selama ini. Saya sendiri semasa membahaskan belanjawan tahunan setiap tahun telah mengutarakan kelemahan-kelemahan serupa ini, sehinggalah saya menyarankan supaya satu jawatankuasa khas untuk mengawal selia semua projek pembangunan yang dirancang dan disusun oleh kerajaan ditubuhkan di setiap kementerian dan jawatankuasa ini akan memastikan bahawa semua projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual dan sampai ke kumpulan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini maka kita berharap kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif lagi serius untuk mengatasi kelemahan dan kurang kecekapan di kalangan para pelaksana ataupun “implementors” supaya wang kerajaan tidak akan dibelanjakan sewenang-wenangnya yang mana pada akhir-akhirnya rakyat juga yang rugi. Janganlah sampai kita terlena dibuai pujian sehingga kita tidak sedar dan tahu apa yang berlaku di bawah batang hidung kita sendiri.

Justeru itu, kita tidak boleh mendabik dada bahawa kononnya kemampuan selama ini untuk menjayakan pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah di atas kebijaksanaan, sikap luwes dan terbuka kita melakukan penyesuaian struktural ke arah nilai tambah dan juga lapangan kerja produktif. Memang benar bahawa prestasi kita akan terus dinilai dan kelemahan di atasi serta cabaran ditangani seperti ungkapan kata “yang kusut harus dirungkai dan yang keruh harus dijernihkan”. Namun kalau semua ini kita tidak dapat memperbaikinya akibat daripada buaian pujian dan tenggelam dengan arus ekonomi yang

sentiasa tangkas dan pantas, maka usaha kerajaan untuk membangun semua lapisan masyarakat di seluruh pelosok negara akan menjadi sia-sia sahaja dan slogan kita selama ini menjadi “indah khabar dari rupa” dan “badan tidak akan selamat ke seberang” kerana kelemahan kita sendiri yang tidak pandai meniti buih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikuti Belanjawan tahun 1995, 1996 dan bagi tahun 1997, memang tidak dinafikan bahawa peruntukan pembangunan bagi kawasan desa dan di pedalaman ada disediakan bagi penyediaan prasarana asas seperti jalan dan bekalan air serta elektrik. Pada tahun 1997 bagi peruntukan prasarana asas ini, telah disediakan RM727 juta dan bagi keseluruhan peruntukan pembangunan desa dan juga pedalaman berjumlah RM7.051 bilion. Ini adalah suatu peruntukan yang besar yang mencerminkan betapa kerajaan begitu mengambil berat pembangunan di kawasan desa dan juga pedalaman.

Bagaimanapun, seperti yang saya katakan tadi bahawa pelaksanaan terhadap projek-projek pembangunan ini mestilah dikawal selia untuk memastikan ianya betul-betul dilaksanakan dan sampai ke kumpulan sasar. Seperti yang berlaku di kawasan Tenom, saya telah diberitahu melalui Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan pembangunan berjumlah beberapa juta ringgit tetapi secara fizikal kita tidak nampak projek pembangunan itu dilaksanakan. Saya bukan bertujuan untuk menyatakan bahawa langsung tiada projek pembangunan dilaksanakan, tetapi jumlah dan nilai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan adalah tidak setimpal dengan jumlah peruntukan yang diumumkan.

Justeru itu, sekali lagi saya mengesyorkan supaya jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengawal selia pelaksanaan projek-projek pembangunan ini di semua peringkat untuk tidak mengulangi kelemahan-kelemahan masa lampau. Kalau tidak, peruntukan



pembangunan yang disediakan oleh kerajaan akan sia-sia belaka seperti “mencurah garam ke dalam laut”.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga program pengurangan kemiskinan, PPRT tahun 1997 peruntukan sejumlah RM2.4 bilion telah disediakan. PPRT sahaja diberi peruntukan sebanyak RM289 juta bagi pembangunan golongan fakir di kampung-kampung tradisional secara bersepadu.

Dalam hubungan ini, saya mohon Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap mereka yang betul-betul memerlukan bantuan terutama sekali mereka yang hidup di bawah paras kemiskinan. Bukan seperti yang berlaku di kawasan saya di Tenom, di mana PPRT memberi bantuan kepada mereka yang masih boleh menampung perbelanjaan mereka seharian tetapi ramai di antara mereka yang tinggal di luar bandar yang hidup di bawah paras kemiskinan tidak pula dibantu oleh program ini. Sepatutnya program ini dijalankan mengikut keutamaan, bukannya pilih kasih ataupun mengikut cita rasa pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan membuat penyelidikan dan seterusnya membuat sokongan untuk mendapat bantuan peruntukan program pembangunan rakyat termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pembangunan di desa dan di luar bandar, saya mohon kepada kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat terhadap dua aspek iaitu di bidang pendidikan dan kesihatan masyarakat. Di dalam proses pembangunan, tidak dinafikan bahawa kedua aspek ini amat penting bagi membangun masyarakat keseluruhannya. Selaras dengan cita-cita kerajaan untuk melahirkan masyarakat madani maka pembangunan pendidikan dan juga kesihatan mestilah seiring dengan pembangunan di sudut dan aspek yang lain. Untuk memenuhi dan mencapai matlamat ini maka kerajaan mestilah mengambil kira semua fasiliti dan juga aminiti di kedua-dua bidang pendidikan dan kesihatan.

Dari segi pembangunan sekolah dan juga hospital ataupun klinik-klinik bagi kawasan desa dan juga di luar bandar. Sekarang ini banyak bangunan sekolah ataupun hospital yang sudah usang dan memerlukan pembaikan. Begitu juga rumah-rumah kediaman, tiada disediakan bagi guru-guru dan kakitangan hospital ataupun klinik-klinik terutama sekali mereka yang ditugaskan di desa dan juga di luar bandar. Kalau kita mahu prestasi dan produktiviti yang tinggi daripada guru-guru dan juga kakitangan berkenaan

semestinyalah kebajikan dan juga kemudahan mereka diambil perhatian berat oleh kerajaan. Kalau tidak, maka sudah tentu pembelajaran dan juga kesihatan rakyat akan turut terjejas dan kita tidak dapat mencapai kejayaan sebagai negara yang maju menjelang tahun 2020.

Untuk itu, saya memohon kepada kerajaan supaya membuat kajian semula bagi sekolah-sekolah dan klinik-klinik serta guru-guru dan kakitangan Jabatan Kesihatan terutama sekali di desa dan di luar bandar dalam kawasan Tenom bertujuan untuk memperbaiki keadaan seperti yang saya nyatakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah inflasi, kerajaan mestilah berazam untuk menurunkan kadar yang terendah terutama sekali di Sabah, kerana kegagalan menurunkan kadar inflasi boleh menggugat kebajikan dan juga sara hidup keseluruhan rakyat. Dengan kegagalan ini, ada sesetengah rakyat Malaysia di Sabah menganggap BN bukan sebagai Barisan Nasional, tetapi memberi pengertian yang lain pula, iaitu 'barangan naik', 'bila naik', 'baru naik', 'berapa naik', 'banyak naik'. Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan akan betul-betul menjalankan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun.

**Tuan Radin Malleh:** Beri peluang sama beliau.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hai! nampak gaya tidak ada langsung yang baik BN ini - semuanya buruk belaka. Saya hendak tanya sedikit, masih dalam PBS lagi?

**Tuan Radin Malleh:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dalam masa 10 tahun Sabah dikuasai oleh PBS, apa PBS sudah buat? Apa bukti kalau kita hendak bangga dengan rekod kita, dengan nama kita, maruah kita, kita mesti boleh pandang kembali kepada masa kita memerintah, apa sudah kita buat? Kalau kita hendak mengata kepada

orang, kita lihat diri kita sendiri. Saya minta pandangan Yang Berhormat apa dia track record PBS, semasa dia menguasai Sabah? Adakah kita boleh berbangga dengan kemajuan? Saya tidak dengar langsung kemajuan yang baik-baik ini.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya fikir Yang Berhormat perlulah pergi ke Sabah. Sebagai bukti Sutera Harbour, siapa punya projek, bukan Barisan Nasional? PBS. Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan akan betul-betul menjalankan langkah-langkah yang telah dihuraikan di muka surat 22 dan juga 23 dalam ucapan Belanjawan tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa Ahli Yang Berhormat menyuarakan kesangsian dan kerisauan mereka terhadap kehadiran pendatang asing tanpa izin. Seterusnya isu pengeluaran kad pengenalan palsu yang sedang berleluasa di negara ini.

Permasalahan ini yang sedang dihadapi oleh negara Malaysia ini tidak terkecuali di negeri Sabah. Di Sabah sahaja terdapat tidak kurang daripada 700,000 orang pendatang asing tanpa izin, begitu juga isu pengeluaran kad pengenalan palsu nampaknya tidak kunjung padam.

Saya faham bahawa kita telah mendapat banyak jawapan-jawapan melalui Dewan yang mulia ini tentang sebab-sebab permasalahan ini. Bagi kehadiran pendatang asing tanpa izin, kita selalu diberi jawapan bahawa coastal line yang begitu panjang yang sukar dikawal.

Sementara isu pengeluaran kad pengenalan palsu pula, kita diberi jawapan bahawa adanya sindiket ataupun orang-orang perseorangan yang berbuat sedemikian, kerana semata-mata mendapatkan wang. Ini bagi orang tempatan yang mengeluarkan kad pengenalan palsu, tetapi bagi pendatang asing tanpa izin, mereka mendapatkan kad pengenalan sama ada palsu ataupun tulen, kerana ingin menjadi rakyat Malaysia dan tinggal di negara ini. Bagaimanapun di Sabah, sudah keterlaluan. Pendatang-pendatang

asing tanpa izin ini diberikan kad pengenalan sama ada palsu ataupun tulen kerana untuk dijadikan sebagai pengundi. Ini jelas terbukti semasa pilihan raya umum negeri Sabah pada bulan Februari, 1994 dan pilihan raya Parlimen pada bulan April, 1995. Kita ada bukti-bukti di sini dengan salinan fotostat-fotostat yang ada di sini, borang-borang permohonan hendak menjadi pengundi, salinan-salinan fotostat kad pengenalan biru yang dikeluarkan kepada pendatang asing tanpa izin. Begitu juga keratan-keratan surat khabar yang menyatakan pendatang-pendatang asing tanpa izin memiliki kad pengenalan palsu kerana bila diperiksa di dalam daftar pemilih, nama dan nombor kad pengenalan palsu mereka terdapat di dalamnya, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya tidak berusaha untuk membersihkan daftar pemilih daripada pengundi-pengundi haram ini. *[Sambil menunjukkan kertas-kertas yang dimaksudkan]*

Ekoran daripada itu saya telah membuat laporan polis pada 18hb. Januari, 1996 di samping menyerahkan kepada polis 12 keping kad pengenalan biru yang disyaki dimiliki oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin. Menurut polis kad-kad pengenalan itu adalah palsu, tetapi kita tengok hingga ke hari ini masih lagi terdapat nama dan juga nombor kad pengenalan palsu masih ada di dalam daftar pemilih. Dalam hubungan ini saya ingin mengetahui, apakah langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk membanteras perkara gejala ini? Kita tidak mahu dengan alasan ataupun jawapan bahawa terdapat coastal line yang panjang ataupun isu pengeluaran kad pengenalan palsu agak sukar dibendung. Mana sudah slogan ‘Malaysia boleh’?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Belanjawan kali ini Timbalan Perdana Menteri apabila mengalu-alukan kembalinya ahli-ahli daripada Semangat 46 ke pangkuan UMNO, beliau mengutarakan sebuah pantun berbunyi:

Bagaimana tidak ku belok

Batu Berendam sebelah kiri [dia tunjuk Perdana Menteri masa itu,  
saya nampak].

Bagaimana tidak ku peluk

Sudah ku dendam selama ini.

Dan pada meraikan Perdana Menteri sempena genap 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri pada bulan Julai yang lalu, Timbalan Perdana Menteri telah meungkapkan tiga buah pantun lagi dan salah sebuah pantun itu berbunyi:

Kalau bukan kerana kilauan

Tidak terlihat ikan di kali

Kalau bukan kerana tuan

Mana mungkin saya di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti pantun-pantun yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri ini, maka sudah tentu spekulasi bahawa terdapatnya keretakan di antara Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri mempunyai asas. Seperti kata peribahasa, “Kalau tiada berada masakan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Radin Malleh:** .... masakan tempua bersarang rendah”. Kita pun .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Tuan Radin Malleh:** .... hairan mengapa ini boleh berlaku, bak kata orang “sedangkan cinta sudah bersemi”. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah habis ya!

**Tuan Radin Malleh:** Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**6.18 ptg.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak hendak bercakap panjang kerana cerita ini semuanya sudah baik belaka, yang tidak baik itu Pembangkang view point sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas sedikit daripada perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bintulu, 3 tajuk yang diulaskan iaitu:

- (i) soalan pilihan raya di negeri Sarawak yang baru berlalu.
- (ii) mengenai tanah adat di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, salah adalah seorang Ahli Parlimen yang menang tanpa bertanding [*Tepuk*] jadi, kalau saya baca perbahasan yang dibuat oleh Ahli Parlimen dari Bintulu yang mengatakan ‘semua yang menang tanpa bertanding daripada Barisan Nasional itu adalah penyelewengan dari Barisan Nasional dan penyelewengan dari pihak kerajaan’ - ini adalah tidak betul semata-mata Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah dakyah DAP, dakyah daripada ahli dari Bintulu sahaja ini, angan-angan kosong sahaja. Kalau dia betul, kenapa tidak pergi lapor kepada polis dan kepada pihak-pihak yang tertentu, tetapi dia tidak ada di sini, kalau saya cakap banyak pun tidak guna. Cerita ini semua adalah cerita yang tidak betul belaka. Dia membuat satu gambaran bahawa semua yang menang tanpa bertanding sebanyak 9 kerusi di Sarawak itu semua adalah kerana politik wang, pembelian dan penyelewengan pegawai-pegawai kerajaan.

Di sini, disebutkan pegawai-pegawai kerajaan yang tertentu telah menyeleweng, tetapi di dalam masa yang sama mereka tidak mengambil tindakan yang khusus, tindakan yang patut dibuat pada ketika itu. Jadi, saya bukan sahaja mencurigai, tetapi tidak menerima hakikat dan tuduhan-tuduhan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap panjang sedikit, tetapi tidak payahlah oleh kerana masa hanya ada 20 minit sahaja. Mengenai soal tanah adat. Beliau telah mencaci syarikat-syarikat gergasi dari Semenanjung yang datang melabur di Sarawak untuk membuka tanah hutan yang tidak berguna di Sarawak.

Saya adalah salah seorang Ahli Parlimen yang mengatakan, cara untuk membangunkan luar bandar Sarawak ialah untuk membangunkan tanah di pedalaman Sarawak, tanah adat ataupun tanah kerajaan. Kalau tidak dibuat sedemikian, tinggallah tanah itu menjadi hutan dan tidak mendatangkan hasil kepada sesiapa, tetapi ahli dari Bintulu tidak memikir begitu, dia mengatakan syarikat gergasi dari Semenanjung ini mengambil tanah orang Sarawak, tanah adat resam orang Sarawak dan menggunakan tanah itu sebagai ladang mereka dan mendatangkan pendapatan yang lumayan dan besar kepada mereka.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memahami apa itu Undang-undang Adat negeri Sarawak, yang mungkin tidak difahami dan diketahui oleh pihak Ahli Parlimen dari Bintulu. Apa maknanya tanah adat negeri Sarawak.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, salah seorang daripada pengerusi semasa seminar diadakan, perbincangan untuk memajukan tanah Sarawak. Maknanya saya boleh mengatakan sendiri cukup mahir daripada segi undang-undang tanah adat negeri Sarawak. Jadi, dalam keadaan sedemikian semua tuduhan yang dibuat oleh ahli Parlimen Bintulu adalah tidak benar, yang melulu, yang tanpa asas dan kurang pengetahuan dan tidak patut membuat tuduhan sedemikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kerajaan yang tidak boleh tampil hadapan, yang tidak dapat datang ke Dewan menjawab sendiri, dari itu janganlah disebut dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua. Bahkan ada dalam garis panduan Dewan ini tidak boleh disebut nama-nama mereka, tetapi disebut juga oleh ahli Parlimen dari Bintulu, dia tidak ada di sini, dia lari.

Jadi, itu sebab saya tak sedap mendengar nama-nama pegawai kerajaan disebut yang pegawai kerajaan ini menyeleweng daripada menjalankan tugas yang sebetulnya. Tetapi saya sendiri membuat penyelidikan yang khusus, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin minta jalan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya beri, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya nak minta bagi elaun timelah ni.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sikit sahaja, saya nak bertanya dengan Batang Lupar penjelasan sedikit. Adakah ini satu perkara yang tidak aneh, pembangkang DAP cuba nak membakarkan semangat supaya rakyat membencikan kerajaan kita Barisan Nasional? Di Sabah, PBS membakar semangat supaya rakyat membencikan kerajaan. Sama seperti yang tinggal berdua di sana tu. Saya minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat saudara saya dari Rompin. Mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana betul, bagaimana baik sekalipun kita buat - memang dikatakan tidak betul. Macam orang yang tengok football di teres tu, yang duduk di stadium, kalau bagaimana pandai pemain football itu main, ada sahaja kesalahan dan kecelaannya, semua tidak betul. Tetapi kalau mereka main football, satu minit pun tidak boleh jalan. Jadi, mereka ini pandai



mengkritik, tapi apa yang dikritik tak tahu latar belakang. Tidak tahu apa-apa. Tidak ada experience pun, pengajian tak habis, pandai mengkritik pentadbir.

Jadi, saya memohonlah pada ahli DAP supaya jangan membuat tuduhan-tuduhan yang buas, tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, "wild allegation" dan tidak mempunyai latar belakang yang betul.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak panjang sangat, saya nak menyentuh satu, dua perkara sahaja dalam belanjawan ini iaitu soalan yang dibangkit di bawah pelaburan reinvestment allowance iaitu pelaburan semula. Dalam ini ada disebutkan satu penggalakan cukai di mana syarikat itu menunjukkan produktiviti yang ketara atau significant improvement in productivity.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini memang disebut demikian. Tetapi tidak ada garis panduan yang tertentu apa maknanya significant improvement in productivity atau menunjukkan produktiviti yang ketara dibuat. Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan untuk membuat satu garis panduan, jangan apabila satu syarikat sudah membuat produktiviti yang ketara dari pandangan mereka sendiri tetapi tidak ketara pada pandangan pihak pemungut cukai, datanglah satu resah gelisah atau perbalahan di antara syarikat tertentu dengan pihak kerajaan atas pemungutan cukai yang mana syarikat telah menunjukkan produktiviti yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk yang kedua iaitu sektor perkhidmatan. Saya memang pernah menyentuh perkara ini iaitu defisit perakaunan negara ialah oleh kerana sektor perkhidmatan yang belum lagi meningkat kepada peringkat yang memuaskan. Jadi, galakan daripada kerajaan dalam beberapa asas iaitu cukai, adalah dialu-alukan dan saya mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan. Dan saya berharap pihak yang tertentu mengambil peluang yang telah diberi oleh kerajaan agar galakan

daripada kerajaan ini diambil kira untuk memperbaiki tahap kemahiran mereka daripada segi servis yang telah diberi oleh kerajaan iaitu galakan cukai yang sedemikian.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soalan menggalakkan eksport dan mengurangkan import. Dan dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap panjang sedikit iaitu soalan barang-barang kualiti dieksport dan kualiti benda-benda yang diguna dalam negeri sendiri.

Kita kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, membuat satu perkara, benda yang kita hantar ke luar negeri untuk dieksport itu lebih baik kualitinya daripada benda yang sama, brand yang sama, dibuat dari kilang yang sama dan diniagakan dalam negeri. Jadi, dalam keadaan demikian, bagaimanakah orang kita untuk membuat pilihan kerana cita rasa masyarakat Malaysia telah meningkat naik? Jadi, tentulah mereka memilih benda yang ada berkualiti, benda yang lebih baik, benda yang lebih canggih. Jadi, kalau benda yang eksport ke luar negeri itu lebih baik dan benda yang kita jual dalam negeri itu kualitinya dan standardnya tidak dijaga sangat, jadi pilihan orang mestilah mencari benda yang diimport ataupun benda yang datangnya dari luar negeri.

Jadi, dalam keadaan demikian, adalah orang beli kereta-kereta mewah, yang baik walaupun kita ada juga kereta Proton Perdana kita yang lebih baik juga.

Jadi, dalam keadaan demikian pihak-pihak tertentu mestilah meningkatkan lagi mutu barang-barang yang diniagakan dalam negara ini. Segala barang-barang yang kita jual dalam negara ini mestilah mengikut mutu yang kita keluarkan ke luar negara. Begitu juga benda-benda yang boleh dijual ke luar negara mesti boleh juga dijual dalam negeri ini. Kalau kita pergi ke Amerika, ke London, ke Eropah beli tekstil umpamanya buatan Malaysia. YSL, Christine Dior dan sebagainya kenapa pula benda ini tidak boleh dijual di sini supaya kita bolehlah beli barangan branded juga yang dibuat di Malaysia sendiri mungkin dengan harga yang lebih murah?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita menunggu-nunggu cukai korporat, tidak turun tetapi tidak apalah. Kerana banyak benda-benda yang telah

diturunkan, cukai korporat yang tidak turun mungkin tahun depan kita akan dapat penurunan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memberi satu galakan iaitu untuk membangunkan masyarakat. Masyarakat mungkin dalam konteks masyarakat madani. Banyak pengurangan-pengurangan cukai telah diberi iaitu umpamanya rakan-rakan saya telah menyebutkan tadi, pengurangan cukai, pemberian wang kepada pementasan seni dan sebagainya dan juga tax-relief kepada orang yang menggunakan wang untuk mengubat penyakit-penyakit yang serius dan sebagainya. Tax- relief berbagai lagi, insuran nyawa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tengah hari tadi pukul dua saya masuk tanya, bagaimana soalan undang-undang yang memihak kepada satu-satu kumpulan. Soalan undang-undang maknanya memberi lebih kepada kaum lelaki tetapi menekan kepada kaum wanita umpamanya soalan pencen.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Umpamanya, kalau seorang wanita mendapat pencen daripada suami yang telah meninggal, kalau berkahwin, dia hilang pencen. Dalam keadaan yang sama, kalau bolehlah ditafsirkan undang-undang sedemikian menggalakkan siwanita itu mencari hiburan luar! Maknanya, dia boleh hidup dengan lelaki dengan tidak payah kahwin supaya jangan hilang pencen.

Tetapi kalau dia kahwin sahaja, dia hilang pencen. Jadi, tidak payah kahwin kerana sayang kehilangan pencen. Tetapi kalau pencen ini RM300 atau RM400, mungkin dia tak payah kiralah - hilang RM300 atau RM400. Tetapi kalau pencen ini sampai RM1,000 atau RM2,000, sayang juga bila hilang!

Jadi, dengan sendirinya dia mungkin hilang maruah dan hilang pendirian diri oleh kerana sumber kewangan yang hilang kalau dia mengikut garis panduan yang ada. Dalam keadaan sedemikian, saya berharap pihak kerajaan membuat penyelidikan dan kajian yang teliti agar pihak wanita yang mempunyai pencen yang sedemikian diberi kebenaran untuk berkahwin dengan halal dan mendapat suami yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau selepas daripada dia berkahwin pula, kemudian suaminya meninggal pula, nanti dia dapat dua pencen! *[Ketawa]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang setuju Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dia kahwin tiga pula, dia dapat pencen tiga pencen! Wah, bukan main dia! *[Ketawa]*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya setuju Tuan Yang di-Pertua kerana rate inflasi 3%, tahun demi tahun nilai wang semakin rendah dan harga barang semakin meninggi. Jadi, tambahan kerajaan mungkin tidak mencukupi. Jadi, tambahan dari pencen suami itu dapat diterima bagi menyenangkan lagi hidupnya kerana anaknya semakin banyak, Tuan Yang di-Pertua. Sebab tiap-tiap kali dia berkahwin, mungkin ada pertambahan anak! Terima kasih kerana sokongan Tuan Yang di-Pertua kepada soalan yang saya bangkitkan ini.

Soal warga tua, kalau orang itu sudah meningkat umur 55 tahun, soal ini saya sudah bangkitkan tiga empat kali di Dewan ini iaitu soal amendment kepada Civil Law Act tahun 1970-an, saya sudah lupa tahunnya. Undang-undang ini dipinda berlandaskan Civil Law Act di England. Tetapi latar belakang di Malaysia dengan latar belakang di England adalah berlainan sekali Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang di Malaysia, kita tidak ada bayaran social welfare, kalau tidak ada kerja, kerajaan yang beri duit. Tidak ada! Di England, dia suka kalau tidak ada kerja kerana dia boleh holiday dan kerajaan yang beri duit pada dia! Tetapi kalau di sini, kalau hilang pekerjaan, habis sekali!

Jadi soalnya, kenapa kita mengikut undang-undang dari England ini dengan tidak menyelidiki latar belakang undang-undang yang kita ikut? Sama ada latar belakang sosial, undang-undang atau latar belakang yang lain yang memberi kemudahan kepada mereka yang berkenaan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya berasa sedih dengan undang-undang ini kerana saya sebagai peguam, banyak warga kota datang ke pejabat saya, tetapi mereka telah berumur lebih daripada 55 tahun. Selepas kemalangan, mereka tidak boleh bekerja lagi. Pada masa yang sama, mereka membuat satu usaha yang mungkin mendatangkan pendapatan dari RM500 atau RM1,000 lebih sebulan. Tetapi oleh kerana future earnings, dengan izin, tidak boleh dituntut di bawah Civil Law Act ini, dengan sendirinya perolehan yang akan datang atau future earningsnya tidak boleh dituntut!

Jadi, undang-undang ini mestilah dilihat dengan secara serius oleh pihak kerajaan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri ambil note cerita saya ini kerana perkara ini memang betul. Jadi, kalau kita hendak membina masyarakat yang adil, saksama dan sebagainya, kita melihat dahulu undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Di Malaysia, semangat sukarelawan ataupun voluntarism adalah rendah dibandingkan dengan negara-negara maju macam di Amerika, England, bahkan Singapura. Tanyakan pada masyarakat kita, berapakah guru dan berapa banyakkah peguam serta berapa banyakkah jurutera selepas bertugas mahu membuat satu kerja sukarela yang tidak mendapat hasil atau pulangan?

Jadi, sebabnya mungkin pada kita sendiri dan mungkin kerajaan boleh menolong iaitu semangat sukarelawan ini boleh dipupuk dengan mengiktirafkan perjuangan sukarelawan yang mungkin telah membuang wang, masa dan tenaga mereka untuk memperbaiki dan membangunkan masyarakat. Dalam keadaan demikian, masyarakat kita mengatakan kita hendak buat civil society ataupun masyarakat madani. Tetapi dalam masa yang sama, kita tidak menggalakkan perkara ini dengan cara-cara yang patut digalakkan.

Saya mendapat laporan dari pihak yang baru balik dari membuat lawatan ke Singapura. Saya sudah 4 hari tidak berada di sini. Di Singapura yang mana pihak guru

dan pegawai kerajaan menjadi sukarelawan dalam sesuatu badan, katakanlah global impact. Belia-belia yang berumur 23 tahun sampai 30 tahun lebih, mereka ini adalah peguam, jurutera dan sebagainya. Habis sahaja bertugas di pejabat, dia membuat kerja sukarelawan dengan menjadi tourist guide kepada sukarelawan-sukarelawan yang datang dari negara lain ke negara mereka. Mereka ini menggunakan duit dan masa sendiri. Sumbangan daripada badan yang mereka berikan khidmat ini tidak ada langsung. Tetapi pengiktirafan.....

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja. Adakah Yang Berhormat bersependapat dengan saya bahawa galakan dan tindakan kerajaan sendiri adalah di antara beberapa perkara yang tidak menggalakkan orang bekerja sukarela?

Contohnya, banyak wujud badan-badan sukarela dan pergerakan-pergerakan belia, tetapi pergerakan belia ini yang banyak dianggotai oleh belia-belia dan sebagainya, tetapi apabila datang peruntukan dan kerajaan mewujudkan satu program Rakan Muda yang melibatkan berpuluh juta ringgit, kerajaan ketepikan pergerakan persatuan-persatuan belia? Kerajaan sendiri beri direct kepada individu belia. Jadi, macam mana kalau kita tidak boleh hendak beri persatuan belia itu elok, mantap dan kemudian orang pun macam mana hendak bekerja? Tidak ada satu society!

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya daripada Pertubuhan Belia. Saya Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak. Saya telah bergerak dalam pergerakan pengakap semenjak tahun 1959. Saya menjadi pihak atasan pergerakan pengakap semenjak tahun 1974, berterusan sampai sekarang.

Saya sudah membelanjakan tidak tahulah berapa ribu, saya gunakan wang sendiri, saya pergi Philipines dan ke mana-mana untuk mendekati belia Malaysia dengan belia di negara lain macam di Philipines, pergerakan mereka besar. Jadi, saya bersetuju

dengan apa yang Yang Berhormat cakap. Saya bukanlah menentang penubuhan Rakan Muda, bahkan saya menggalakkan kerana satu lagi platform yang dibuat. Tetapi, voluntarism adalah asas kekuatan mana-mana pergerakan.

Kalau kita hendak tumpu dan menunggukan duit daripada kerajaan sahaja, memang habis duit gerakan, berhenti Tuan Yang di-Pertua. Ini cerita wang, habis ketuk, berhentilah dia. Entah apa pepatah Melayu, saya sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat gulung, ya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berharap, sukarelawan ini mestilah diberi pengiktirafan. Mereka yang sudah lama berjuang mesti diberi pengiktirafan. Dengan sendirinya kita buat penggalakan dan peruntukan yang asas mesti dibuat. Rakan Muda ini hendaklah di”merge” dan diserapkan ke dalam badan-badan belia yang ada sekarang yang telah memberikan perjuangan dan perkhidmatan mereka kepada kerajaan dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu dua lagi perkara yang hendak disebut. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sudah suruh saya berhenti, insya-Allah, saya akan bangkitkan dalam peringkat jawatankuasa nanti, dan terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

**6.40 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya lama tunggu peluang ini. Terima kasih atas peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1997. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang seimbang.

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan pertumbuhan yang mantap dalam tahun 1996 dengan KDNK berkembang pada kadar 8.2% dan bagi tempoh yang sama inflasi dikawal pada paras 3.6%. Pencapaian ini merupakan tahun yang kesembilan secara berturut-turut ekonomi mencatatkan pertumbuhan yang melebihi

kadar purata 8%. Walau bagaimanapun, kita perlu berwaspada kerana kejatuhan KDNK dari paras 9.5% bagi tahun 1995 ke paras 8.2% bagi tahun ini.

Kita sebagai rakyat Malaysia perlu menghargai kestabilan politik dan pentabiran kerajaan Barisan Nasional yang menjadi pusat tarikan kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri yang sedia melaburkan modal dalam bidang-bidang seperti perniagaan, perindustrian, pengangkutan dan baru-baru ini dalam bidang komputer sains teknologi dan teknologi canggih bagi tujuan komunikasi maklumat seperti yang ada di koridor raya multimedia.

Banyak lagi projek pembinaan mega sedang dan akan dijalankan seperti KLCC, LRT, Projek Bakun, Linear City KL, Lapangan Antarabangsa KL di Sepang dan sebagainya. Suasana pembangunan ini adalah dipesatkan oleh adanya Sukan Komanwel 1998. SUKOM ini sudah tentu menjadi satu faktor perangsang pertumbuhan ekonomi yang utama menjelang tahun 1998. Oleh itu, saya berasa negara kita seharusnya menggunakan peluang keemasan ini untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai sektor termasuk sektor industri perlancongan. Kita mesti mencari untung untuk negara kita semasa projek-projek mega tersebut dijalankan dan apabila SUKOM dijalankan. Dari segi peluang pekerjaan untuk golongan profesional, teknikal, pengurusan, pemasaran dan perancangan, juga dari segi pertumbuhan industri perlancongan yang membawa duit asing masuk ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kerajaan Malaysia berwaspada terhadap isu bagaimana kita dapat memperkukuhkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi negara kita selepas SUKOM 1998. Dalam hal ini, kerja perancangan kemudahan-kemudahan yang diadakan untuk memenuhi permintaan SUKOM seharusnya dijalankan dengan teliti supaya kita tidak menghadapi masalah kemudahan-kemudahan tidak digunakan pada kadar yang mencukupi selepas kemuncak SUKOM 1998. Kita seharusnya merancangkan



aktiviti-aktiviti kebangsaan atau antarabangsa yang boleh dijalankan secara raksasa supaya tempoh penggunaan segala kemudahan yang sedia ada dapat dipanjangkan. Itu tentunya adalah satu sasaran yang utama dan saya berharap kerajaan kita boleh membuat kerja-kerja perancangan dan persiapan secara awal-awal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertumbuhan KDNK, pendapatan per kapita rakyat telah meningkat daripada RM10,058 kepada RM11,118. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada harga rumah-rumah dan kereta-kereta yang masih terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan per kapita ini. Rumah-rumah kos rendah antara RM25,000 dan RM50,000 dipohon oleh orang ramai. Ada yang tidak berjaya bertahun-tahun tetapi ada yang didapati memiliki beberapa buah rumah kos rendah dan juga didapati banyak masalah lain yang berkaitan.

Rumah-rumah kos sederhana antara RM50,000 dan RM150,000 sudah menjadi sasaran pembeli-pembeli rumah yang kebanyakannya mengambil pinjaman bank dan kerajaan. Untuk melindungi pembeli-pembeli rumah dengan sumber kewangan yang terhad, tindakan kerajaan mengenakan levi RM100,000 atas orang asing yang membeli harta tanah atau rumah di Malaysia adalah satu langkah yang dilakukan secara baik pada masa ini, di mana orang asing sama ada secara individu ataupun melalui syarikat asing sudah menyebabkan harga rumah dan tanah melambung secara separuh terutama sekali di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bharu. Tetapi, pembeli-pembeli rumah kos sederhana perlu diberi sedikit bantuan lagi. Saya ingin mencadangkan supaya kemudahan rebat 5% daripada harga rumah yang kini hanya dinikmati oleh pembeli-pembeli rumah bumiputera sahaja dipanjangkan kepada orang ramai tidak kira kaum yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM2,000. Jika cadangan ini dapat diterima dan dicadangkan, ianya akan membayangkan satu kerajaan yang penyayang kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, harga kereta-kereta di Malaysia adalah jauh terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan per kapita Malaysia sekarang. Kalau kereta-kereta mewah seperti Honda, Toyota Camri, Volvo, Mercedes, BMW, Jaguar dan sebagainya perlu dibeli dengan harga antara RM100,000 dan RM setengah juta. Kebanyakan rakyat jelata tidak membuat aduan kerana golongan korporat dan kaya raya memang boleh dan sudi membeli.

Akan tetapi kereta-kereta buatan Malaysia seperti Proton Saga, Proton Wira, Proton Perdana dan sebagainya yang dijual dengan harga-harga seperti RM50,000 ke atas sampai RM100,000. Inilah yang disifatkan sebagai harga yang terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan per kapita. Tentunya apa yang dikatakan dalam Belanjawan 1997 bahawa dari segi perbandingan kuasa beli (purchasing power) pendapatan per kapita negara adalah tiga kali lebih tinggi iaitu US\$12,508 merupakan satu pernyataan yang kurang tepat. Didapati harga-harga kereta di Amerika Syarikat dan Australia adalah lebih murah walaupun pendapatan per kapita negara-negara itu adalah lebih tinggi daripada yang didapati di Malaysia.

Contohnya, kereta baru Ford, Toyota, Nissan dan Honda berharga antara US\$8,000 dan US\$25,000 sahaja di Amerika Syarikat. Saya berharap kerajaan boleh berusaha mengurangkan kos pengeluaran kereta-kereta siri Proton serta mengurangkan cukai-cukai jualan dan lain-lain bayaran supaya dapat mengurangkan harga jualan kereta-kereta. Memandangkan harga kereta yang semakin tinggi sekarang, saya ingin mencadangkan supaya jumlah pinjaman kenderaan pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan berkanun ditambah bagi membolehkan pegawai-pegawai kerajaan membeli kenderaan yang sesuai.

Jika saya tidak salah, sebagaimana yang diketahui saya, jumlah pinjaman kenderaan bagi seorang pegawai kerajaan superskil hanya sebanyak RM45,000 sahaja.

Tidak mencukupi untuk membeli sebuah kereta Proton Wira lagi. Atas jasa khidmat pegawai-pegawai kerajaan yang termasuk golongan guru, saya berasa tambahan pinjaman kenderaan adalah sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal Malaysia bertambah kukuh. Jumlah pemodalan pasaran meningkat kepada RM747.6 bilion pada tahun 1996 daripada RM556 bilion pada tahun 1995. Kedudukan taraf kredit Malaysia yang tinggi telah memudahkan agensi-agensi kerajaan memperolehi modal di pasaran antarabangsa. Sebagai sebuah negara yang sedang menjalankan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kemudahan permodalan yang kukuh memang dapat memberi sokongan yang kuat terhadap projek-projek pembangunan raksasa yang juga menjanakan banyak peluang kerja bagi sebilangan kerja yang besar.

Saya cuma ingin menyuarkan satu pandangan berkaitan dengan bagaimana kerajaan kita perlu seimbangkan modal dari sumber-sumber dalam negeri dan modal dari sumber-sumber antarabangsa. Jikalau sumber permodalan negara terlalu bergantung kepada sumber antarabangsa, negara kita akan kerugian dari segi pembayaran ke badan-badan luar negeri dan juga kerugian dari segi simpanan syarikat-syarikat dan rakyat jelata Malaysia tidak dapat digunakan untuk menyokong projek-projek pembangunan.

Kerajaan seharusnya mencari jalan menarik lebih banyak modal tempatan dilaburkan untuk mengurangkan risiko kerugian kerana kenaikan kadar pertukaran wang asing dan pengeluaran modal wang asing daripada Malaysia pada ketika-ketika yang kritikal.

Memang Bursa Saham Kuala Lumpur sudah menjadi bursa terbesar di rantau ASEAN dan ketiga di rantau Asia Pasifik. Tetapi kita seharusnya sentiasa berwaspada terhadap jumlah permodalan asing yang besar yang terlibat. Kita seharusnya menyeliaikan aliran modal asing ini dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan kita boleh membuat siasatan ke atas terbitan bon-bon, dan kemungkinan menubuhkan sebuah papan yang ketiga untuk menjalankan aktiviti jual-beli bon-bon khasnya. Buat masa sekarang, bon-bon hanya dijual-beli antara bank-bank dan Bank Negara, dan rakyat jelata tiada peluang terbuka untuk melabur dalam bon-bon secara bebas sepertimana yang dilakukan untuk Papan Utama dan Papan Kedua BSKL. Untuk melepaskan negara Malaysia daripada tekanan kebergantungan dan risiko kerana permodalan asing, kerajaan seharusnya memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan saya ini. Kalau dahulu pernah dikatakan ‘keep your money in your pocket,’ dengan izin, saya berasa kini sudah sampai masanya untuk rakyat jelata ‘invest your money in Malaysia future,’ dengan izin, dengan melabur dalam bon-bon yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan yang raksasa dan yang boleh dijual-beli dalam pasaran bon-bon atas Papan Ketiga di BSKL.

Pasaran bon tempatan perlu diperkembang untuk membolehkan syarikat-syarikat swasta menerbitkan bon dan menarik penyertaan kedua-dua institusi sama ada individual ataupun syarikat ke arah pembiayaan projek dan pelaburan. Kerajaan juga perlu sedar bahawa simpanan rakyat jelata termasuk wang terkumpul di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan pelbagai pertubuhan koperatif adalah satu rizab permodalan yang begitu besar jumlahnya dan yang begitu berkesan untuk pembangunan negara melalui semangat mencintai negara kita. Tambahan pula langkah ini yang membolehkan semua rakyat jelata mengambil bahagian dalam usaha pembangunan negara adalah sangat merangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menggunakan sumber kewangan dengan berkesan adalah satu langkah yang positif dalam pengurusan kewangan, sama ada untuk negara ataupun individual. Saya ingin menyarankan supaya pencarum-pencarum KWSP dibenarkan

mengeluarkan sebahagian wang simpanan KWSP untuk tujuan membiayai pendidikan tinggi anak-anak. Belanjawan 1997 telah meliputi cadangan satu dana pendidikan tinggi sebanyak RM100 juta untuk skim pinjaman kepada pelajar-pelajar mendapat tempat di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan, tetapi menghadapi masalah kewangan. Tetapi saya ingin membuat cadangan tersebut di atas, kerana simpanan wang KWSP orang ramai itu memang adalah kepunyaan pencarum-pencarum sendiri dan mengapa tidak dibenarkan mereka menggunakan sebahagian daripada wang simpanan itu untuk tujuan pendidikan anak tanpa bayaran faedah pinjaman.

Pada masa yang sama, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya melaksanakan Skim Pinjaman Pendidikan Tinggi dengan adil dan saksama dan berdasarkan keperluan pelajar-pelajar tanpa mengira kaum. Walaupun pinjaman yang sedia sekarang, universiti-universiti yang dikorporatkan tidak boleh menaikkan yuran-yuran secara melampau. Kementerian Pendidikan diingatkan tanggungjawab sosial kerajaan untuk memberi pendidikan dan Kementerian Pendidikan perlu menyeliakan proses pengkorporatan institusi-institusi pendidikan tinggi dengan rapi supaya tujuan dan tanggungjawab yang mulia ini tidak diketepikan oleh keinginan mendapatkan keuntungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Belanjawan 1997, saya berharap kementerian ini dapat membuat satu penyelarasan tangga-tangga gaji yang berbeza sekarang bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam jawatan-jawatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP). Contoh-contoh yang ketara adalah seperti berikut: Setiausaha Majlis - tangga gaji N-1 untuk MPPP, dan N-2 untuk MPSP. Pengarah Kewangan - tangga gaji W-1 untuk MPPP, dan W-2 untuk MPSP. Pengarah-pengarah yang lain semuanya berbeza dalam tangga gaji di antara MPPP dan MPSP, kecuali Pengarah Undang-undang dan Pengarah

Penilaian sahaja. Saya telah mendapati perbezaan tangga gaji ini di antara jawatan-jawatan yang setanding daripada MPPP dan MPSP.

Dengan tugas kerja yang sama, pegawai-pegawai daripada MPSP seharusnya diberi satu penyelarasan tangga gaji supaya semangat berkhidmat dengan kecemerlangan boleh digalakkan. Pada masa yang sama, saya mesti kata di sini bahawa luas kawasan Seberang Prai adalah lebih besar daripada luas pulau Pulau Pinang. Bilangan penduduk Seberang Prai melebihi yang didapati di pulau Pulau Pinang, dan kawasan Seberang Prai yang sedang dibangun dengan pesat dilanda dengan lebih banyak masalah yang perlu ditangani. Saya berharap dengan sedikit penyelarasan tangga gaji ini, MPSP boleh menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan atas kebaikan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah kesesakan lalu lintas Bandar Bukit Mertajam yang sudah banyak kali saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan, iaitu Pejabat Tanah dan Daerah, MPSP, JKR, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semua boleh dengan seberapa cepat yang mungkin mencapai satu persetujuan cara mencari peruntukan atau mencari satu pendekatan penswastan untuk membina 2 buah jejambat yang amat penting untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas bandar itu. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa penduduk Bukit Mertajam telah menunggu lama untuk pelan-pelan konkrit jejambat-jejambat tersebut diumumkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga berasal dari Bukit Mertajam boleh memberi satu pertimbangan khas terhadap permintaan orang ramai Bukit Mertajam. Saya berharap projek yang begitu pentingnya dapat dimulakan pada tahun depan dan disempurnakan sebelum tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, banjir masih menjadi satu masalah besar untuk beberapa kawasan Seberang Prai. Saya berterima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah

memperuntukkan RM1.8 juta bagi tahun ini bagi kerja-kerja mengatasi masalah banjir di bawah Jabatan Perairan dan Saliran (JPS). Memang didapati ada kemajuan dari segi keadaan parit-parit dan sungai-sungai di kawasan Seberang Prai Tengah diperhatikan berasaskan keadaan banjir yang kurang serius tahun ini. Walau bagaimanapun, masih ada kawasan perumahan yang dilanda banjir, kerana air dari parit besar tidak dapat disalurkan ke sungai dengan berkesan dan cukup cepat. Juga didapati projek pembinaan perumahan yang diluluskan oleh majlis perbandaran dengan tiada pertimbangan yang mencukupi dari segi perparitan sehinggakan taman-taman perumahan yang sedia ada di tepi tapak pembinaan baru itu dilanda banjir.

Saya tidak bersetuju dengan keadaan ini yang hanya menguntungkan pemaju-pemaju perumahan, manakala penduduk-penduduk mengalami kerugian besar kerana banjir. Saya ingin menyeru kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengkaji kemungkinan menghendaki pemaju-pemaju perumahan membuat bayaran caruman kepada satu tabung pembangunan. Tabung pembangunan ini akan digunakan oleh majlis tempatan untuk menyelaraskan aliran air melalui parit-parit besar dan menjalankan kerja-kerja mengatasi banjir jika dan bila ia berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap dengan tabung pembangunan ini, kita boleh mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah banjir dan ini adalah untuk kebaikan semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu bahagian sahaja lagi. Seberang Perai Tengah sangat kekurangan kemudahan-kemudahan sukan, rekreasi dan pelancongan. Saya ingin meminta Kementerian Belia dan Sukan mengkaji kemungkinan membina sebuah stadium sukan, sebuah tapak kem belia dan menambahkan bilangan gelanggang bola keranjang, padang bola sepak dan gelanggang badminton dan sebagainya untuk kawasan ini supaya mutu sukan dan kualiti hidup dipertingkatkan bagi orang ramai.

Saya juga ingin meminta Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan membuat kajian kemungkinan terhadap cadangan projek kereta kabel dari Taman Hutang

Lipur 'To' Kun ke Kemuncak Bukit Mertajam dan seterusnya ke kawasan Empangan Mengkuang, Bukit Mertajam supaya dijadikan satu tarikan kepada pelancong-pelancong. Pada masa yang sama, saya ingin menyeru kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya membatalkan projek stesen transit sisa-toksid berjadual Bukit Minyak demi kebaikan orang ramai di Bukit Mertajam. Bukit Minyak adalah satu kawasan perindustrian yang baru dan banyak taman perumahan telah dibangunkan di sekitar kawasan ini. Penduduk-penduduk telah merayu kepada saya supaya menyuarakan bantahan mereka terhadap projek stesen transit sisa-toksid berjadual ini kerana kebimbangan terhadap pencemaran persekitaran.

Diminta kementerian menjalankan kajian impak alam sekitar (EIA) terhadap projek ini dan diminta Kualiti Alam Sdn. Bhd. mengumumkan pelan pembinaan stesen transit sisa-toksid berjadual di Bukit Minyak secara terperinci untuk pengetahuan orang ramai sebelum pembinaannya. Saya mesti tegaskan bantahan kuat saya terhadap projek ini. Diharap kementerian mengkaji dan mencari satu lokasi yang lain, di mana tidak terdapat banyak taman perumahan. Diminta kementerian menjaga kualiti hidup orang ramai di Bukit Mertajam. Saya mohon menyokong. Sekian sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Telok Kemang.

**7.04 mlm.**

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan kerajaan tahun 1997. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin menjemput Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan serta press ke rumah terbuka saya pada malam hari Deepavali di rumah saya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kebanyakan negara dunia sedang menghadapi defisit dalam belanjawan masing-masing, negara kita Malaysia pula dapat membentangkan



belanjawan negara yang seimbang, malahan Belanjawan negara 1997 mempunyai lebih imbangan yang jarang-jarang dapat kita lihat, walaupun di negara maju. Untuk itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana telah berjaya mencari jalan untuk memperkukuh dan memantapkan lagi keadaan ekonomi negara kita dan juga kerana dapat membentangkan suatu Belanjawan dengan lebih imbangan sebanyak RM1.4 bilion di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat negara ini harus dipuji dan diberi sanjungan tinggi atas segala sumbangan yang telah dimainkan oleh mereka untuk mengukuhkan lagi kestabilan ekonomi negara kita. Saya juga merasa gembira kerana pihak kerajaan Barisan Nasional sentiasa menghargai jasa-jasa yang disumbangkan oleh lebih 850,000 orang kakitangan perkhidmatan awam dengan membayar bonus sebulan gaji ataupun kadar minimum RM700 - lagi pun dalam bulan November tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mereka akan membelanjakan wang bonus ini dengan bijak supaya tidak memburukkan lagi keadaan inflasi negara di mana dalam Belanjawan 1997, kerajaan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM92.1 juta untuk tindakan mengawal keadaan inflasi di negara kita. Semoga semua kakitangan perkhidmatan awam akan berusaha dengan lebih cekap untuk mempertingkatkan mutu kualiti kerja dan produktiviti di mana kerajaan mungkin akan menawarkan bonus lebih daripada satu bulan gaji pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita telah berkembang dengan kadar 9.5% pada tahun 1995 dan 8.2% pada tahun ini - keadaan ekonomi yang memberangsangkan ini dapat dicapai oleh negara kita hampir satu dekad yang lalu. Keadaan ini adalah sesuatu yang perlu dibanggakan oleh semua pihak. Yang menjadi tanda tanya sekarang

ialah adakah kemajuan dan perkembangan ekonomi negara yang pesat ini dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita ini? Jika kita dapat lihat kondisi kehidupan masyarakat luar bandar, terutama sekali di lebih daripada 2,000 estet di seluruh negara, barulah kita akan dapat menyedari bahawa segala kemajuan yang sebenar masih lagi belum dinikmati oleh seluruh rakyat di semua pelusuk tanah air kita ini. Jika kita dapat menghayati kehidupan seharian rakyat di kawasan luar bandar, terutama di estet-estet, apakah perubahan-perubahan yang dinikmati oleh mereka? Selain daripada perubahan kenaikan 5% dalam upah mereka, kualiti hidup dan tahap pencapaian mereka tidak berubah langsung dalam 10 tahun kebelakangan ini. Upah mereka masih lagi kekal di antara RM300-RM500 sebulan. Keadaan upah ini tidak berubah sejak hari mereka mula bekerja sehinggalah mereka bersara atau diberhentikan kerja tanpa sebarang kenaikan gaji atau kenaikan pangkat.

Saya berpendapat kemungkinan besar pekerja estet seperti ini adalah satu-satunya kumpulan kerja dalam kategori seperti ini di negara kita. Jika mereka tidak dapat keluar bekerja pada sesuatu hari kerana sebab-sebab tertentu, seperti hujan dan sebagainya, mereka hilang punca pendapatan pada hari tersebut. Majikan mereka tidak mempunyai belas kasihan ataupun tidak mahu menanggung risiko kerugian. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah banyak menyumbang tenaga dan meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat estet dengan rancangan perumahan berkelompok yang lebih selesa di beberapa estet, tetapi keadaan ini tidak wujud di semua estet. Di sesetengah estet keadaan rumah kediaman pekerja berada dalam keadaan yang amat menjijikkan dan langsung tidak sesuai untuk didiami orang.

Di kebanyakan estet bekalan elektrik ke rumah-rumah pekerja hanya dibekalkan selama 3 atau 4 jam sehari. Ada tempat di mana peralatan elektrik seperti televisyen dan

peti sejuk tidak dibenarkan untuk digunakan oleh para pekerja. Baru-baru ini saya telah melawat sebuah estet di mana terdapat bekalan air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekala Air (JBA) hanya untuk tujuan air minum sahaja, lagi pun bekalan tersebut hanya diberikan selama satu jam sahaja setiap hari, lebih-lebih lagi kemudahan saluran paip air berkenaan terpaksa dikongsi dengan lebih kurang 20 keluarga pada setiap masa. Bekalan air untuk tujuan lain dibekalkan oleh pihak majikan sendiri daripada sumber air yang kotor seperti air teh susu pada hari hujan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan kajian Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyatakan bahawa 80% daripada estet-estet di negara kita terletak lebih kurang 5 kilometer dari jalan utama. Jalan-jalan estet ini tidak dijaga dengan baik dan kadangkala tidak boleh digunakan oleh kenderaan awam seperti bas dan sebagainya. Lebih kurang 50% daripada estet ini terletak sejauh 10 kilometer daripada pekan terdekat dan 5% daripadanya terletak lebih kurang 30 kilometer daripada pekan yang terdekat. Dengan kedudukan seperti ini, penghuni-penghuni di estet menghadapi pelbagai masalah yang perlu diberi tumpuan penyelesaian.

Di antara pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka adalah seperti tiada kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan sebagainya. Di estet-estet yang tidak mempunyai sekolah rendah atau pelajar-pelajar yang keluar ke sekolah-sekolah menengah di pekan terdekat menghadapi masalah pengangkutan yang serius.

Klinik-klinik perubatan di estet tidak mempunyai kemudahan peralatan yang mencukupi atau kurang, ini menyukarkan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera terutama sekali kaum wanita dan kanak-kanak. Ada di setengah-setengah estet ambulans sekali pun tidak mahu dibawa masuk kerana keadaan jalan yang amat teruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan peluang pendidikan juga amat berkurangan di kawasan luar bandar terutama sekali di estet-estet. Menurut Laporan Kemas, daripada 700 estet yang dikaji, lebih kurang 60% daripadanya tidak mempunyai sebarang kemudahan pendidikan prasekolah, hanya 45% daripada kanak-kanak di kawasan luar bandar dan estet mendapat pendidikan prasekolah. Kebanyakan pusat pendidikan prasekolah di kawasan luar bandar diuruskan oleh pihak majikan, organisasi sosial ataupun individu-individu tertentu. Di sini, terdapat banyak kekurangan dalam kemudahan-kemudahan asas dan peralatan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru Tabika dan pra-sekolah di sini tidak terlatih dan ada yang tidak berkelayakan langsung. Kesemua sekolah rendah di estet adalah merupakan sekolah bantuan modal dengan serba kekurangan. Lebih kurang 50% daripada guru-guru di sini juga adalah mereka yang terdiri daripada guru-guru sandaran tanpa sebarang latihan, hampir 96% daripada guru-guru sekolah estet pula tidak bermastautin di estet, malahan mereka lebih suka duduk di bandar-bandar terdekat.

Keadaan ini akan menyebabkan murid-murid di kawasan ini hilang peluang untuk mendapatkan kemudahan kelas tambahan ataupun kelas tuition sepertimana yang terdapat di kawasan-kawasan bandar.

Bagaimanakah seorang murid luar bandar seperti daripada keadaan serba kekurangan dan kesulitan ini dapat menumpukan perhatian terhadap pendidikannya? Tidak hairanlah keadaan seperti ini menyebabkan pencapaian keputusan peperiksaan yang amat teruk di kalangan pelajar-pelajar luar bandar. Golongan seperti ini yang kemudian hilang tumpuan serta minat terhadap pendidikan menjadi golongan yang tidak dapat menentukan masa depan dan terjerumus ke dalam gejala-gejala anti sosial.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat estet dan luar bandar adalah amat banyak sekali, bagaimanakah kita dapat mengatasi segala

masalah yang dihadapi oleh mereka itu? Saya menyarankan kepada kerajaan supaya menjalankan suatu kajian menyeluruh dan lengkap untuk mengetahui adakah sistem masa kini yang berkelompok dan memastikan semua pekerja estet tinggal di tempat pekerja patut dikenalkan untuk pekerja-pekerja rakyat Malaysia, atau sistem itu hanya sesuai dan digunakan oleh kuasa penjajah sebelum kemerdekaan yang membawa masuk pekerja asing dari luar negara.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sistem menyediakan perumahan dan kemudahan asas yang lain bermula satu abad yang lalu kerana dasar penjajah yang mengeksploitasikan rakyat negara ini. Sistem ini adalah untuk mewajibkan pekerja-pekerja estet terus tinggal di sana, tetapi keadaan sudah berubah sekarang.

Saya mencadangkan supaya elaun perumahan juga dibayar kepada pekerja-pekerja estet oleh majikan masing-masing seperti yang dibayar kepada kakitangan perkhidmatan awam, dengan itu pekerja-pekerja tersebut dapat menyewa rumah di pekan-pekan berhampiran dengan tempat pekerjaan mereka ataupun sekurang-kurangnya dapat membeli rumah murah ataupun rumah rakyat.

Majikan mereka yang meraih keuntungan berjuta-juta ringgit hasil titik peluh pekerja bolehlah sekurang-kurangnya memberikan elaun kenderaan kepada pekerja yang datang bekerja di estet atau majikan juga boleh menyediakan kemudahan pengangkutan untuk pekerja-pekerja sepertimana yang disediakan oleh kilang-kilang besar di kawasan perindustrian.

Sekolah dan juga kuil yang sedia ada di dalam estet seharusnya dipindahkan ke kawasan pekan berdekatan. Pihak kerajaan seharusnya membantu dalam penempatan semula ini. Tindakan bijak ini akan dapat menyelesaikan hampir semua masalah asas

seperti penempatan, bekalan air, bekalan elektrik, jalan raya dan kemudahan kesihatan mereka.

Para pekerja juga akan dapat banyak peluang lain di pekan untuk turut terlibat dalam bidang ekonomi sampingan ataupun mencuba untuk meningkatkan taraf diri sendiri dengan mengikuti kursus peringkat sijil atau diploma pada suatu masa yang akan datang.

Saya berharap kementerian-kementerian yang berkenaan yang turut terlibat dalam permasalahan ini akan merancang dan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan kadar segera supaya dapat mengatasi masalah ini secepat mungkin.

Tan Sri Yang di-Pertua, .....

**Seorang Ahli:** Now, Tuan Yang di-Pertua. Sila tukar! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Teruskan Yang Berhormat!

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik umum, kegiatan anti sosial dan gejala negatif di kalangan remaja dan belia negara kita kian meningkat pada setiap hari, sudah terdapat lebih 500,000 penagih dadah di seluruh negara kita. Bilangan ini juga meningkat dengan kadar 15% setiap tahun, bilangan pesakit AIDS seramai 445 dan pembawa HIV seramai 16,249 orang, sudah pun dikenal pasti. Bilangan ini pula bertambah dengan kadar lebih 300 orang pada setiap bulan dan hampir separuh daripada mereka adalah berumur di bawah 30 tahun.

Bilangan kes-kes jenayah juvana juga sedang menghantui masyarakat kita pada masa kini. Pada tahun 1993 sahaja telah dilaporkan lebih 27,000 orang pelajar telah terlibat dalam kegiatan-kegiatan menyalahi peraturan-peraturan sekolah dan undang-undang seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, pergaduhan, menyertai aktiviti-aktiviti kumpulan kongsi gelap, mencuri mahupun kes-kes pembunuhan.

Dari tahun 1991 hingga 1994 lebih 2,000 kes remaja dan belia yang hilang dari rumah telah dilaporkan kepada pihak polis dan tidak sampai 50% pun daripada kes-kes tersebut yang dapat diselesaikan atau mereka yang hilang itu dijumpai semula. Kes penderaan kanak-kanak, membuang bayi, melepak, bohsia dan segala jenis masalah yang membimbangkan negara sedang terus meningkat pada setiap waktu. Ini mungkin berpunca daripada banyak sebab. Mungkin ini adalah sebahagian daripada harga yang kita sedang bayar untuk menghadapi peredaran zaman pembangunan negara.

Mungkin juga masalah-masalah seperti ini adalah juga hasil daripada sikap leka para ibu bapa dan penjaga yang terlalu sibuk serta tidak mempunyai masa untuk mengawasi generasi muda yang terdedah kepada pelbagai risiko kehidupan yang perlu dikawal rapi. Pendedahan media massa tanpa kawalan, kemajuan teknologi informasi, multimedia super corridor, Internet dan siaran parabola juga menjejaskan pemikiran remaja dan belia masa kini. Ataupun, adakah keadaan yang membimbangkan ini mungkin berpunca daripada kekurangan pendedahan nilai-nilai moral yang mantap serta fahaman dan didikan prinsip-prinsip agama di rumah ataupun di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr. L. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi. Saya rasa gembira kerana kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak RM125.7 juta untuk meningkatkan lagi mutu dan tahap pengajaran agama Islam di peringkat sekolah, kolej mahupun di universiti-universiti tempatan. Sudah tentu pengajaran tersebut akan dapat mempertingkatkan lagi pemikiran mental dan rohani serta segala pergerakan remaja dan belia yang terlibat, tetapi di peringkat sekolah, pelajar-pelajar bukan Islam diajar mengenai penerapan nilai-nilai moral melalui mata pelajaran pendidikan moral. Saya berpendapat bahawa masa yang sesuai untuk menyemai dan memupuk nilai-nilai murni

ini adalah sejak mereka masih kecil dan di bangku sekolah. Di peringkat sekolah rendah, mata pelajaran pendidikan moral bukan merupakan mata pelajaran peperiksaan, oleh kerana itu semua pihak termasuk pelajar, ibu bapa dan juga pihak guru tidak memberikan tumpuan dan pemberatan sepenuhnya untuk mata pelajaran ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya mata pelajaran pendidikan moral dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib untuk lulus di dalam peperiksaan di peringkat sekolah rendah juga. Oleh kerana pelajar-pelajar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Dr. L. Krishnan:** Saya habiskan sedikit, saya gulung. Saya rasa bahawa nilai-nilai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Banyak lagi, sudah lambat.

**Dr. L. Krishnan:** Saya hendak habiskan sedikit lagi. Seminit sahaja cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Habiskan.

**Dr. L. Krishnan:** Saya rasa bahawa nilai-nilai moral tidak boleh disamakan dengan semata-mata dijadikan sebagai mata pelajaran wajib sahaja. Untuk memantapkan lagi penerapan nilai-nilai berkenaan secara lebih berkesan lagi, saya mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan pendidikan moral bentuk baru iaitu melalui pendidikan agama bukan Islam seperti agama Hindu, Buddha dan Kristian. Mata pelajaran baru ini juga seharusnya dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan di peringkat sekolah rendah. Dengan perubahan optimistik seperti ini banyak masalah remaja dan belia pada masa kini akan dapat kita mengurangi pada masa-masa akan datang. Dengan kata-kata ini saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kuala Krai.



**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahas Belanjawan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, konsep masyarakat majmuk madani sekali lagi diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ketika pembentangan Belanjawan Negara baru-baru ini. Di antara ciri-ciri masyarakat madani yang digariskan adalah masyarakat yang didorong oleh kebebasan, kekuatan moral dan sifat terpuji. Kami menyokong penuh gagasan masyarakat madani yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, walaupun Yang Amat Berhormat pernah tersalah anggap bahawa perkataan madani itu sebagai “permaidani”. Saya berharap, pertikaian istilah tidak merenggangkan apa-apa hubungan di antara kedua-dua pemimpin.

Walau bagaimanapun, ramai di kalangan anggota Dewan yang membahas ucapan Belanjawan mulai dari awal hingga hari ini, di sudut pencapaian angka. Memang tidak dinafikan bahawa pencapaian angka dan kepesatan ekonomi akan membawa kepada kemakmuran negara. Bagaimanapun, kemakmuran yang dicapai hasil daripada prestasi ekonomi yang dikatakan mampan, tidak bermakna, jikalau masyarakat kita terutama golongan muda terus-menerus diancam oleh unsur-unsur negatif yang boleh meruntuhkan asas-asas masyarakat madani yang dicita-citakan itu.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kita ini sebenarnya disedari oleh semua lapisan masyarakat juga pemimpin-pemimpin negara. Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya sempena sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan pada 11 Mei lalu bertitah, “tanggungjawab membentuk generasi yang berwibawa bukanlah hanya menjadi tanggungjawab suatu pihak sahaja, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama. Jika terdapat percanggahan nilai di antara pendidikan di sekolah dan pendidikan dalam keluarga dan masyarakat, maka kekeliruan minda akan terus berlaku. Yang mengamal hidup bebas antara lelaki dan wanita dan membawa

kepada gejala pembuangan anak. Kekeliruan minda menyebabkan jiwa remaja kita rosak, lantas leka dengan keseronokan semata-mata. Mereka lupa kepada tujuan hidup kita sebenar sebagai muslim iaitu mengisi keperluan dua zaman, dunia dan akhirat". Tuan Yang di-Pertua, itu adalah titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, bukannya ucapan daripada tok-tok guru PAS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Persekutuan, mengakui bahawa amalan hidup bebas seperti yang berleluasa sekarang ini akan mendorong kepada gejala-gejala negatif seperti kes pembuangan anak, tetapi apakah usaha kerajaan untuk membendung pergaulan bebas? Adakah konsert-konsert Barat seperti kumpulan-kumpulan rock yang datang ke tanah air kita baru-baru ini, terkecuali daripada fenomena pergaulan bebas?

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mendukacitakan kita adalah alasan setengah-setengah pihak yang menganggap tindakan menghalang konsert artis Barat seperti berlaku baru-baru ini ialah memalukan negara dan imej negara ini di mata masyarakat luar akan terjejas. Soalnya, adakah pemimpin-pemimpin negara tidak merasa malu apabila saban hari media massa tempatan menyiarkan kejadian-kejadian buruk seperti membuang anak di sana sini? Adakah nyawa bayi-bayi yang tidak berdosa itu lebih murah harganya berbanding dengan persembahan-persembahan artis-artis Barat yang menularkan kebudayaan kuning di kalangan masyarakat remaja dan ahli-ahli generasi kita yang akan datang?

Mungkin ramai mempertikaikan hubungan antara konsert Barat dan gejala membuang anak, apatah lagi jika konsert Michael Jackson baru ini, sebagai contoh. Dikatakan mengandungi mesej perdamaian, memelihara alam sekitar ataupun mengasihi kanak-kanak. Kita harus menyedari bahawa Islam telah menetapkan kaedah yang jelas

tentang perkara ini. Ajaran Islam menetapkan kebaikan tidak boleh dicapai melalui keburukan. Dengan kata lain, Islam tidak menerima matlamat menghalalkan cara.

Saya tidak mahu memanjangkan lagi perkara ini, cukuplah dengan saya memetik kenyataan Mufti Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ishak Baharom seperti disiarkan oleh sebuah akhbar tempatan pada 23hb. Oktober, 1993. Menurut beliau,

*“Siasatan pihak berkuasa agama mendapati kebanyakan mereka yang terdorong melakukan perbuatan kejam itu, iaitu buang anak, berpunca dari pergaulan bebas, tinggal berjauhan dari ibu bapa dan pengaruh budaya barat”.*

Di sini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana ketegasan menghalang budaya Barat daripada menular di negeri tersebut. Jadi, saya menuntut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengotakan janji-janji untuk mewujudkan masyarakat madani dengan tidak turut sama bersekongkol melulus program-program yang meruntuhkan asas-asas masyarakat madani tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peruntukan RM1 bilion untuk pendidikan dan pengajian Islam di sekolah, maktab dan universiti juga iaitu peruntukan berjumlah RM125.7 juta untuk kelas Fardu Ain dan Al-Quran (KAFA). Apa yang diharapkan agar peruntukan ini dapat mempertingkatkan kualiti pengajian dan pengajaran institusi-institusi tersebut. Peruntukan sebesar ini juga diharap dapat meredakan lagi kesulitan setengah-setengah guru KAFA yang kerap kali tertangguh penerimaan gaji mereka. Ada di antara mereka yang tidak menerima gaji selama tiga bulan. Ini sudah pasti menyukarkan kehidupan mereka terutama bagi mereka yang telah berumahtangga. Kesulitan yang ditanggung ini sudah pasti menjejaskan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, selain daripada itu, mutu guru-guru juga mesti diambil kira, mestilah benar-benar guru yang berkelayakan, mempunyai tahap-tahap sijil yang tertentu. Waktu-waktu yang tertentu juga masa-masa yang secukup-cukupnya supaya tidak ada gangguan-gangguan yang boleh mengecilkan atau mengurangkan suasana masa fardu ain itu dijalankan. Peruntukan sebanyak RM9 bilion juga tidak bernilai jika hasil daripada proses pendidikan agama itu gagal melahirkan insan yang bermutu.

Sehubungan dengan itu, matlamat pendidikan Islam di pelbagai institusi perlu diteliti semula. Pendidikan Islam perlu mewujudkan insan yang beriman, jangan hanya insan yang berilmu. Mestilah ia insan berilmu, beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T. Kalau hanya insan berilmu, ia boleh menggunakan ilmunya itu dengan benda yang tidak baik, menipu dan sebagainya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, untuk melahirkan insan yang beriman, bertakwa, memahami tasawur Islam yang syumul bukan pilih setengah-setengah yang setuju, yang setengah-setengahnya tidak setuju diketepikan.

Konsep Islam sebagai 'Ad'din' perlu dihayati dan difahami sebaik-baiknya. Baiknya kerana masyarakat madani yang kita cinta ini berakar umbi adalah daripada 'Ad'din', kalau tidak ada akarnya daripada 'Ad'din', maka ianya akan sia-sia begitu sahaja.

Pendidikan agama perlu mampu membendung kemelut masalah sosial dan moral yang sedang terus-menerus berleluasa di masa kini. Sehubungan dengan itu, semangat dan roh Islam perlu ditiup di kalangan generasi muda melalui kurikulum yang dirangka, agar mereka bersedia dan mampu menghadapi cabaran-cabaran semasa dan masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara penting yang patut diambil kira dalam proses pembinaan masyarakat dan negara khususnya di kalangan remaja adalah persoalan model atau contoh atau ikutan atau uswah dalam bahasa Arab.

Kajian tingkah-laku 'lepak' yang dijalankan oleh sekumpulan tenaga akademik di negeri Kedah menunjukkan 56.4% remaja diwawancara akan menjadikan tokoh politik sebagai model kejayaan mereka. Ini bermakna di saat para remaja dikatakan kurang berminat, berkecimpung dalam hal-hal ehwal politik, mereka masih menaruh kepercayaan dan harapan kepada tokoh-tokoh politik, menjadikan model ataupun contoh kepada mereka.

Sehubungan dengan itu, pemimpin politik perlu bersedia, menilai dan muhasabah diri masing-masing berasaskan kepada firman Allah S.W.T. yang bermaksud 'hisablah diri kamu sebelum Allah S.W.T. menghisab diri kamu'. Adalah tidak wajar mana-mana pemimpin politik termasuk yang bertaraf menteri hadir dan merasmikan program-program yang berciri mungkar dan hasil daripada nilai-nilai masyarakat madani. Adalah keterlaluan bagi seorang yang bertaraf menteri untuk merasmikan pertandingan ratu cantik, suatu cara lapuk untuk bertumpu mengumpul derma sedangkan program mungkar itu tidak memberikan apa-apa sumbangan terhadap pembinaan insan, pembinaan akhlak, masyarakat madani yang kita agung-agungkan itu.

Apa juga pentingnya bagi seorang menteri untuk duduk di kerusi depan konsert, jika tujuan konsert itu kononnya untuk memberi ruang kepada golongan remaja berhibur? Adalah lebih baik bagi menteri-menteri yang sudah terkeluar daripada batas umur remaja itu hadir di masjid-masjid, surau-surau dibawa turut menghadirkan dirinya, sedangkan usia yang begitu lama menghadiri konsert-konsert barat yang tidak berguna bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lagi ialah persoalan rasuah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini dan banyaklah yang telah diucapkan oleh sahabat-sahabat kita Yang Berhormat yang telah lalu. Besarnya rasuah adalah suatu perkara atau penyakit yang sangat besar, ianya mesti dibanteras sehingga ke akar umbi. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ‘memberi dan penerima rasuah kedua-duanya sama-sama ke neraka’. Rasuah bukan hanya berlaku semasa pemilihan parti baru-baru ini sahaja, berlaku juga di masa-masa yang telah lalu di masa-masa kempen-kempen pilihan raya. Berbagai-bagai janji telah dihulurkan kepada rakyat untuk memenangi pilihan raya kononnya, contohnya kerusi Parlimen Kuala Kerai, satu kerusi DUN telah dihadiah oleh rakyat Kuala Kerai kepada UMNO Barisan Nasional. Dua janji yang sangat besar, pertama kalau UMNO menang, kalau Barisan Nasional menang hari ini - esok jambatan Temalir akan dibuat iaitu di kampung Belanga. Tetapi sampai hari ini jambatan tidak dibuat lagi.

Yang kedua, satu jalan atas melintasi landasan keretapi. Sebuah sekolah kebangsaan yang baru didirikan, baru setahun lebih digunakan iaitu Sekolah Sultan Yahya II yang muridnya terpaksa menyeberangi jalan keretapi. Apakah Menteri Pendidikan tidak melihat semasa meluluskan peruntukan untuk bangunan sekolah itu turut sama dengan bangunan jalan lintas? Apakah kerajaan mahu melihat murid-murid digilis oleh keretapi dahulu? - Nauzubillah, barulah kerajaan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki taraf ataupun mutu sekolah-sekolah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sebut iaitu saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai ucapan Menteri Kewangan baru-baru ini, pengecualian cukai yang telah diberikan kepada apa yang dipanggil ‘insan seni’. Masalah kecuai cukai atau tidak kecuai - itu bukan masalah. Yang menjadi masalahnya apakah garisan-garisan seni yang boleh memberi bantuan dan panduan kepada generasi kita.

Kita harap golongan apa yang dipanggil 'insan seni' itu kalau sungguhpun 'insan seni' yang diberi pengecualian cukai itu mestilah dilihat di segi akhlakunya, kesan-kesan seninya, budayanya, persembahannya, coraknya dan segala bentuknya. Kalaulah sekiranya insan seni dan golongan artis-artis yang tidak bermoral, terlibat dengan berbagai-bagai gejala, dadah, khalwat dan sebagainya, kalau inilah juga kita beri kecualian daripada cukai, maka makin luas lagi, makin bermaharajalela kerja-kerja buruk akan dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara lagi ialah masalah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata dengan meningkatkan jumlah hospital swasta. Ini adalah satu perancangan yang baik, cumanya kita minta pihak kerajaan memperwajibkan mana-mana hospital swasta dan menyediakan dana kos atau kos wad bagi pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah. Dibimbangi kerana hospital bila didirikan dengan suasana niaga ataupun keuntungan, maka ia tidak melihat orang-orang yang tidak mampu untuk membayar dan sebagainya, maka hasrat untuk menubuhkan hospital sedangkan tujuan asalnya Kementerian Kesihatan ialah untuk meninggikan taraf kesihatan rakyat ataupun seluruh penduduk tanah air kita.

Sementara itu keadaan yang berlaku di tanah air hari ini ialah masalah pendatang asing. Di wad-wad hospital, di wad-wad bayaran rendah boleh dikatakan penuh dengan pendatang asing, sampai orang tempatan tidak ada tempat hendak duduk. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan bayaran perkhidmatan mereka 100%? Sekadar RM2 dinaikkan pada orang lain ini, saya rasa tidak tinggi, kerana ini saya rasa lebih menggalakkan lagi pendatang asing berada di hospital.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bila negara kita maju mestilah maju seluruhnya dari bandar sampailah ke kampung-kampung, sampailah ke rakyat jelata di kampung dapat kemudahan sebagaimana juga orang-orang bandar. Contohnya, bidan bersalin. Di kawasan saya masa awal sembilan puluhan dulu ada dua bidan - kena dua, tiga buah kampung. Bila kita dah maju, tinggal satu. Jadi, bila tinggal satu itu cukup susah, kadang-kadang "jemeru" orang Kelantan kata. Dia nak ambil tok bidan, dia pergi

tempat orang hak bersalin dah, cukup payah. Yang paling payahnya bidan-bidan kampung tidak diberi ruang langsung. Kalaulah takdir bidan kampung menyambut kelahiran baru, dimarah-marah dan diugut-ugut boleh dibawa ke mahkamahlah, berbagai-bagai ugutan, boleh direport. Hingga ada setengah-setengah bidan kampung yang berpengalaman takut hendak hadir ke rumah orang yang hendak bersalin.

Saya mencadangkan kerajaan supaya memberi kursus kepada bidan-bidan kampung. Bidan sukarela sebagaimana kerja-kerja lain, kalau bomba sukarela ada apa salahnya bidan-bidan sukarela. Mudah-mudahan menggalakkan lagi atau menjinakkan lagi, mendekatkan lagi masyarakat kampung dengan sesama kampung mereka. Berilah kursus kepada mereka dengan secukup-cukupnya dan berilah tauliah mereka dengan secukup-cukupnya.

Ada setengah-setengah kampung bila kita minta bidan, dia kata kampung ini sebulan seorang beranak. Tak cukup nak hantar bidan. Saya pun sempat datang ke kampung ini, kampung ini ialah Kampung Mambung namanya dalam kawasan Kuala Krai. Bila di"check" betul - beranak seorang sebulan, pasal orang di kampung ini bila cukup masa nak bersalin dia pergi pindah balik ke kampung dia. Takut nak beranak di situ kerana terpaksa kena naik kapal satu jam, nak pergi jumpa bidan di Kampung Pemberian setengah jam. Kalau musim banjir, musim tengkujuh kapal tidak berani lintas sungai kalau takut ada balak-balak kayu.

Sampai hari ini bangunan bidan telah dibuat, bidan tidak hadir. Tiga tahun saya ingat bangunan telah siap. Ini suatu benda yang patut diambil kira. Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi peringatan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri terutama sekali berhubungan dengan satu surat, kebetulan saya sedang sembahyang Zohor tadi, ada orang letak surat depan saya. Saya minta bagi pihak Jabatan Perdana Menteri tolong buat kajian, hukum-hukum bersabit dengan surat yang ditulis kerana mengikut



hukum Islam seseorang boleh jatuh Islamnya dengan tiga perkara - pertama, perbuatan; iktikad dan perkataan. Contohnya saya baca surat,

*"Dengan hormatnya dimaklumkan saya diarah untuk menarik perhatian ketua-ketua cawangan mengenai perkara-perkara di atas. Adalah diperhatikan akhir-akhir ini ada cawangan-cawangan UMNO dalam bahagian Kapar yang menganjurkan program-program agama seperti ceramah-ceramah, pengajian forum dan sebagainya. Tuan-tuan adalah diminta supaya lebih berhati-hati apabila mengundang para penceramah, ustaz untuk mengisi program-program tersebut kerana terdapat penceramah-penceramah agama yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran, hadis-hadis sebagai dalil dan hujah untuk merendah-rendahkan perjuangan UMNO, contohnya 7hb. September 1996 yang lepas." Saya tinggal nak ambil perkataan sahaja.*

*"Seorang ahli panel forum itu telah menghuraikan Ayat 36 Surah Ahzab yang menjelaskan kesesatan mereka yang memilih hukum selain daripada hukum-hukum Allah. Termasuk juga mereka yang menolak hukum hudud dalam Al-Quran. Kita tidak boleh terima hujah dari Al-Quran seperti ini. Perkara ini akan menjauhkan sokongan rakyat kepada UMNO. Kita menolak hukum Al-Quran kerana ianya bersesuaian dengan semangat Barisan Nasional. "*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini 36(6) ini point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduk. Rompin...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini menurut sangkaan jahat ini menggunakan Al-Quran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dulu. 36(6).

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini point of order ini, Tuan Yang di-Pertua, kes ini menggunakan Al-Quran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dulu Yang Berhormat, Kuala Krai sila duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sila duduk, ini memutarbelitkan Al-Quran dan mencuba nak mengatakan sesuatu, menuduh yang tak baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin nanti dulu. Saya nak tanya. Yang Berhormat 36(6) - sangkaan jahat ya, terhadap siapa?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Barisan Nasional. Mengapa mengatakan kami, menolak Al-Quran. Apa ni?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya akan buat keputusan Yang Berhormat,

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau nak berpolitik jangan membawa agama, Al-Quran. Kita boleh politik tidak ada masalah. Kalau berani saya datang buat pilihan raya sudahlah. Apa gunakan Al-Quran begini? Dalam Dewan yang mulia ini kita kena hormat sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sangkaan jahat, kalau ditujukan kepada ahli yang tertentu itu ditegah. Walaupun apa yang dicakap itu tidak

disenangi tapi saya rasa peraturan mesyuarat yang dibangkitkan itu tidak kena. Yang Berhormat diminta gulung.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Saya bukan tuduh, saya minta buat kajian. Saya minta Jabatan Perdana Menteri buat kajian. Satu lagi saya baca Tuan Yang di-Pertua,..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat masa tidak mengizinkan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood:** Saya menggulung. Ini saya minta pihak kerajaan buat kajian apa yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Lumut.  
**7.47 mlm.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah tunggu tiga hari. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu kebajikan guru dan tenaga pengajar di IPT. Dewasa ini, kita sering terbaca dari laporan akhbar bilangan guru dan pensyarah yang memilih persaraan awal makin bertambah. Perkembangan ini harus diatasi sebelum ianya menular sehingga menjejaskan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan. Laporan awal kementerian dan menunjukkan terdapat kegelisahan di kalangan guru dan pensyarah yang berpunca dari pelbagai faktor. Pada hemat saya, tangga gaji dan elaun guru serta pensyarah perlulah dikaji semula supaya menjadi lebih "lucrative", dengan izin, dan berpatutan berbanding dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

Selain daripada itu peluang-peluang untuk guru dan pensyarah memajukan diri mereka hendaklah dibuka lebih luas lagi dengan tawarkan latihan lanjutan dalam bidang kepakaran masing-masing supaya mereka boleh berkebolehan dan yakin diri. Lebih-lebih lagi dalam era perkembangan teknologi maklumat yang pesat dewasa ini, guru-guru perlu didedah kepada kemahiran menggunakan teknologi tinggi supaya guru-guru boleh memainkan peranan sebagai agen penyebaran teknologi maklumat pada murid-murid di kelas dan juga masyarakat sekitar.

Manakala pensyarah di IPT pula, hendaklah digalakkan dianjurkan kursus-kursus dan seminar yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Di samping memperolehi pendapatan tambahan pensyarah-pensyarah boleh menyumbang kepada pembentukan masyarakat berilmu yang merupakan satu teras penting Wawasan 2020.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, segala harapan dan hasrat murni negara yang dipertanggungjawabkan kepada guru dan pensyarah sukar untuk direalisasikan jika sekiranya kebajikan guru dan pensyarah tidak diperbaiki. Saya ingin merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan untuk pensyarah-pensyarah politeknik yang dikuatkuasakan mulai 1hb. Ogos 1995 di mana jawatan Ketua Jabatan telah diturunkan taraf dari DG2 kepada DG3. Perubahan ini, pada hemat saya akan melemahkan morale pensyarah dan mewujudkan semula masalah bottle-neck, dengan izin, dalam perkhidmatan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan masalah keruntuhan moral remaja. Masalah keruntuhan moral di kalangan remaja kian meruncing. Saban hari, kita bersua dengan laporan yang merunsingkan. Penagihan dadah yang semakin meningkat, merebaknya penyakit AIDS, bohsia, remaja lari dari rumah, perlumbaan motor haram dan gangsterism di sekolah adalah di antara beberapa contoh penyakit sosial yang sedang melanda masyarakat kita.

Tidak syak lagi, jika langkah yang cergas untuk membanteras gejala sosial yang negatif ini tidak diambil, saya bimbang hasrat negara untuk membentuk sebuah masyarakat berbudaya progresif menjelang tahun 2020 akan tinggal impian sahaja. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya pendidikan moral dan agama dikemaskinikan supaya sejajar dengan tuntutan permasalahan sosial dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan moral. Program pendidikan moral yang dilaksanakan di sekolah khusus untuk pelajar bukan Islam telah sekian lama dikuatkuasakan. Namun demikian, keberkesanannya masih diragui memandangkan

semakin meningkatnya masalah disiplin di sekolah. Saya berpendapat, program pendidikan moral ini harus dikemaskinikan lagi supaya ia benar-benar berkesan.

Di antara langkah yang perlu diambil ialah meningkatkan mutu latihan guru-guru pendidikan moral kerana guru yang tiada latihan khas untuk mengajar subjek ini adalah dikhuatiri tidak dapat memberi pendidikan yang berkesan. Selaras dengan itu, subjek Pendidikan Moral ini perlu dijadikan subjek peperiksaan untuk mengelakkan pelajar dari menganggap ia satu mata pelajaran residue yang tidak perlu diberi perhatian. Dengan demikian, pelajar akan dilatih supaya lebih bertanggungjawab kepada diri dan orang lain.

Berkenaan isu pendidikan agama. Dewasa ini, pelajar-pelajar bukan Islam hanya mengikuti Pendidikan Moral semasa rakan Islam mereka mengikuti Pendidikan Islam. Saya berpendapat, adalah lebih berkesan jika Pendidikan Agama juga diperluaskan kepada pelajar mengikut kepercayaan masing-masing. Ia adalah kerana pendidikan agama semakin berkurangan di rumah-rumah, sedangkan pendidikan agama penting kepada semua kaum untuk pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang berhemah tinggi dan saling kasih-mengasihi di antara satu sama lain.

Walaupun Buddha, Kristian dan Hindu merupakan agama golongan minoriti, namun kesedaran beragama harus dipupuk kepada pelajar-pelajar ketika mereka masih muda lagi, kerana hanya dengan kesedaran beragama yang tinggi sahaja akan mencegah mereka dari terjebak kepada gejala-gejala anti- sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan negara dan masyarakat.

Saya kira, sudah sampai masanya kerajaan menimbangkan cadangan ini sebagai persediaan yang lebih kukuh bagi warganegara Malaysia tanpa mengira kaum untuk sama-sama menangani masalah sosial ke abad 21 yang tentunya lebih mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan industri pelancongan negara. Industri pelancongan yang diberi keutamaan dan galakan oleh kerajaan sejak kebelakangan ini

sudah sewajarnya mampu memainkan peranan sebagai salah satu profit centre kepada pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian, dari data-data yang ada, peranan yang dimainkan oleh industri pelancongan negara masih jauh dari memuaskan. Perangkaan menunjukkan pada tahun 1995 misalnya, seramai 16 juta rakyat Malaysia melancong ke luar negeri, berbanding seramai 7.5 juta pelancong asing yang datang ke Malaysia.

Pada hemat saya, langkah yang lebih agresif perlu dilakukan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong ke destinasi-destinasi pelancongan tempatan seperti yang terdapat di Langkawi, kawasan saya, Pangkor Island, Pulau Tioman, Sabah dan Sarawak. Ini boleh dilakukan di antaranya dengan menawarkan pakej pelancongan yang lebih kompetitif kepada orang ramai.

Sebagai contoh, pakej pelancongan ke Sabah dan Sarawak akan menjadi lebih menarik jika tambang kapal terbang dikurangkan. Dewasa ini, tambang kapal terbang dari Malaysia Barat ke Sabah dan Sarawak hampir sama dengan tambang dari Malaysia Barat ke Hong Kong. Ini sudah tentu akan mengurangkan jumlah pelancong tempatan ke Sabah dan Sarawak.

Sehubungan dengan kadar tambang kapal terbang, saya juga mendapati kadar penginapan bilik hotel di sesetengah bandar kecil yang mempunyai daya tarikan pelancong agak tinggi. Sebagai contoh, kadar minimum penginapan sebuah bilik untuk semalam di Pangkor Laut Resort di kawasan saya ialah sebanyak RM500 - minimum, di mana ianya agak tinggi bagi kebanyakan orang biasa.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak pengurusan hotel mengadakan kadar sewaan berbeza atau differential rate system, dengan izin, seperti yang diamalkan oleh kebanyakan hotel di Thailand di mana mengikut sistem ini, kadar penginapan yang paling rendah dikenakan kepada pelancong tempatan, manakala kadar yang lebih tinggi dikenakan kepada pelancong luar negeri. Jika langkah-langkah yang lebih agresif

tidak dilaksanakan untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai profit centre, saya khuatir masa depan industri ini akan malap dan tidak memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu industri perikanan. Pertambahan penduduk dan kesedaran yang semakin meluas di kalangan mereka untuk meningkatkan taraf pemakanan di antara lain telah menambahkan permintaan untuk makanan berkhasiat, terutamanya ikan. Kebelakangan ini, statistik menunjukkan jumlah tangkapan ikan yang semakin merosot, dan ini, jika tidak dicari jalan keluar akan mengakibatkan penduduk negara ini kehilangan sumber protin yang utama dan murah.

Pada hemat saya, di antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi kekurangan sumber perikanan negara ialah dengan mewujudkan kawasan pembiakan ikan artificial di kawasan pesisiran pantai negara. Oleh kerana kawasan pesisiran pantai negara adalah panjang, ini memberi kelebihan kepada usaha pembiakan tersebut. Projek pembiakan ikan secara tiruan di pesisiran pantai Florida boleh dijadikan contoh di mana tayar-tayar terpakai kereta yang tidak digunakan dimasukkan ke dasar pantai sebagai kawasan pembiakan ikan. Langkah ini telah berjaya di Amerika Syarikat dan tiada sebab tidak boleh dilaksanakan di Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

***mempengerusikan Mesyuarat]***

Sehubungan dengan itu, langkah kerajaan untuk membantu nelayan menerokai tangkapan ikan di laut dalam wajarlah diteruskan. Namun, kejayaannya tidak terletak pada usaha kerajaan semata-mata jika masyarakat nelayan tidak memperlihatkan sikap inovatif dan berani mengambil risiko.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir ialah berkenaan mutu dan kawalan penyiaran. Tidak dapat dinafikan penggunaan Internet dan kemudahan untuk menerima 22 saluran TV melalui MEASAT I menjadi kebanggaan kepada negara kerana kemudahan-

kemudahan tersebut boleh dianggap satu breakthrough, dengan izin dalam sistem komunikasi kebangsaan. Namun demikian, kemudahan yang canggih ini tidak boleh menjamin ketulenan sesuatu maklumat dan lebih buruk lagi jika kemudahan tersebut telah disalahgunakan.

Saya ingin merujuk kepada satu berita yang dikeluarkan dalam TV2 di bawah ruangan berjudul 'Sudut Penghidupan' pada 13hb. Oktober tahun ini. Dalam ruangan tersebut, wartawan TV yang berkenaan telah melaporkan penderitaan orang-orang cacat anggota di Kampung Padang Tembak, Telok Muru, Lumut. Kita memang menghargai pembongkaran kisah-kisah orang yang tidak bernasib baik jika ianya dilaporkan dengan jitu dan mengikut etika kewartawanan. Tetapi, malangnya wartawan yang berkenaan tidak menjunjung tinggi etika kewartawanan yang mulia ini.

Hasil dari penyiasatan JKKK Padang Tembak, Telok Muru mendapati laporan wartawan tersebut tidak benar. Mereka yang dikatakan melarat hidup tidaklah seperti yang digambarkan. Terdapat kes di mana ada di antara mereka yang dilaporkan tidak bernasib baik itu memiliki harta seperti tanah dan rumah yang bernilai sehingga RM250 ribu dan mempunyai anak-anak yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan yang memiliki kereta mewah tetapi tidak langsung dinyatakan di dalam rencana tersebut. Akibat tulisan yang mengelirukan ini, ada di antara mereka yang telah menerima sumbangan derma daripada orang ramai beratus-ratus ringgit sedangkan apa yang dilaporkan tidak benar.

Pihak akhbar sepatutnya lebih bertanggungjawab sebelum menyiarkan sesuatu laporan atau rencana. Sesuatu maklumat ini mesti diperiksa terlebih dahulu kesahihannya dengan mendapat pengesahan dari pihak berwibawa tempatan seperti ketua kampung atau penghulu sebelum disiarkan dalam apa juga bentuk media massa. Lebih penting lagi pihak akhbar mahupun media massa yang lain termasuk media elektronik memikirkan skim latihan yang sesuai untuk wartawan dan bakal wartawan. Mereka mesti dilatih



dengan etika kewartawanan yang tinggi dan mesti bertanggungjawab dalam setiap laporan yang dibuat. Insiden yang baru berlaku ini amat memalukan dunia kewartawanan kecuali langkah-langkah yang wajar diambil dengan tegas dan segera.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuaran.

**8.05 mlm.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan negara tahun 1997 mencatatkan pengurangan 1.2% peruntukan bagi pembangunan berbanding dengan peruntukan untuk maksud yang sama tahun ini. Pertumbuhan ekonomi pula diramalkan merosot daripada 9.5% tahun lalu kepada 8.2% sahaja tahun ini. Detik keadaan ekonomi negara seperti yang dilaporkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu tidak boleh dipandang ringan.

Prestasi ekonomi negara tahun hadapan mungkin lebih merunsingkan lagi kerana kebanyakan negara rantau Asia termasuklah Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Jepun diramalkan akan menghadapi kemerosotan ekonomi masing-masing. Justeru itu, kerajaan mestilah lebih berhati-hati menangani kewangan negara terutama hutang luar dan dasar pengeluaran makanan dalam negara agar rakyat tidak akan menderita kebuluran sekiranya kemerosotan ekonomi yang lebih teruk melanda seluruh rantau Asia kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong tindakan kerajaan merangsang peralihan kepada industri berintensif modal dengan sokongan produktiviti kerana ia adalah tepat pada masanya. Kehadiran pendatang tanpa izin rakyat asing berterusan di negara kita ini perlu diatasi. Strategi pengurusan ekonomi negara juga perlu disesuaikan menurut perkembangan ekonomi dunia sejagat. Masalah defisit pembayaran akaun

semasa masih menghantui negara dan ini, jika kita tidak berhati-hati akan terus menjadi buruk sebelum ia bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana keprihatinan beliau di dalam keperluan modal tempatan. Baru-baru ini beliau mengatakan bahawa kita tidak boleh terus bergantung kepada dana modal dari luar. Dan ini memang tepat pada masanya tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang pelik di sini ialah kerajaan pada masa yang sama menggalakan pelaburan rakyat Malaysia di luar negara, misalnya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah merasmikan satu projek bangunan ataupun development raksasa untuk perumahan di negara China dan dalam masa yang sama pula YTL Corporation Sdn. Bhd. dilaporkan akan melabur tidak kurang daripada RM1 bilion di sebuah negara Afrika iaitu Zimbabwe.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya harapkan di sini ialah agar wang yang dilaburkan ini adalah benar-benar dana yang dipinjam daripada negara-negara yang berkenaan. Tetapi, seperti yang kita semua faham adalah mustahil bagi negara-negara yang berkenaan membiarkan rakyat asing untuk meminjam di negara mereka kecuali ada juga wang yang mereka bawa masuk ke negara mereka untuk dilaburkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Minta maaf Rompin, tidak ada masa. Oleh kerana ini untuk memperbaiki ekonomi, jadi janganlah ganggu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bila giliran saya, saya beri Yang Berhormat pula. Macam mana kita pakat, joint venture. *[Ketawa]* Adillah! Yang Berhormat mahu tuntutan keadilan. Yang Berhormat kena tunjuk sendiri Yang Berhormat itu adil, barulah boleh tuntutan keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat tak mahu bagi.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tak mahu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau begitu Yang Berhormat tidak adillah.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti saya bagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak adil, tidak demokratik.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti saya bagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak perlu lagi Yang Berhormat terus berucap, mengangkat diri sendiri. Macam mana Yang Berhormat? Sedikit sahaja.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tak bagi. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara ini oleh kerana biasanya kita mendengar bahawa kita memerlukan pelaburan daripada luar negara. Jadi, kalau mereka yang telah mengaut keuntungan dalam negara kita ini tidak mahu melabur balik wang yang mereka perolehi daripada ketangkasan ekonomi negara, tetapi sebaliknya mereka membawa wang itu keluar dari Malaysia, siapakah yang kita akan harapkan untuk meneruskan pelaburan demi perkembangan ekonomi kita ini. Jadi, bolehlah dikatakan mereka yang membawa pengaliran wang negara ke luar negara semata-mata untuk mencari green aperture, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah petualang negara. Perbuatan ini akan merugikan negara kalau tidak dibendung secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak potensi di dalam pelaburan di negara kita ini. Misal kata, di dalam bidang pertanian, bidang perusahaan kelapa sawit, di

mana kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri sebesar negeri Pahang boleh ditanam kelapa sawit, kita akan mengalu-alukan dana yang dibawa dari mana sahaja oleh rakyat Malaysia untuk membangunkan kawasan Kinabatangan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah ditanam, Yang Berhormat?

**Tuan Yunof Edward Maringking:...**dan lain-lain tempat juga. Demikian juga di dalam perumahan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat sebut Pahang, saya hendak.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini Rompin, di sini hutan, tak perlulah bangkit. Kita kalau tak mahu tebang semua hutan di Rompin, janganlah bangkit.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini saya kata Yang Berhormat tidak adil, tidak demokratik, tidak beri peluang. Sebut nama saya tetapi tak beri peluang kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tak beri.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Sabentar saya beri. Saya tahu Barisan Nasional tidak beri Rompin tanah pun di Sabah untuk membuat IP. Itulah hubungan Barisan Nasional Persekutuan dengan Sabah ini renggang sekali, sampai mahu bayar RM10.00 tiap-tiap kaki per segi, tidak tanya kepada Tuaran. Mungkin RM2.00 satu kaki per segi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal perumahan juga, saya mengalu-alukan pembentukan Suruhanjaya Perumahan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah tepat pada masanya untuk menangani masalah perumahan di negara kita ini. Adalah amat penting sekali di mana setiap rakyat kalau seboleh-bolehnya dan selaras dengan aspirasi ataupun janji Barisan Nasional memberi rumah setiap rakyat di negeri Sabah supaya ini ditunaikan.

Adalah menjadi harapan saya supaya Suruhanjaya Perumahan ini nanti akan dapat betul-betul memenuhi janji-janji itu. Tetapi mujurlah di Sabah kita telah membentuk satu Suruhanjaya Perumahan sejak selepas kita merdeka. Apa yang diperlukan di Sabah ialah sumbangan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan Suruhanjaya Perumahan di Negeri Sabah itu lebih giat dalam usahanya menyediakan rumah kepada rakyat. Jadi, saya mohon agar Kerajaan Persekutuan akan memberi kewangan kepada Suruhanjaya Perumahan di negeri Sabah selaras dengan dasar untuk menyediakan perumahan kos rendah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuhkan di sini ialah mengenai KKIP. Saya ucapkan terima kasih kepada Rompin kerana dia bawa IPP di Sabah. Tetapi malangnya Kerajaan Barisan Nasional negeri Sabah menghalang dia. Mahu pula diberi satu lagi KKIIPP, yang saya difahamkan belum pun memohon lesen daripada Kerajaan Persekutuan. Apa punya Barisan Nasional negeri Sabah, tidak menghormati Barisan Nasional Persekutuan. Ini nampaklah bulu yang betul.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kali ini Yang Berhormat kena beri peluang kepada saya. Terima kasih. Yang Berhormat ini sudah belajar hendak

jadi 'batu api'. Baguslah Yang Berhormat berlatih, tetapi saya nampak Yang Berhormat - tadi saya hendak jawab sedikit. Sebenarnya bila kita melabur di luar negeri, minta penejalsan sedikit, tak bermakna pelabur-pelabur di Malaysia semestinya membawa wang modal daripada Malaysia. Mereka pinjam dari luar, dari Europe bon, U.S. bon, banyak lagi. Dia tak faham bon, yang dia faham mungkin James Bond sahaja. *[Ketawa]*

Yang kedua, Yang Berhormat tuduh tadi tidak benar. Kita mendapat sokongan semua. Saya rasa kalau Yang Berhormat sendiri hendak berniaga, hendak berusaha dalam bidang apa pun, kerajaan akan bantu, betul. Kalau masuk Barisan Nasional lagi kuat kita bantu.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Kalau tidak dijawab, Rompin tidak akan tidur malam ini. Minggu yang lalu dibongkar bahawa YTL Corporation telah meminjam lebih kurang RM2 bilion daripada Kerajaan Pusat untuk dilaburkan di Hong Kong. Tidak mahu belajar lagikah Kerajaan Malaysia daripada skandal BMF? Jadi, bagaimana kita mahu mengawal pelaburan kalau rakyat Malaysia sendiri terlalu ghairah untuk mengharapkan dana luar untuk dilaburkan di luar negara kita. Senanglah semua rakyat Malaysia melabur di luar negara tetapi, keluar dari negara Malaysia dan melabur di luar negara, minta duit daripada luar negara. Bolehkah dibuat begitu? Itu yang saya ingin utarakan.

Mengenai dengan peruntukan pembangunan sosial ataupun pembangunan. Kita telah melihat kemerosotan peruntukan untuk pembangunan di dalam Belanjawan tahun hadapan. Satu perkara yang sangat mendadak ialah peruntukan untuk pemodenan desa. Desa ini kita perlu perembangkan dan memerlukan peruntukan yang besar. Tetapi walaupun kita mendengar bahawa kerajaan tidak akan mengabaikan rakyat luar bandar, tidak di sokong dalam peruntukan yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang jelas mempertunjukkan bahawa peruntukan untuk pembangunan

pemodenan desa ini diturunkan daripada RM71 juta kepada hanya RM1.2 juta sahaja untuk seluruh negara. Apakah yang boleh dibangunkan dengan peruntukan hanya RM0.2 sahaja? Ini saya rasa menunjukkan satu perangai ‘hangat-hangat tahi ayam’.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan akan menaikkan peruntukan untuk pemodenan desa ini kepada RM100 juta dan bukan dikurangkan, memandangkan keperluan di seluruh negara untuk membangun desa dan kampung-kampung kian bertambah. Tidak wajarlah kalau dikurangkan menjadi RM1.2 juta sahaja. Di Sabah, sekolah-sekolah kita sering mendengar bahawa kita kekurangan sekolah-sekolah, rumah-rumah guru dan lain-lain lagi. Tetapi yang pelik ialah wang RM250 juta yang diperuntukkan sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, tetapi ada sekolah yang tidak dibina.

Saya ingin penjelasan daripada kementerian yang berkenaan, di manakah sekolah yang telah dibina dan berapakah peruntukan sebenarnya daripada yang diperuntukan sepanjang Rancangan Malaysia Keenam itu telah dibelanjakan. Kalau tidak, ini satu skandal yang terlalu besar bagi negara. Oleh kerana peruntukan mungkin telah habis, tetapi sekolah tidak ada.

Saya ingin utarakan lagi di sini ialah JPPS - saya fikir kerajaan terpaksa berhati-hati dengan pelaksanaan peruntukan yang diberikan ke kampung-kampung atau pun pembangunan melalui JPPS ini. Kita mengalu-alukan usaha kerajaan yang serius untuk membangunkan negara. Wang yang diperuntukkan itu adalah wang rakyat, wang negara dan haruslah dibelanjakan dengan jujur supaya menepati sasaran. Tetapi yang kita tidak faham ialah di kawasan saya, Penolong Pengarah JPPS telah ditangkap oleh BPR dan saya fikir “that is only a tip of the iceberg”. Oleh kerana banyak peruntukan yang dikatakan telah di ‘spin’ atau pun telah dihabiskan, tetapi projek tidak ada - pergi ke

mana wang seperti itu? Adalah peruntukan RM650,000 untuk bekalan elektrik luar bandar untuk kampung Kelawat dan juga Kampung Bohol tetapi projek belum dimulakan.

Kemungkinan besar sudah tidak ada lagi wang ini, tetapi tidak ada satu tiang elektrik pun di kampung itu. Dan demikian juga saya difahamkan ada satu peruntukan untuk sebuah sekolah, mengaspal jalan raya di sebuah sekolah - lebih kurang 1 kilometer sahaja. Sudah 3 kali diberi peruntukan tetapi apabila saya periksa jalan raya ini belum diaspal pun. Jangankan aspal, masih lagi jalan macam liang kerbau. Jadi, pergi kemana wang? Saya harap, pihak kerajaan akan mengawasi kegiatan JPPS ini, sebelum negara menjadi muflis oleh kerana perlaksanaan projek-projek melalui JPPS.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang tidak dapat dielakkan untuk dibahas berterusan sebelum diselesaikan dalam Dewan yang mulia ini ialah pendatang tanpa izin. Kita tahu bahawa di Sabah ada terdapat tidak kurang daripada 850,000 pendatang tanpa izin dan yang anehnya ialah, sebuah negara jiran ingin mengeluarkan ataupun memberikan pasport kepada rakyat mereka di negara kita ini tanpa balik ke negara mereka. Adakah ini mengikut undang-undang kita? Dan saya difahamkan bahawa kerajaan negeri telah pun menerima cadangan ini. Pada hemat saya dan mengikut pengetahuan saya mengenai Perlembagaan ataupun Undang-undang Antarabangsa, mereka tidak boleh berbuat demikian. Mungkin 100 orang boleh untuk memperbaharui pasport - boleh, tetapi mengeluarkan pasport kepada rakyat negara asing di dalam negara kita adalah mempersendakan atau pun menghina kedaulatan negara kita.

Jadi, saya minta Kerajaan Persekutuan supaya jangan membenarkan ini. Kerajaan Persekutuan haruslah menggubal dasar supaya semua pendatang asing harus balik ke negara masing-masing dahulu dan dari negara mereka masing-masing, mereka mendapatkan pasport, kalau ada pekerjaan, baru datang ke mari dan kita akan beri work permit, tetapi kalau tidak ada pekerjaan, jangan datang ke negara kita. Kita masing-



masing bangun negara kita di rantau Asian, supaya kita sama-sama akan menikmati kemakmuran. Kita tidak mahu bermusuhan dengan mana-mana negara, tetapi kita harus waspada. Kalau pihak keselamatan tidak dapat menjamin ketenteraman negara waktu kita dalam masa yang aman, saya tidak dapat bayangkan apa yang akan terjadi kepada kita kalau peperangan meletus ataupun ancaman dalam negeri timbul daripada kehadiran begitu ramai masyarakat asing di negara kita ini - tidak boleh bayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai KKIP. KKIP Sdn. Bhd. ini adalah satu agen kerajaan Negeri Sabah. Tetapi yang aneh di sini ialah ia bertujuan untuk membangunkan negeri dan mungkin juga selaras dengan dasar kerajaan yang ingin membantu kaum bumiputera. Tetapi yang pelik, tanah-tanah kaum bumiputera seluas 8,500 ekar dirampas di atas nama untuk kegunaan awam, tetapi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Kita hanya ada 20 minit. Boleh untuk seorang lagi.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan gulung. ....dengan nama kegunaan awam, tetapi tujuan sebenar ialah untuk dijual dengan hasrat ingin mendapatkan keuntungan. Adakah ini satu perkara yang akan diteruskan? Kalau ini diteruskan ia akan merugikan negara terutama kaum bumiputera dan akan membayangkan dasar “U-turn Economic Policy” Kerajaan Persekutuan seperti yang diperkatakan oleh Profesor Jomo. Jadi, saya mohon supaya Kerajaan Persekutuan akan menggubal undang-undang tentang definisi kegunaan awam ini akan diperjelaskan lagi menurut peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan supaya kerajaan-kerajaan negeri tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk mengambil tanah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan-saranan seperti yang saya katakan tadi, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Alor Gajah.

**8.27 mlm.**

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Usul Belanjawan Negara tahun 1997.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana dapat membentangkan di dalam Dewan yang mulia ini satu Belanjawan yang amat pragmatik dan juga dapat memastikan agar pertumbuhan ekonomi negara kita terus mantap dan mampan dalam jangka sederhana dan panjang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor penting dalam perkembangan pesat ekonomi negara kita ini ialah disebabkan peningkatan produktiviti. Peningkatan produktiviti amat penting bagi membolehkan produk eksport negara kita kompetitif di pasaran antarabangsa. Pada masa yang lalu sesetengah produk eksport kita mendapat perlindungan pasaran di seberang laut. Namun demikian, perkembangan dalam pertumbuhan ekonomi dunia seperti WTO dan AFTA memerlukan pengusaha-pengusaha kita meningkatkan lagi produktiviti produk mereka.

Menurut laporan kenaikan upah di Malaysia pada tahun ini 8.6% berbanding dengan kenaikan produktiviti 3.9%. Keadaan ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan supaya produktiviti dipertingkatkan dengan segera. Ini kerana sekiranya keadaan ini berpanjangan produk-produk eksport negara kurang mempunyai daya saing dan daya tahan serta tidak kompetitif di pasaran antarabangsa. Selain dari itu, kekangan peningkatan produktiviti akan memberi kesan kepada kawalan ke atas inflasi negara.

Usaha-usaha bagi meningkatkan produktiviti mungkin boleh dilaksanakan dengan meningkatkan lagi penggunaan teknologi di samping memperkasakan usaha-usaha

pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pembinaan sikap positif pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu usaha kerajaan yang jelas dan berkesan dalam meningkatkan produktiviti negara adalah melalui pelaksanaan penswastaaan. Kerajaan telah menswastakan beberapa jabatan dan projek besar. Pada masa kini kerajaan telah menswastakan 401 projek jabatan-jabatan kerajaan ataupun projek-projek besar yang telah diswastakan terbukti telah dapat mengaut keuntungan besar. Jelas kepada kita bahawa dasar penswastaaan telah memberi keuntungan kepada semua pihak. Contohnya, kerajaan telah dapat mengurangkan bebanan bayaran gaji kakitangan. Kakitangan pula mendapat bayaran gaji yang lebih lumayan dan rakyat mendapat perkhidmatan atau barangan yang lebih bermutu dengan kos yang munasabah. Lebih penting dari itu, kerajaan memperolehi pendapatan cukai dari keuntungan syarikat.

Dalam erti kata lain, penswastaaan aktiviti-aktiviti kerajaan telah mewujudkan satu sistem rangkaian pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berwibawa serta memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Contohnya, kejayaan penswastaaan jabatan kerajaan ialah Telekom Malaysia Berhad yang mengaut keuntungan berbilion ringgit sehingga mencetuskan pula kesungguhan supaya negara kita melaksanakan koridor raya multimedia. Manakala projek kerajaan yang telah diswastakan pula yang berjaya ialah Projek Lebuhraya Utara Selatan di mana projek ini telah menjadi katalis kepada pertumbuhan industri lain dan konsep yang serupa dikembangkan ke projek-projek lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kejayaan kerajaan melalui dasar penswastaaan ini telah terbukti, namun saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya keuntungan yang telah diperolehi oleh syarikat-syarikat tersebut perlu diagih-agihkan sebahagian daripada keuntungan tersebut untuk memenuhi tanggungjawab sosial syarikat kepada rakyat jelata.

Kita tidak mahu sekadar mendengar syarikat untung berbilion ringgit, namun terdapat masyarakat kita terutamanya masyarakat di luar bandar masih berada di dalam keadaan serba kekurangan.

Kita mahu syarikat-syarikat ini mengamalkan dan meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah wujudnya masyarakat penyayang, bak kata pepatah, 'cubit peha kiri, peha kanan terasa jua'. Kita tidak mahu mewujudkan masyarakat korporat hasil dari kejayaan dasar penswastaaan bagaikan pepatah menyebut, 'hilang peluh hilanglah budi'. Justeru itu saya menyarankan di Dewan yang mulia ini, supaya syarikat-syarikat tersebut termasuklah Syarikat Penjana Bebas (IPP) dapat memberi perhatian yang lebih serius ke atas keperluan masyarakat terutama yang berada di luar bandar dengan membina atau menyediakan kemudahan-kemudahan mereka seperti jalan luar bandar, telefon-telefon di luar-luar bandar, dewan serbaguna, khutub khanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin pula menyentuh isu pendidikan di negara dewasa ini. Kita dapati bahawa melalui Belanjawan 1997 ini, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan RM13.2 bilion dan daripada jumlah tersebut RM10 bilion telah diperuntukkan bagi pembangunan sekolah-sekolah yang merangkumi program komputer dalam pendidikan dan pembiayaan institusi pengajian tinggi.

Saya merasakan bahawa program ini amat sesuai dan tepat pada masanya. Walaupun demikian, saya ingin menyarankan supaya pengendalian pembekalan dan membaik pulih komputer yang diserahkan kepada tender pusat atau central contract perlu diperbaiki dan dikaji semula supaya matlamat program ini tercapai.

Ini kerana sistem pengendalian program komputer yang sedia ada menghadapi masalah seperti kelewatan membaik pulih mutu komputer yang rendah dan kekurangan software. Justeru itu, saya ingin menyarankan supaya kerja-kerja baik pulih, kekurangan software yang selama ini dikendalikan oleh central contract diperluaskan ke negeri-negeri

ataupun ke daerah-daerah. Tujuannya supaya meningkatkan kecekapan dan penggunaan sepenuhnya peralatan-peralatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu bahawa perkembangan pendidikan masa kini begitu pesat dan memerlukan kemahiran dan golongan profesional. Masalah ini lebih nyata dan akan lebih kita rasai apabila kerajaan menggalakkan penubuhan institusi-institusi pendidikan tinggi yang dikendalikan oleh pihak swasta. Saya yakin bahawa negara kita akan menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar di institusi-institusi pengajian tinggi.

Sebagai langkah jangka pendek, kerajaan telah memberi beberapa insentif kepada pensyarah-pensyarah asing dengan memberi pengecualian 5% cukai pendapatan mereka. Walaupun demikian, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini, supaya Kementerian Pendidikan menyediakan satu program jangka panjang yang boleh menenangkan kemelut ini.

Saya ingin mencadangkan supaya pensyarah-pensyarah tempatan yang sedia ada diberi insentif. Kalaupun tidak lebih daripada pensyarah asing hendaklah sama dengan mereka. Di samping itu, saya berpendapat bahawa kita juga perlu menimbangkan supaya pensyarah-pensyarah tempatan diberi faedah sampingan yang boleh menarik minat mereka untuk terus berkhidmat dengan kerajaan dan dalam masa yang sama, profesion ini dapat menarik minat tenaga pengajar baru lainnya.

Sebagaimana yang kita maklum, bahawa pensyarah-pensyarah ini adalah merupakan 'arkitek-arkitek' dalam melahirkan pembangunan sumber manusia negara yang akhirnya mereka ini menjadi 'arkitek' pembangunan negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang kualiti pendidikan, saya ingin menarik perhatian kepada peranan Pejabat Pendidikan Daerah yang telah diwujudkan sejak lebih 10 tahun yang lalu. Ternyata sejak diwujudkan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di

seluruh negeri, dapat membantu melicinkan pentadbiran dari segi penggajian tenaga guru, meningkatkan penyeliaan dan mutu pengajaran dan pembelajaran di setiap daerah.

Masalah pendidikan di peringkat daerah dapat diatasi dengan segera tanpa menunggu tindakan di peringkat negeri. Hari ini, tidak semua daerah mempunyai PPD dan tidak semua negeri mempunyai PPD. Contohnya, di Melaka, tidak mempunyai satu pun PPD walaupun terdapat hanya tiga daerah sahaja yang mengandungi 216 buah sekolah rendah dan 57 buah sekolah menengah.

Walaupun Jabatan Pendidikan Negeri Melaka mengambil daya usaha sendiri menubuhkan PPD ini secara tidak rasmi menggunakan guru yang ada tetapi PPD ini serba kekurangan berbanding dengan PPD yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan.

Menyedari betapa pentingnya sumber tenaga manusia yang mempunyai potensi bagi membantu negara dalam merealisasikan wawasan kita, saya memohon agar perkara ini segera diberi pertimbangan supaya diselaraskan bahawa setiap daerah wujudkan PPD, lebih-lebih lagi dengan terlaksananya struktur baru Kementerian Pendidikan. Peranan PPD lebih mencabar dan mendesak bagi mempercepatkan wawasan pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menyentuh berkaitan dengan dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka pada 31hb. Oktober 1996 di mana beliau mendakwa bahawa beberapa projek di Melaka iaitu Taman Tasek Utama di Air Keroh dan projek Expo Negeri Melaka di Air Keroh tidak mempunyai satu unit pun kos rendah. Di sini, saya ingin menyatakan bahawa dakwaan yang dibuat oleh Kota Melaka itu adalah tidak berasas sama sekali. Oleh kerana, apa yang saya telah difahamkan bahawa pelan susunatur berkaitan dengan projek-projek ini masih belum dikaji secara terperinci oleh pihak berkuasa negeri Melaka. Dan dengan itu, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kuala Nerus.

**8.42 mlm.**

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya walaupun tidak beberapa minit lagi.

*[Ketawa]*

Saya sebagaimana rakan-rakan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang telah membentangkan Belanjawan 1997 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pagar yang melindungi kanak-kanak adalah ibu bapa. Benteng yang paling kuat adalah keluarga. Hasutan yang sungguh dahsyat adalah di waktu remaja. Tabiat yang paling tidak disukai adalah tabiat tidak apa. Kesan yang paling jelas adalah apabila tergadai jiwa dan raga. Ibu bapa ibarat kedua tiang seri sebuah rumah yang tegak menampung bebanan tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara anak-anak yang menuju dewasa. Kata pepatah, "harapkan pagar, pagar makan padi" ada kalanya anggapan seperti "Haruan makan anak" kian menjadi.

Saban hari kita dihujani dengan berita ngeri dan menyayat hati di muka depan akhbar terpapar indah berita memalukan mengenai anak-anak gadis menjadi mangsa penganiayaan dan penderaan seks. Kenapa terlalu rapuh anak muda dewasa ini dan kenapa terlampau rakus perbuatan yang tidak bermoral ini?

Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menganjurkan berbagai-bagai seminar, "conference", dialog dan persidangan-persidangan antarabangsa bagi menangani masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat boleh sambung esok. Saya berikan masa 17 minit untuk menyambung ucapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***